

BAB KELIMA

KONSEP HARI KEBANGKITAN (*AL-MA'ĀD*)

5.1 - Introduksi:

Konsep *al-Ma'ād* merupakan suatu konsep yang memperlihatkan manifestasi kekuasaan Allah Yang Maha Agung ke atas sekalian alam dan makhluk-Nya. Allah (s.w.t) menjelaskan dalam firman-Nya yang bermaksud:

“ Tidakkah orang-orang itu menyangka bahawa sesungguhnya mereka akan dibangkitkan, pada suatu hari yang besar (*li-Yaum 'Aẓim*), (iaitu) pada (ketika) manusia berdiri menghadap Tuhan semesta alam?”¹

Dalam keterangan yang lain, Allah (s.w.t) berfirman dengan maksudnya:

“ Tuhukah kamu apakah hari pembalasan itu (*Yaum al-Dīn*)? Sekali lagi, tahukah kamu apakah hari pembalasan itu? (iaitu) hari (ketika) seseorang tidak berdaya sedikit pun untuk menolong orang lain. Dan segala urusan pada hari itu dalam kekuasaan Allah.”²

Secara umumnya, *al-Ma'ād* menurut Ḥalīl bin Abī Ṭālib (r.a) berdasarkan perspektif Syī'ah adalah merujuk kepada segala perkara yang menjadi kenyataan pada suatu hari yang hanya diketahui Allah semata-mata dengan semua makhluk akan tunduk di bawah kehendak dan kekuasaan-Nya. Ia membicarakan suatu alam lain yang kehidupannya bersifat kekal dan abadi tanpa sebarang bentuk ujian dan pilihan dan manusia akan dibangkitkan sekali lagi,³ berdasarkan keterangan al-Qur'ān yang bermaksud:

¹ Al-Ṭabarī, *Majma' al-Bayān*, X, h.452. Lihat: Al-Qur'ān, surah al-Muṭaffifīn (83): 4-6.

² Al-Ṭabarī, *ibid*, X, h.450; Mehdi Pooya, *Fundamentals of Islam*, h.50. Lihat: Al-Qur'ān, surah al-Infiṭār (82): 17-19.

³ Hasan Hijāzī, *Tariq al-Hudā*, h.361; Mehdi Pooya, *ibid*, h.51.

“ Apakah manusia mengira bahawa Kami tidak akan mengumpulkan (kembali tulang-belulangnya)?”⁴

Ia merupakan suatu perkara (*amr*) yang tidak diragukan lagi⁵ sebagai hari yang benar (*al-Yaum al-Haq*).⁶ Dalam konteks Allah dan manusia, *al-Ma'ād* merujuk kepada suatu hari apabila kehendak dan kebebasan yang Allah berikan kepada manusia akan diakhiri oleh-Nya. Ia juga pada masa yang sama memperlihatkan janji Allah dengan *al-Ma'ād* adalah janji yang benar⁷ kerana Allah (s.w.t) Tuhan Yang Maha Benar seperti ditegaskan dalam kata-kata-Nya yang bermaksud:

“ Allah, tiada tuhan selain Dia. Sesungguhnya Dia akan mengumpulkan kamu pada Hari Kiamat, yang tiada keraguan padanya. Dan siapakah orang yang lebih benar perkataan(nya) daripada Allah.”⁸

5.2 – Konsep Ruh (*al-Rūḥ*):

5.2.1 – Pengertian *rūḥ* dari segi bahasa:

Dari segi bahasa, perkataan *rūḥ* pada asalnya dalam bentuk umum merujuk kepada keluasan dan kelapangan. Secara keseluruhannya, ia berkaitan dengan perkataan angin (*al-riḥ*) yang berhembusan (*al-hawā' al-mutaharrik*) dengan lemah-lembut. *Rūḥ* dalam percakapan orang Arab bermaksud hembusan atau tiupan (*al-nafkh*). Ia dinamakan

⁴ Al-Qur'ān, surah al-Qiyāmah (75): 3.

⁵ Al-Qur'ān, surah Ḥāli 'Imrān (3): 9; 25; al-Nisā' (4): 87; al-An'ām (6): 12.

⁶ Muḥammad Ḥasan, *al-Ma'ād*, h.30-31.

⁷ Al-Qur'ān, surah al-Nahl (16): 38.

⁸ Al-Qur'ān, surah al-Nisā' (4): 87.

rūh kerana hembusan angin yang keluar daripadanya.⁹ Oleh itu, perkataan *rūh* yang merujuk kepada ruh manusia dikatakan berpunca daripada perkataan *al-riḥ* tersebut.¹⁰

Rūh ini juga disebutkan sebagai *al-nafs* kerana ia adalah katanama baginya.¹¹ Justeru itu, sebahagian ahli bahasa menganggap *al-rūh* dan *al-nafs* adalah sama, dan perbezaan di antara kedua-duanya di kalangan orang-orang Arab adalah perkataan *al-rūh* bersifat *mudhakkar*¹² manakala *al-nafs* adalah *mu'annath*. Ringkasnya, perkataan *al-rūh* dari segi bahasa berasal daripada perkataan *al-riḥ* yang merujuk kepada hembusan angin atau udara yang lembut.

Menurut Ibn Manzūr, perkataan *al-rūh* dalam al-Qur'an dan al-Hadīth mempunyai beberapa interpretasi dan secara umumnya, *al-rūh* boleh merujuk kepada al-Qur'an,¹³ wahyu (*al-wahy*),¹⁴ Jibrā'il ('a.s), 'Isā ('a.s), perintah (*al-amr*), *al-nafs*, limpah rahmat (*al-raḥmah*),¹⁵ hembusan (*al-nafkh*), urusan kenabian (*amr al-nubuwah*) dan ketetapan Allah (*hukm Allāh*).¹⁶ Namun demikian, pada kebiasaannya, *rūh* merujuk kepada sesuatu zat yang berhubungan dengan jasad hingga membolehkan jasad tersebut hidup.¹⁷

⁹ Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, II, h.455; E.W.Lane, *Lexicon*, III, h.1180; E.E.Calverley, "Nafs" dlm. *EI* (1), III, h.827-830.

¹⁰ Ibn Fāris, *Mu'jam*, II, h.454.

¹¹ Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, II, h.455; al-Rāghib, *Mufradāt*, h.369; al-Tahānavī, *Kasīsyāf Iṣṭilāhāt al-Funūn*, II, h.541.

¹² Fairūzābādī, *Tartīb*, II, 379.

¹³ Al-Qur'an, surah al-Syūrā (42): 52; al-Mughniyyah, *Fī Zilāl Nahj al-Balāghah*, I, h.45.

¹⁴ Al-Qur'an, surah Ghāfir (40): 15.

¹⁵ Al-Qur'an, surah Yūsuf (12): 87; Muḥammad 'Abduh, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, h.766; al-Mughniyyah, *op.cit.*

¹⁶ Ibn Manzūr, *op.cit.*, II, h.455; Fairūzābādī, *op.cit.*, II, h.379; al-Mughniyyah, *ibid.*

¹⁷ Ibn Manzūr, *ibid.*, II, h.463; Ibn Abī al-Hadīd, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, XX, h.278.

5.2.2 – Pengertian *rūh* dari segi istilah:

Di dalam al-Qur'ān, perkataan *rūh* boleh didapati sebanyak 24 kali dan semuanya dalam bentuk *mufrad*¹⁸ dan tidak terdapat sebarang bentuk *jama'* mengenainya. Beberapa ayat yang berkait secara langsung dengan konsep *rūh*, di antaranya adalah:

Pertama: “ Dan mereka bertanya kepadamu tentang ruh (*al-rūh*). Katakanlah: Ruh (*al-Rūh*) itu termasuk urusan Tuhan-ku, dan tidaklah kamu diberi pengetahuan melainkan sedikit.”¹⁹

Kedua: “ Dan Kami berikan kepada ‘Isā putera Maryam beberapa mu‘jizat serta Kami perkuatkan dia dengan ruh kudus (*Ruh al-Qudus*).”²⁰

Ketiga: “ Dia menurunkan para malaikat dengan (membawa) wahyu (*bi al-rūh*) dengan perintah-Nya kepada siapa yang dikehendaki di antara hamba-hamba-Nya.”²¹

Dalam al-Qur'ān, perkataan ruh (*al-rūh*) diberikan beberapa sifat seperti berikut:

Pertama: Ruh dikatakan mempunyai realiti dan sifatnya yang berdiri sendiri tanpa kongkongan yang lain, seperti berdiri bersaf-saf berdasarkan maksud al-Qur'ān:

“ Pada hari, ketika ruh (*al-rūh*) dan malaikat berdiri bersaf-saf,”²²

dan dapat naik menghadap Allah:

“ para malaikat dan ruh (*al-rūh*) naik (menghadap) kepada Tuhan dalam sehari yang kadarnya lima puluh ribu tahun.”²³

¹⁸ 'Abd al-Bāqī, *al-Mu'jam*, h.326.

¹⁹ Al-Qur'ān, surah al-Isrā' (17): 85.

²⁰ Al-Qur'ān, surah al-Baqarah (2): 253.

²¹ Al-Qur'ān, surah al-Nahl (16): 2.

²² Al-Qur'ān, surah al-Nabā' (78): 38.

²³ Al-Qur'ān, surah al-Mā'ārij (70): 4.

Kedua: Ruh dikatakan sebagai sesuatu yang bersama-sama dengan malaikat²⁴ dan turun sebagai *al-rūh al-amin* ke dalam hati sanubari Muḥammad (ṣ.‘a.w).²⁵

Ketiga: Ruh dikatakan sesuatu yang ditüpakan (*nafakha*) ke dalam jasad manusia secara umum, contohnya ke dalam diri Ādam ('a.s) untuk menghidupkannya²⁶ dan ke dalam diri Maryam untuk melahirkan ‘Isā ('a.s).²⁷ Dalam kenyataan di atas, *rūh* mempunyai persamaan dengan hembusan angin (*riḥ*) dan ia bermaksud hembusan atau tiupan nyawa yang membolehkan makhluk hidup.

Keempat: Ruh dikatakan sesuatu yang turun bersama-sama dengan orang-orang yang beriman dalam bentuk cahaya yang terang²⁸ dan juga sebagai pertolongan daripada Allah.²⁹

Kelima: Ruh dikatakan sesuatu yang diturunkan kepada orang-orang yang dikehendaki Allah di kalangan hamba-Nya yang terdiri daripada para nabi seperti Muḥammad (ṣ.‘a.w)³⁰ dan ‘Isā ('a.s).³¹

Dalam al-Qur'ān, perkataan lain yang hampir sama maksudnya dengan *al-rūh* adalah *al-nafs* dan kedua-duanya sering digunakan secara timbal balik. Perkataan *al-nafs* dalam

²⁴ Al-Qur'ān, surah al-Baqarah (2): 97.

²⁵ Al-Qur'ān, surah al-Syu'arā' (26): 193-194.

²⁶ Lihat: Al-Qur'ān, surah al-Hijr (15): 29; Ṣad (38): 72 dan Sajdah (32): 9.

²⁷ Lihat: Al-Qur'ān, surah al-Anbiyā' (21): 91 dan al-Tahrim (66): 12; al-Mughniyyah, *Fī Zilāl Nahj al-Balāghah*, I, h.46.

²⁸ Al-Qur'ān, surah al-An'ām (6): 122.

²⁹ Al-Qur'ān, surah al-Mujādilah (58): 22.

³⁰ Al-Qur'ān, surah al-Nahl (16): 2 dan al-Syūrā (42): 52.

³¹ Al-Qur'ān, surah al-Baqarah (2): 87, 253.

bentuk *mufrad* didapati sebanyak 139 kali, manakala dalam bentuk *jama'* iaitu *al-nafs* sebanyak 2 kali dan *al-anfus* pula sebanyak 153 kali.³² *Al-nafs* biasanya dirujuk kepada lima (5) perkara iaitu diri manusia,³³ Allah,³⁴ tuhan-tuhan,³⁵ kelompok manusia dan jin³⁶ dan ruh manusia.³⁷ Secara khusus, *al-nafs* yang merujuk kepada ruh manusia mempunyai tiga (3) ciri:

Pertama: “ Dan aku tidak membebaskan diriku (daripada kesalahan) kerana sesungguhnya nafsu itu selalu menyuruh kepada kejahatan (*al-nafs al-ammārah bi al-sū'*).”³⁸

Kedua: “ dan Aku bersumpah dengan jiwa yang amat menyesali (dirinya sendiri) (*al-nafs al-lawwāmah*).”³⁹

Ketiga: “ Hai jiwa yang tenang (*al-nafs al-muṭma'innah*), kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang puas lagi diredhai-Nya.”⁴⁰

Terdapat pelbagai pendapat mengenai ruh dikemukakan. Menurut ‘Alī bin Abī Tālib (r.’a), *rūḥ* dari segi kejadian (zat) merupakan suatu titik (*nuktah*) atau dalam keterangan lain dikatakan jisim (*jism*)⁴¹ yang paling halus, tipis dan sukar difahami. Ia dibentuk berdasarkan jasad yang merupakan acuan (*qalīb*) yang tebal dan kasar. Dari

³² ‘Abd al-Bāqī, *al-Mu'jam*, h.710-713.

³³ Al-Qur’ān, surah Āli ‘Imrān (3): 64; Yūsuf (12): 54; al-Dhāriyāt (51): 21.

³⁴ Al-Qur’ān, surah al-Mā’idah (5): 116; Āli ‘Imrān (3): 28, 30; al-An’ām (6): 12, 54.

³⁵ Al-Qur’ān, surah al-Rā’id (13): 16.

³⁶ Al-Qur’ān, surah al-An’ām (6): 130.

³⁷ Al-Qur’ān, surah Qāf (50): 16; al-Tagħħabun (64): 16; al-Nāzi’āt (79): 40.

³⁸ Al-Qur’ān, surah Yūsuf (12): 53.

³⁹ Al-Qur’ān, surah al-Qiyāmah (75): 2.

⁴⁰ Al-Qur’ān, surah al-Fajr (79): 27-28; E.E. Calverley, *EJ* (2), VII, h.880.

⁴¹ Al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, LXI, h.43; al-Muhammadī, *Mīzān al-Hikmah*, IV, h.196.

perspektif yang lain, *rūh* juga disifatkan sebagai jisim yang lembab (*raqūbah al-jism*) yang berkaitrapat dengan darah dan ia dikatakan berwarna jernih dan suci (*ṣafā al-lawn*) dan ruh tersebut dikatakan akan meninggalkan badan apabila darah mulai membeku.⁴²

Dari segi sifatnya, beliau (r.'a) mengatakan ruh merupakan cahaya yang tertinggi sekali. Ia adalah salah satu keajaiban Allah yang Maha Kuasa dan Pencipta yang Maha Sempurna yang dikeluarkan daripada khazanah-Nya dan diletakkan secara terbuka dalam kerajaan-Nya di hadapan sekalian makhluk-Nya. Menurut beliau (r.'a) lagi, ruh dikatakan sebagai penyelamat bagi manusia di hadapan Allah di samping menjadi suatu amanah yang dianugerahkan Allah kepada manusia. Menerusi perantaraan ruh dan keruhanian, manusia dikatakan boleh mencapai segala rahmat Allah yang merekakehendaki dan Allah pasti akan mengambil amanah-Nya semula daripada mereka.⁴³

Tokoh-tokoh al-Mu'tazilah seperti al-Nazzām mengatakan *rūh* dan *nafs* adalah sama yang merujuk kepada jisim (*jism*) yang hidup dengan sendiri.⁴⁴ Ja'far bin Ḥarb pula tidak menjelaskannya kerana *ruh* itu tidak diketahui sama ada ia *jawhar* atau '*arad*. Al-Jubbā'i pula menjelaskan *rūh* bukanlah '*arad*. Justeru itu, ia dikatakan jisim (*jism*).⁴⁵ Kebanyakan tokoh al-Mu'tazilah di Baghdād berpendapat ia adalah suatu hidupan (*al-hayāt*) yang mengisi ruang kosong dengan wujudnya *qudrat*, *'ilm* dan *ikhtiyār*.⁴⁶

⁴² Al-Majlisi, *Bihār al-Amwār*, LXI, h.34; al-Muhammadī, *Mizān al-Hikmah*, IV, h.196. (Ahli falsafah juga mengaitkannya dengan darah (*dam*). Lihat: Al-Bazdawī, *Uṣūl al-Dīn*, h.224)

⁴³ Sibṭ Ibn al-Jawzī, *Tadhkirah al-Khwāwāṣ*, h.147.

⁴⁴ Al-Asy'arī, *Maqālāt*, II, h.27.

⁴⁵ Al-Asy'arī, *ibid*, II, h.28-29. (Kebanyakan al-Mu'tazilah mengatakan ia adalah jisim yang mempunyai kehidupannya yang tersendiri)

⁴⁶ Al-Ṭabarī, *Majma' al-Bayān*, VI, h.437; al-Bazdawī, *op.cit*, h.224.

Para ulama al-Asyā'irah, di antaranya al-Bāqillānī berpendapat *rūḥ* adalah '*araḍ* yang merujuk kepada jiwa atau nyawa yang berbeza daripada *al-nafs*. Ia dikatakan menduduki tempat di bahagian terkecil dalam jasad manusia.⁴⁷ Ibn Furak pula mengatakan ia adalah hembusan yang keluar daripada jasad dalam keadaan panas selepas memasuki jasad dalam keadaan sejuk⁴⁸ manakala al-Ghazālī membahagikannya kepada dua. Pertama, ruh yang mati dengan kematian jasad dan kedua, ruh yang merupakan atom ('*araḍ*) dan *jawhar* bukan berbentuk jisim. Ia ditiupkan Allah ke dalam diri manusia dan kekal selepas kematian jasadnya.⁴⁹ Menurut al-Rāzī, ia dikatakan *jawhar* yang tipis dan bersifat nurani dalam diri manusia. Jasad yang sempurna dari segi ilmu dan amal menyebabkan *rūḥ* akan berada dalam kegembiraan dan begitulah pula sebaliknya.⁵⁰

Secara keseluruhannya, *rūḥ* tidak diketahui manusia dan perkara ini disepakati umum. Pengetahuan manusia mengenainya adalah setakat yang diberitahu Allah dan Rasul-Nya sahaja. Ternyata 'Alī (r.'a) juga berpendapat demikian walaupun beliau mempunyai keterangan yang agak lebih jelas dan unik berbanding dengan yang lain-lain.

Secara umumnya, *rūḥ* menurut 'Alī bin Abī Ṭālib (r.'a) adalah termasuk dalam alam *malakūt*⁵¹ yang meliputi perkara-perkara ghaib yang hanya diketahui oleh Allah (s.w.t) semata-mata kerana ia termasuk dalam bidang kuasa (*Qudrah*) Allah (s.w.t).⁵² Justeru itu,

⁴⁷ Ibn Hazm, *al-Fiṣal*, IV, h.5, 74, 77; A.S.Tritton, *Muslim Theology*, h.178.

⁴⁸ Ibn Hazm, *ibid*, IV, h.215.

⁴⁹ Al-Bazdawī, *Uṣūl al-Dīn*, h. 224; A.S.Tritton, *op.cit*, h.202.

⁵⁰ Al-Rāzī, *Uṣūl al-Dīn*, h.119.

⁵¹ Al-Šadūq, *I'tiqādāt*, h.48; al-Šaffār, *Baṣā'ir al-Darajāt*, h.482.

⁵² Muḥammad 'Abduh, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, h.299; al-Syarīf al-Raḍī, *Nahj al-Balāghah*, (Khutbah no.112), h.167; Ibn Abī al-Hadīd, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, VII, h.237; al-Tabarī, *Majma' al-Bayān*, VI, h.437; al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, LXI, h.42; al-Šaffār, *Baṣā'ir al-Darajāt*, h.482.

tiada seorang pun yang dapat mengetahui hakikatnya kecuali Allah, bahkan Nabi Muhammad (s.a.w) sendiri dikatakan tidak mengetahuinya walaupun baginda merupakan manusia istimewa pilihan Allah (s.w.t). Menurut beliau (r.a) lagi, Allah tidak menceritakannya dengan jelas bukannya kerana Allah tidak ingin berbuat demikian tetapi kerana manusia tidak berkemampuan untuk memahaminya.⁵³ Sekiranya manusia boleh berbuat demikian, Allah tidak akan membiarkannya tanpa sebarang penjelasan.

Dalam keterangan al-Qur'an, terdapat empat (4) ayat yang dikemukakan mengaitkan perkataan *rūḥ* dengan *amr* daripada Allah. Salah satu daripada ayat tersebut bermaksud:

“ Dan mereka bertanya kamu tentang ruh. Katakanlah: Ruh itu termasuk urusan Tuhan-ku (*al-rūḥ min amr rabbī*), dan tidaklah kamu diberi pengetahuan kecuali sedikit.”⁵⁴

Seterusnya dalam al-Qur'an juga, perkataan *amr* pula mempunyai tiga (3) maksud iaitu perintah, perkara dan ciptaan tanpa sebarang peralatan.⁵⁵ Daripada gabungan ayat-ayat tersebut, 'Ali (r.a) menunjukkan bahawa ruh boleh disimpulkan sebagai suatu ciptaan (*makhluq*) Allah yang dicipta tanpa sebarang peralatan dan ia bukanlah wujud dengan sendirinya. Justeru, ia menunjukkan bahawa ruh tidak sama dengan Allah yang menciptakannya tetapi tidak pula terlepas daripada-Nya. Al-Qur'an juga turut menjelaskan bahawa ruh dikatakan berasal daripada perkataan *kun*:

“ Sesungguhnya keadaan-Nya apabila Dia menghendaki sesuatu hanyalah berkata kepadanya: Jadilah (*kun*)! Maka terjadilah ia.”⁵⁶

⁵³ Al-Majlisi,⁷ *Bihār al-Anwār*, LXI, h.43.

⁵⁴ Al-Qur'an, surah al-Isrā' (17): 85. Lihat juga: al-Nahl (16): 2 dan al-Mu'min (40): 15 (*al-rūḥ min amri-Hi*); al-Syūrā (42): 52 (*ruḥan min amri-Nā*).

⁵⁵ Al-Rāghib, *Mufradāt*, h.88-89.

⁵⁶ Al-Qur'an, surah Yāsin (36): 82-83.

Selain itu, al-Qur'ān memperlihatkan bahawa ruh sebagai *amr Allah* turut disamakan dengan kerlipan mata dalam maksud ayat berikut:

“ Dan perintah (*amr*) Kami hanyalah seperti satu perkataan seperti kejapan mata (*lamḥin bi al-baṣar*).”⁵⁷

Justeru itu, ‘Alī (r.’a) mengatakan perkataan *kun* menunjukkan bahawa *rūh* adalah sesuatu yang terjadi secara sekaligus dan bukannya bertahap-tahap. Ini bererti bahawa ia tidak tertakluk dengan sebarang syarat, ruang dan masa. Ruh dikatakan tidak bersifat material dan berjisim kerana sesuatu yang bersifat material dan berjisim terikat dengan hukum universalnya iaitu wujud secara berperingkat-peringkat dan terikat dengan ruang dan masa.⁵⁸

Ruh dikatakan ciptaan Allah yang pertama berdasarkan sabda Nabi Muḥammad (ṣ.‘a.w): “ Ciptaan pertama yang Allah adakan (*abda'a*) daripada tiada adalah *rūh al-muqaddasah al-muṭahharah* dan dengannya, membolehkan manusia mengakui keesaan Allah. Seterusnya barulah diciptakan makhluk-makhluk yang lain.”⁵⁹

Di alam malakut yang tinggi, ruh berada pada kedudukan yang tertinggi dan Allah menempatkan ruh dalam badan (*al-abdān*) kerana Dia Maha Mengetahui bahawa dari segi kemuliaan dan keutamaannya, ruh-ruh (*al-arwāh*) tersebut hampir menyamai ciri-ciri ketuhanan apabila ia meninggalkan keadaannya.⁶⁰ Ini bertepatan dengan keterangan beliau (r.’a) yang mengatakan: “ sesiapa mengenali dirinya (*nafs*), dia mengenali Allah,”⁶¹

⁵⁷ Al-Qur'ān, surah al-Qamar (54): 50.

⁵⁸ Al-Ṭabāṭabā'i, *Shi'a*, h.162.

⁵⁹ Al-Ṣadūq, *I'tiqādāt*, h.46; al-Ṣaffār, *Baṣā'ir al-Darajāt*, h.483.

⁶⁰ Al-Ṣadūq, *al-Tawḥid*, h.402; al-Muḥammadi, *Mizān al-Ḥikmah*, IV, h.197.

⁶¹ Al-Āmudi, *Għurar al-Ḥikam*, h.352.

yang dapat diperhatikan kebenarannya sekiranya beberapa perbandingan dilakukan di antara ruh dengan Allah (s.w.t), di antaranya:

Pertama: Ruh tidak diketahui zat dan kejadianya dan Allah juga demikian.

Kedua: Ruh adalah penguasa kepada jasad sedangkan Allah pula adalah penguasa kepada sekalian alam.

Ketiga: Ruh berada dalam jasad manusia tanpa dapat diketahui tempatnya bahkan dikatakan ruh manusia berada di mana-mana bahagian dalam jasad manusia.⁶²

Keempat: Ruh ditetapkan oleh Allah bahawa selepas diciptakan, ia tidak akan mengalami kematian tetapi terus kekal dan abadi. Begitulah juga dengan Allah yang merupakan Tuhan Yang Maha Kekal Abadi (*Qadim*).

Kelima: Ruh adalah sesuatu yang wujud tanpa dapat dilihat. Allah juga wujud yang tidak dapat dilihat.⁶³

Secara ringkasnya, ruh berdasarkan keterangan beliau (r.'a) bolehlah diberikan ciri-ciri seperti berikut:

Pertama: Ruh dicipta untuk kekal dan abadi (*baqā'*) dan bukan untuk kemasuhanan (*fanā'*) berdasarkan kenyataan Nabi Muhammad (ṣ.'a.w): “ Kamu diciptakan untuk kekal abadi dan bukan untuk kemasuhanan. Ruh akan berpindah dari satu tempat ke tempat lain. Sesungguhnya ruh (*nafs*) adalah terasing di bumi dan terpenjara dalam jasad.”

Kedua: Ruh tidak tertakluk kepada ruang dan masa kerana ia tidak mengalami perubahan dan peralihan, dan juga tidak mempunyai ciri-ciri yang boleh diasingkan.

⁶² Dikatakan Jahm bin Ṣafwān juga berpendapat demikian. Lihat: A.S.Tritton, *Muslim Theology*, h.97.

⁶³ Jahm bin Ṣafwān yang membuat perbandingan Allah dengan ruh berdalilkan al-Qur'ān, surah al-An'ām (6): 103 mengatakan Allah dan ruh tidak dapat dilihat. Lihat: A.S.Tritton, *ibid*, h.97.

Ketiga: Ruh adalah makhluk Allah (*makhlūq*) dan bukannya wujud dengan sendirinya. Dengan kata-kata lain, ia bukanlah tandingan dan bandingan bagi Allah dan tidak pula terlepas daripada kekuasaan Allah. Ia diciptakan tanpa memerlukan sesuatu alat atau bahan. Ia tidak berjisim tetapi merupakan suatu ciptaan yang lain.

Keempat: Hidup atau matinya jasad bergantung kepada ruh. Dengan ruh, jasad dapat hidup dan tanpanya, jasad akan mati.

Kelima: Ruh bukanlah sebahagian daripada jasad, tetapi ia terpenjara dalam jasad yang merupakan acuan yang kasar dan tebal dan terasing di bumi.

Keenam: Selepas jasad mengalami kematian, ruh akan meninggalkannya dan berpindah ke suatu tempat atau alam yang lain.

Dalam konteks ruh dan jasad, menurut beliau (r.'a) al-Qur'ān menunjukkan bahawa ruh dan jasad adalah dua perkara yang berbeza. Walaupun ruh mempunyai hubungan dengan fizikal dan material tetapi ia bukanlah bersifat fizikal dan material.⁶⁴ Justeru, ketetapan dan hukum kedua-dua ruh dan jasad juga adalah berbeza. Al-Qur'ān mengatakan:

Pertama: “ Dari bumi (tanah) itulah Kami menjadikan kamu dan kepadanya Kami akan mengembalikan kamu dan daripadanya Kami akan mengeluarkan kamu pada kali yang lain.”⁶⁵

Kedua: “ Dia menciptakan manusia daripada tanah yang kering seperti tembikar.”⁶⁶

Ketiga: “ Yang membuat segala sesuatu yang Dia ciptakan sebaik-baiknya dan Yang memulai penciptaan manusia dari tanah. Kemudian Dia menjadikan keturunannya dari saripati air yang hina (air mani).”⁶⁷

⁶⁴ Al-Tabātabā'i, *Shi'a*, h.161.

⁶⁵ Al-Qur'ān, surah Tāhā (20): 55.

⁶⁶ Al-Qur'ān, surah al-Rahmān (5): 14.

Keempat: “ Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari suatu saripati (berasal) dari tanah. Kemudian Kami jadikan saripati itu air mani (yang disimpan) dalam tempat yang kukuh (rahim). Kemudian air mani itu Kami jadikan segumpal darah, dan segumpal darah itu Kami jadikan segumpal daging, dan segumpal daging itu Kami jadikan tulang belulang, lalu tulang belulang itu Kami bungkus dengan daging. Kemudian Kami jadikan dia makhluk yang (berbentuk) lain.”⁶⁸

Dijelaskan bahawa al-Qur’ān memperlihatkan awal kejadian manusia adalah berbentuk fizikal dan material, mengalami perubahan kepada pelbagai bentuk, berubah kepada ciptaan lain sebagai makhluk yang berperasaan dan berkehendak dengan melakukan segala perbuatannya berdasarkan perasaan, kehendak dan pemikirannya. Aktiviti dan kemampuan itu tidak bersumberkan fizikal dan material. Hubungan jasad dan ruh hanya akan terputus dengan berlakunya kematian.⁶⁹

Lantaran itu, ‘Alī (r.’a) menjelaskan ruh mempunyai hubungan dengan jasad bertujuan untuk meneruskan kehidupan. Dikatakan bahawa ruh (*al-arwāh*) tidak bersatu dengan jasad dan ia juga bukanlah amanah yang diserahkan kepada jasad bahkan secara keseluruhannya, ia dianggap suatu bentuk bebanan kepadanya.⁷⁰

Beliau menjelaskan bahawa manusia dengan ruh yang bukan bersifat fizikal dan material tidak akan mati kerana kematian fizikalnya, sebaliknya akan terus hidup dan kekal selama-lamanya untuk menerima balasan nikmat dan azab. Kebahagiaan atau kesengsaraan ruh bergantung kepada perbuatan manusia semasa berada di dunia dan ia tidak bergantung kepada faktor-faktor fizikal dan hukum-hukum sosial.

⁶⁷ Al-Qur’ān, surah al-Sajdah (32): 7-8.

⁶⁸ Al-Qur’ān, surah al-Mu’minūn (23): 12-14.

⁶⁹ Al-Tabāṭabā’ī, *Shi'a*, h.161.

⁷⁰ Al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, LXI, h.41; al-Ṣaffār, *Baṣā’ir al-Darajāt*, h.483.

Beliau (r.'a) menunjukkan bahawa hukum tentang ruh berlainan dengan hukum tentang jasad (fizikal) tanpa wujudnya ciri-ciri material dan duniawi. Oleh yang demikian, ternyata bahawa ruh merupakan sesuatu yang berbeza daripada jasad.⁷¹

Dalam keterangan yang lain, ‘Alī bin Abī Tālib (r.’a) menunjukkan perbandingan di antara ruh dan jasad. Beliau mengatakan bahawa ruh mempunyai enam (6) keadaan yang hampir sama dengan jasad. Di antara persamaannya adalah jasad mengalami sihat, sakit, mati, hidup, tidur dan jaga. Ruh juga turut mengalami perkara yang sama. Namun demikian, perbezaannya hanyalah kerana ruh merasai sihat disebabkan keyakinan dan keteguhan diri dan sakit disebabkan keraguan dan kekeliruan (*syakk*). Ruh hidup dengan ilmu pengetahuan tetapi akan mengalami kematian akibat kejahilan manakala ruh dikatakan tidur kerana kelalaian dan kealpaan dan akan berada dalam keadaan jaga kerana pemeliharaan dan pengawasan (*hifz*).⁷²

Dalam persoalan berhubung dengan jenis-jenis ruh, beliau (r.’a) mengemukakan ayat al-Qur’ān berikut untuk menjelaskannya:

“ Dan orang-orang yang paling dahulu beriman (*al-sābiqūn*), mereka itulah orang yang didekatkan (kepada Allah) (*al-muqarrabūn*).”⁷³

Menurut ‘Alī bin Abī Tālib (r.’a), orang-orang yang terdahulu (*al-sābiqūn*) yang dimaksudkan al-Qur’ān terdiri daripada para nabi, rasul⁷⁴ dan wasi⁷⁵ yang merupakan orang-orang yang diberikan keistimewaan dan keunikan oleh Allah berbanding makhluk-

⁷¹ Al-Qur’ān, surah al-Zumar (39): 42; al-Sajdah (32): 10-11.

⁷² Al-Muhammadī, *Mizān al-Hikmah*, IV, h.200; al-Majlisī, *Bihār al-Anwār*, LXI, h.40.

⁷³ Al-Qur’ān, surah al-Wāqi’ah (56): 10-11.

⁷⁴ Al-Kulaynī, *Uṣūl al-Kāfi*, I, h.272-273; al-Muhammadī, *Mizān al-Hikmah*, IV, h.199.

⁷⁵ Al-Kulaynī, *ibid*, I, h.272; al-Muhammadī, *ibid*, IV, h.199.

makhluk-Nya yang lain. Allah menjadikan lima (5) jenis atau bentuk ruh pada diri manusia.⁷⁶

Menurut beliau (r.'a), pada pandangan Allah kedudukan sesuatu makhluk secara umumnya dan manusia secara khususnya sama ada tinggi dan mulia ataupun rendah dan hina bergantung kepada banyak atau sedikit jenis ruh yang terdapat pada diri mereka, dan ruh-ruh tersebut adalah seperti berikut:

Pertama: *Rūh al-Quds* diperkuatkan kepada para rasul, nabi dan orang-orang yang diberikan keistimewaan oleh Allah untuk membolehkan mereka mengetahui realiti segala-galanya meliputi sesuatu di bawah ‘arasy sehingga ke bawah tanah (*al-tharā*) dan mereka tidak perlu berfikir dan mengalaminya.

Kedua: *Rūh al-Imān* membolehkan mereka bertaqwah dan menyembah Allah serta menjauhi perbuatan syirik dan kesesatan.

Ketiga: *Rūh al-Quwwah* membolehkan mereka berkemampuan mentaati Allah. Dengan ruh tersebut, setiap yang bernyawa akan cuba mencapai kehidupannya dan menentang serangan terhadapnya.

Keempat: *Rūh al-Syahwah* membolehkan mereka mempunyai keinginan mentaati Allah dan membenci maksiat dan keingkaran. Ia juga membolehkan seseorang menghendaki makanan dan minuman, memenuhi kepuasan naluri semulajadi sebagai seorang lelaki ataupun wanita dan lain-lain.

Kelima: *Rūh al-badan*,⁷⁷ *al-mudraj*⁷⁸ atau *al-hayāh* membolehkan setiap makhluk bergerak dan bertindakbalas. Ruh inilah yang dikatakan menjaga jasad dan apabila ia tidak ada, jasad akan menjadi lemah dan seterusnya musnah dengan kematian.

⁷⁶ Al-Šaffār, *Baṣā’ir al-Darajāt*, h.466.

‘Ali (r.’a) menerangkan bahawa semua empat (4) jenis ruh selain daripada *rūh al-Quds*, mengalami dua keadaan yang baru. *Rūh al-Quds* tidak mengalami perkara yang sama kerana ia dikatakan tidak berlengah-lengah dan tidak pernah main-main.⁷⁹ Dikatakan bahawa para nabi, rasul dan orang-orang yang diberikan keistimewaan oleh Allah mempunyai kelima-lima jenis ruh tersebut, manakala orang mu’min yang sejati mempunyai empat jenis ruh yang terakhir sedangkan orang Kristian dan Yahudi mempunyai tiga jenis ruh yang terakhir. Demikianlah juga ruh orang-orang kafir dan haiwan.⁸⁰

Ternyata keterangan ‘Ali (r.’a) dalam aspek perbandingan ruh dengan Allah, bentuk-bentuk dan ciri-cirinya agak lebih menonjol, mendalam dan terarah berbanding dengan tokoh dan aliran lain, yang kelihatannya pada umumnya tidak begitu konsisten dan berbeza-beza dalam pendapat mereka.

5.3 - Konsep Kematian (*al-Mawt*):

5.3.1 – Pengertian *al-mawt* dari segi bahasa:

Dari perspektif bahasa, perkataan mati (*al-mawt*) merujuk kepada pengertian sesuatu sama ada pancaindera,⁸¹ akal⁸² dan lain-lain⁸³ yang hilang kekuatan atau

⁷⁷ Ibn Syu’bah al-Harrānī, *Tuhaf al-‘Uqūl*, h.129; al-Muhammadī, *Mizān al-Hikmah*, IV, h.199. (Menurut Muhammad al-Bāqir (r.’a), ruh yang kelima disebutkan sebagai *rūh al-hayāh* dan tidak pula dikatakan sebagai *rūh al-badan* atau *al-mudraj*. Lihat: Al-Kulaynī, *Uṣūl al-Kāfi*, I, h.272)

⁷⁸ Al-Najāfī, *Majma’ al-Bahrayn*, h.185; al-Šaftīr, *Baṣā’ir al-Darajāt*, h.466.

⁷⁹ Al-Kulaynī, *op.cit*, I, h.272; al-Šaftīr, *ibid*, h.467.

⁸⁰ Al-Ṣadūq, *I’tiqādāt*, h.48; Ibn Syu’bah al-Harrānī, *op.cit*, h.129-130. Lihat: Al-Qur’ān, surah al-Furqān (25): 44.

⁸¹ Al-Qur’ān, surah Maryam (19): 23, 66.

kemampuan untuk hidup. Secara perbandingannya, ia bolehlah disamakan dengan buta yang menyebabkan mata tidak dapat melihat dan gelap yang tidak membolehkan (seseorang atau sesuatu) untuk melihat cahaya.

Mati (*al-mawt*) dikatakan berlawanan dengan hidup (*al-hayāh*)⁸⁴ tetapi kedua-duanya adalah daripada ciptaan (*khalq*) Allah. Mati dan hidup dikatakan berkait rapat dengan kedudukan dan kewujudan ruh. Justeru itu, sesuatu itu dikatakan hidup kerana ruh masih berada di dalamnya dan hanya dikatakan mati apabila ia tidak lagi mempunyai ruh.

Tidur (*al-nawm*) juga dianggap sebagai mati kerana pada masa seseorang itu tidur, akal (*al-'aql*) dan pergerakan (*al-harakah*) tidak berlaku. Walau bagaimanapun, tidur dikatakan sebagai mati yang ringan (*al-mawt al-khaffī*) sedangkan mati pula sebagai tidur yang berat (*al-nawm al-thaqīl*)⁸⁵ dan di atas alasan tersebut, Allah dikatakan menggunakan perkataan *tawaffīyyān* untuk merujuk kepada persoalan mati.⁸⁶

Secara ringkasnya, perkataan mati (*al-mawt*) bolehlah diberikan maksud sesuatu yang tidak mempunyai kekuatan, kemampuan dan keupayaan untuk hidup kerana ketidaan ruh.

5.3.2 – Pengertian *al-Mawt* dari segi istilah:

⁸² Al-Qur'ān, surah al-An'ām (6): 122; al-Naml (27): 80.

⁸³ Lihat: Al-Qur'ān, surah al-Rūm (30): 50; Ibrāhīm (14): 17.

⁸⁴ Ibn Fāris, *Mu'jam*, V, h.273; Fairūzābādī, *Tartīb*, IV, h.263; E.W.Lane, *Lexicon*, VII, h.2741.

⁸⁵ Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab* II, h.90.

⁸⁶ Al-Qur'ān, surah al-An'ām (6): 60; al-Zumar (39): 42; Āli 'Imrān (3): 169. Lihat: Al-Rāghib, *Mufradāt*, h.781.

Dalam al-Qur'ān, perkataan *al-mawt* disebutkan sebanyak lima puluh (50) kali dalam bentuk mufrad, dan enam (6) kali dalam bentuk jamak (*al-amwāt*).⁸⁷ Di antara ayat-ayat yang berkaitan adalah:

Pertama: "Tiap-tiap yang berjiwa akan merasakan mati (*al-mawt*)."⁸⁸

Kedua: "Dan datanglah *sakrat al-mawt* dengan sebenar-benarnya. Itulah yang selalu kamu lari daripadanya."⁸⁹

Ketiga: "Katakanlah: Sesungguhnya kematian (*al-mawt*) yang kamu lari daripadanya, maka sesungguhnya kematian itu akan menemui kamu."⁹⁰

Secara ringkasnya, al-Qur'ān turut mengemukakan pengertian yang hampir sama tanpa sebarang perubahan maksud.

Menurut 'Alī bin Abī Tālib (r.'a), al-Qur'ān menunjukkan bahawa hidup (*al-hayāh*) dan mati (*al-mawt*) merupakan dua ciptaan (*makhlūq*) Allah,⁹¹ dan dikatakan bahawa setiap makhluk yang bernyawa (ruh) pasti mati⁹² bahkan dunia juga akan diakhiri dengan mati.⁹³ Oleh itu, kematian adalah suatu kepastian, dan tiada sesuatu yang dapat

⁸⁷ 'Abd al-Bāqī, *al-Mu'jam*, h.679.

⁸⁸ Al-Qur'ān, surah Āli 'Imrān (3): 185.

⁸⁹ Al-Qur'ān, surah Qāf (50): 19.

⁹⁰ Al-Qur'ān, surah al-Jumu'ah (62): 8. Lihat sama: Surah al-Mulk (67): 1-2; al-Jumu'ah (62): 6-7; al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, III, h.161; al-Ṣadūq, *al-I'tiqādāt*, h.49.

⁹¹ Al-Qur'ān, surah al-Mulk (67): 1-2; Ibn Ḥazm, *al-Fiqāl*, IV, h.83; al-Majlisi, *ibid*, VI, h.79.

⁹² Al-Qur'ān, surah Āli 'Imrān (3): 185; al-Āmudī, *Ghurar al-Hikam*, h.305.

⁹³ Muhammad 'Abduh, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, h.375; al-Syarif al-Rāqī, *Nahj al-Balāghah*, (Khutbah no.156), h.219; Ibn Abī al-Ḥadīd, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, IX, h.202 (Kematian dunia dikatakan hanya apabila taklif tidak lagi wujud (*inqiṭā' al-taklīf*)).

melerikan diri daripadanya.⁹⁴ Justeru, al-Qur'an menyifatkan mati sebagai sunnah Allah yang umum bagi segala kejadian.⁹⁵

Menurut 'Alī bin Abī Tālib (r.'a), ilmu mengenai mati adalah termasuk ilmu Allah yang tidak dijelaskan kepada manusia kerana di kalangan manusia itu ada yang kuat dan lemah, ada yang mampu dan tidak mampu. Bagaimanapun, Allah telah memberikan keistimewaan khususnya kepada para wali-Nya dengan kemudahan dan pertolongan untuk memahaminya.⁹⁶

Di samping itu, beliau menjelaskan lagi bahawa mati merupakan perkara ghaib yang paling hampir dengan manusia,⁹⁷ bahkan dikatakan ia boleh berlaku pada setiap detik (*lahzah*), masa (*waqt*) dan pada setiap jiwa (*nafs*)⁹⁸ yang hidup.⁹⁹ Justeru itu dikatakan setiap pernafasan (*nafas*) manusia itu membawanya kepada ajalnya.¹⁰⁰

Mati menjadi titik pemisah di antara dua perkara iaitu masa, keadaan dan kediaman dunia yang terakhir dan masa, keadaan dan kediaman akhirat yang terawal.¹⁰¹ Ia bertindak sebagai pintu ke alam akhirat (*bāb al-ākhirat*). Ini memberikan implikasi bahawa sekiranya kematian tidak berlaku sudah tentu persoalan-persoalan yang berkaitan

⁹⁴ Al-Qur'an, surah al-Jumu'ah (62): 8; Yūnus (10): 49; al-Nahl (16): 61; al-Kulaynī, *Furu' al-Kafi*, III, h.262; al-Muhammadī, *Mizān al-Hikmah*, IX, h.232; al-Mughniyyah, *Fī Zilāl Nahj al-Balāghah*, III, h.83.

⁹⁵ Lihat: Al-Qur'an, surah al-Nisā' (4): 78; Ālī 'Imrān (3): 185, 15; al-Anbiyā' (21): 34; al-Aḥzāb (33): 60; al-Zumar (39): 16; al-Wāqi'ah (56): 8; al-Jumu'ah (62): 42.

⁹⁶ Al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, VI, h.142; al-Muhammadī, *op.cit*, IX, h.242.

⁹⁷ Al-Majlisi, *ibid*, LXXI, h.263.

⁹⁸ Al-Āmudi, *Għurar al-Hikam*, h.273.

⁹⁹ *Ibid*, h.65; h.273.

¹⁰⁰ Muhammad 'Abduh, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, h.695; al-Syarīf al-Rādī, *Nahj al-Balāghah*, (Hikam no.74), h.480; Ibn Abī al-Hadid, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, XVIII, h.221; al-Majlisi, *op.cit*, LXXIII, h.128.

dengan alam akhirat tidak akan berlaku. Dengan berlakunya kematian, keadilan di alam akhirat yang terawal mulai dilaksanakan¹⁰² dan Kiamat (*al-Qiyāmah*) bagi setiap manusia pun bermula.¹⁰³

Menurut beliau lagi, mati dianggap sebagai perpindahan daripada suatu kejadian (*nasy'ah*) dalam bentuk hidup kepada suatu kejadian yang lain berdasarkan keterangan Allah yang bermaksud:

“untuk menggantikan kamu dengan orang-orang yang seperti kamu (dalam dunia) dan menciptakan kamu kelak (di akhirat) dalam keadaan yang tidak kamu ketahui.”¹⁰⁴

Terdapat beberapa keterangan yang diberikan kepada persoalan kematian (*al-mawt*). Sebahagian mengatakan mati sebagai suatu bentuk penyucian (*al-misfāt*)¹⁰⁵ daripada kekotoran yang meliputi perbuatan dosa dan ia boleh dianggap sebagai tempat mandian (*al-hammām*) yang biasa digunakan untuk menghilangkan sebarang bentuk kekotoran.¹⁰⁶ Oleh kerana itu, ia dikatakan peluang terakhir bagi setiap manusia untuk membebaskan diri daripada sebarang dosa dan menyucikan diri daripada segala bentuk keburukan.¹⁰⁷

Penyucian ini bergantung kepada dua golongan manusia iaitu mu'min dan kafir. Bagi orang mu'min, mati bertujuan untuk menyucikan mereka daripada perbuatan dosa

¹⁰¹ Ja'far al-Subḥānī, *al-Ilāhiyyāt*, IV, h.220.

¹⁰² Al-Āmudi, *Għurar al-Hikam*, h.65.

¹⁰³ Al-Muhammadī, *Mizān al-Hikmah*, IX, h.225.

¹⁰⁴ Al-Qur'ān, surah al-Wāqi'ah (56): 61. Lihat: Al-Ṭabāṭaba'i, *Shi'a*, h.163.

¹⁰⁵ Al-Ṣadūq, *Ma 'āni al-Akhbār*, h.275; al-Muhammadī, *op.cit*, IX, h.235.

¹⁰⁶ Al-Ṣadūq, *ibid*, h.276; al-Muhammadī, *ibid*, IX, h.236.

¹⁰⁷ Sayyid Mujtaba, *Resurrection*, h.15.

manakala bagi orang kafir pula, mati bertujuan untuk menyucikan mereka daripada segala bentuk kebaikan yang dilakukan sepanjang hidupnya agar dengan demikian, tidak ada lagi kebaikan yang masih tinggal baginya selepas itu untuk membolehkan proses pengadilan dilakukan. Selanjutnya beliau (r.'a) menjelaskan mati (*al-mawt*) juga merupakan suatu bentuk perpindahan kerana ia memindahkan penghuninya daripada dunia yang merupakan tempat yang penuh dengan kesukaran dan keperitan ke syurga di alam akhirat yang merupakan tempat yang penuh dengan kenikmatan dan kebahagiaan. Keadaan tersebut bolehlah diibaratkan seperti perpindahan seseorang dari penjara ke istana.¹⁰⁸

Pada masa yang sama, mati juga boleh dikatakan sebagai perpisahan (*mufāraqah*) dari dunia sebagai sebuah tempat yang fana (*dār al-fanā'*) ke akhirat, tempat yang kekal dan abadi (*dār al-baqā'*).¹⁰⁹ Selain itu, mati juga boleh diibaratkan seperti tidur tetapi kedua-duanya hanya dibezakan dari segi masa, kerana masa tidur adalah pendek manakala masa mati adalah panjang dan hanya akan berakhir pada Hari Kiamat.¹¹⁰

Secara ringkasnya, penjelasan beliau menunjukkan bahawa mati mempunyai ciri-ciri penyucian, perpindahan dan pemisahan, dan ia merujuk kepada perbezaan di antara dua keadaan, tempat dan masa yang berbeza sama sekali iaitu alam dunia dan alam akhirat, balasan nikmat dan balasan azab serta masa pendek dan sementara dengan masa yang panjang dan kekal abadi.

Berhubung dengan persoalan mati (*al-mawt*), ‘Alī bin Abī Ṭālib (r.’a) mengatakan: “ Kematian adalah dengan terjadinya satu daripada tiga perkara berikut

¹⁰⁸ Al-Ṣadūq, *Ma’āni’ al-Akhbār*, h.274; al-Muḥammadi, *Mīzān al-Hikmah*, IX, h.234.

¹⁰⁹ Al-Āmudī, *Għurar al-Hikam*, h.65.

¹¹⁰ Al-Ṣadūq, *op.cit*, h.275; al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, VI, h.155; al-Muḥammadi, *op.cit*, IX, h.235.

(kepada orang yang mati), sama ada ia merupakan berita gembira dengan rahmah dan kebahagiaan yang berkekalan, atau berita buruk dengan azab siksaan yang berkekalan, ataupun dalam keadaan dia digugat oleh ketakutan yang tidak pasti dan dia tidak tahu kumpulan dia digolongkan.”

Menurut beliau (r.’a), manusia memang dicipta untuk akhirat dan bukannya untuk dunia. Oleh yang demikian, mereka diciptakan untuk mengalami kematian dan bukannya kehidupan dan sememangnya mereka telah dijanjikan demikian.¹¹¹ Mati sebagai ciptaan (*makhluq*) Allah tidak mengenal sama ada orang itu takut atau berani kerana orang yang takut tidak akan terlepas dan orang yang berani pula tidak akan dapat kekal bertahan.¹¹² Justeru itu, walau apa sahaja usaha yang dilakukan, manusia tidak dapat dan tidak akan sekali-kali dapat melepaskan diri¹¹³ dan tidak pula dapat menghalanginya.¹¹⁴ Beliau menjelaskan bahawa sekiranya manusia mampu berbuat demikian, tentunya Nabi Sulaymān bin Dā’ūd (‘a.s) telah melakukannya kerana baginda dapat menguasai jin dan manusia.

Berhubung dengan persoalan pengambilan ruh-ruh makhluk, al-Qur’ān mengemukakan beberapa penjelasan mengenainya. Sebahagian ayat menggambarkan

¹¹¹ Al-Āmudī, *Għurar al-Hikam*, h.138; al-Muhammadī, *Mizān al-Hikmah*, IX, h.232; al-Suyūṭī, *Syarḥ al-Sudūr*, h.5.

¹¹² Muḥammad ‘Abduh, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, h.162; al-Syari’f al-Raḍī, *Nahj al-Balāghah*, (Khutbah no.38), h.81. Menurut Ibn Abī al-Ḥadīd, ia berdasarkan ayat-ayat al-Qur’ān berikut: Surah Āli ‘Imrān (3): 154; al-Nisā’ (4): 78; al-A’rāf (7): 34. (Lihat: *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, II, h.299).

¹¹³ Muḥammad ‘Abduh, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, h.583; al-Syari’f al-Raḍī, *ibid*, (Kitab no.31), h.400; Ibn Abī al-Ḥadīd, *ibid*, XVI, h.89.

¹¹⁴ Muḥammad ‘Abduh, *ibid*, h.425; al-Syari’f al-Raḍī, *ibid*, (Khutbah no.182), h.262; Ibn Abī al-Ḥadīd, *ibid*, X, h.76; al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, XIV, h.71.

Allah (s.w.t) sendiri mematikan makhluk-makhluk-Nya yang bernyawa (*al-anfus*).¹¹⁵

Dalam ayat yang lain, disebutkan bahawa malaikat maut yang melakukannya¹¹⁶

sedangkan ayat seterusnya menunjukkan malaikat-malaikat (*rusul*) mematikannya.¹¹⁷

Dalam menghuraikan persoalan tersebut, ‘Alī bin Abī Tālib (r.‘a) mengatakan bahawa Allah melakukan segala urusan mengikut kehendak-Nya. Untuk tujuan itu, Allah telah memilih malaikat maut secara khusus sebagai wakil-Nya untuk melaksanakan tugas itu mengikut kehendak-Nya. Malaikat maut pula diwakili dan dibantu oleh para malaikat yang menjadi utusan (*rusul*) dan pembantunya (*a‘wān*) untuk melaksanakan tugas mengambil ruh-ruh makhluk-Nya.¹¹⁸

Secara perbandingan, beliau menyamakan kedudukan para malaikat tersebut seumpama kedudukan anggota polis yang mempunyai ramai pembantu terdiri daripada manusia. Dengan cara yang hampir sama, Allah melantik para malaikat-Nya untuk melakukan tugas tersebut dan mereka melakukannya berdasarkan perintah Allah.¹¹⁹

Oleh kerana ruh-ruh manusia dibahagikan kepada dua, baik dan jahat, para malaikat yang ditugaskan untuk mengambil ruh tersebut juga dikatakan terdiri daripada dua kategori malaikat iaitu malaikat rahmat (*malā’ikat al-rahmah*) dan malaikat azab (*malā’ikat al-niqmah*). Malaikat rahmat ditugaskan mengambil ruh orang-orang yang

¹¹⁵ Al-Qur’ān, surah al-Zumar (39): 42.

¹¹⁶ Al-Qur’ān, surah al-Sajdah (32): 11.

¹¹⁷ Al-Qur’ān, surah al-An‘ām (6): 61.

¹¹⁸ Al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, VI, h.144; al-Muhammadī, *Mīzān al-Hikmah*, IX, h.242-243.

¹¹⁹ Lihat; Al-Qur’ān, surah al-Zumar (39): 42; al-Tanzil @ al-Sajdah (32): 11; al-An‘ām (6): 61; al-A‘rāf (7): 37; Yūnus (10): 104; al-Nahl (16): 28-32.

baik dan taat (*ahl al-tā'ah*) manakala malaikat azab pula mengambil ruh orang-orang yang jahat dan ingkar (*ahl al-ma'siyah*).¹²⁰

Semua malaikat itu adalah para pembantu malaikat maut yang mematuhi perintahnya dan melakukan apa yang dia lakukannya. Justeru itu, perbuatan mereka merupakan perbuatan malaikat maut, manakala perbuatan malaikat maut pula menjadi gambaran perbuatan Allah kerana Allah (s.w.t) mematikan makhluk bernyawa yang Dia kehendaki.¹²¹

Berhubung dengan cara pengambilan ruh manusia pula, 'Alī bin Abī Ṭālib (r.'a) menerangkan bahawa malaikat maut tidak menghadapi sebarang kesukaran untuk mengambil ruh-ruh manusia walaupun sebahagian ruh itu berada di barat dan sebahagian lagi berada di timur.¹²² Ini kerana dunia ini dikatakan berada dalam tangan mereka sama seperti sebuah piring besar (*qas'ah*) yang berada pada tangan manusia yang membolehkannya melakukan apa sahaja mengikut kehendaknya ataupun seperti duit bernilai satu dirham dalam genggaman tangan manusia, yang boleh dibalik-balikkan sesuka hati.

Secara umumnya, beliau membahagikan manusia di dunia ini kepada dua golongan:¹²³

Pertama: Orang yang bersenang-lenang (*araha*) – terdiri daripada orang-orang kafir yang dengan kematian mereka segala makhluk lain seperti pokok, binatang dan kebanyakan manusia memperolehi kegembiraan.

¹²⁰ Al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, VI, h.140; al-Muhammadi, *Mīzān al-Hikmah*, IX, h.241.

¹²¹ Al-Majlisi, *ibid*, VI, h.140.

¹²² *Ibid*, VI, h.144; al-Muhammadi, *op.cit*, IX, h.243.

Kedua: Orang yang melepaskan diri daripada bebanan (*istarāḥa @ al-mustariḥ*) – orang-orang mu'min yang dengan kematian itu dapat melepaskan diri (*istarāḥa*) daripada dunia dan ujian-ujiannya.¹²⁴

Beliau mengatakan mati merupakan salah satu daripada tiga tempat yang menyebabkan manusia berada dalam keadaan resah dan gelisah¹²⁵ dan salah satu daripada tiga masa yang paling berat bagi mereka.¹²⁶ Sehubungan dengan itu, ia dibenci oleh manusia sama seperti mereka membenci kemiskinan (*al-faqr*) dan ujian (*al-balā'*)¹²⁷ kerana ia merupakan faktor yang menghalangi manusia daripada memenuhi keinginan syahwat mereka. Di samping itu, ia juga ditakuti disebabkan amalan-amalan buruk yang mereka lakukan.¹²⁸

Dengan kata-kata lain, sekiranya dibiarkan manusia tanpa kematian, tentulah mereka akan sentiasa menjebakkannya dengan perbuatan dosa dan maksiat. Oleh yang demikian, mati bermatlamat untuk menjadi peringatan (*wā'iż*)¹²⁹ bagi mencegah manusia terbabit dalam perbuatan keji dan mungkar.

Oleh kerana mati adalah perkara yang selalu dilupakan oleh manusia, 'Alī bin Abī Tālib (r.a) memberikan peringatan tentang mati agar setiap manusia melakukan

¹²³ Al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, VI, h.151; al-Muhammadī, *Mīzān al-Hikmah*, h. IX, h.244.

¹²⁴ Al-Majlisi, *ibid*, VI, h.151; al-Muhammadī, *ibid*, IX, h.244; al-Suyūṭī, *Syarḥ al-Šudūr*, h.5.

¹²⁵ *Ibid*, VI, h.158; al-Muhammadī, *ibid*, IX, h.227.

¹²⁶ *Ibid*, VI, h.159; al-Muhammadī, *ibid*.

¹²⁷ *Ibid*, VI, h.87.

¹²⁸ Sayyid Mujtaba, *Resurrection*, h.16.

¹²⁹ Al-Majlisi, *op.cit*, VI, h.89.

persediaan untuk menghadapinya. Tambahan lagi beliau mengatakan bahawa manusia itu sendiri adalah buruan¹³⁰ dan juga gadaian kepada maut.¹³¹

Beliau menegaskan bahawa secara umumnya, faktor kejahilan merupakan punca manusia membenci kematian. Namun bagi orang yang mengetahui nikmat mati, mereka akan bersedia untuk mati bahkan akan memohon untuk tujuan tersebut kerana mereka memahami bahawa alam akhirat adalah lebih baik daripada alam dunia.¹³²

Nabi Muḥammad (ṣ.‘a.w) dan ‘Alī bin Abī Tālib (r.‘a) menjelaskan kematian orang-orang yang baik (*al-abrār*) yang terdiri daripada orang-orang mu’min dan mukhlis yang diberikan pengampunan oleh Allah adalah kerehatan (*rāḥah*) bagi diri mereka kerana kematian telah melepaskan diri mereka daripada dunia dan segala ujian yang terdapat di dalamnya bahkan mati itu sendiri telah menyelamatkannya daripada terus bergelumang dengan perkara-perkara tersebut.¹³³

Orang mu’min yang mati atau dengan kata-kata lain, yang keluar daripada alam ini boleh diibaratkan seperti anak yang baru lahir daripada perut ibunya yang gelap dan tertutup kepada alam dunia.¹³⁴ Ini bererti mereka berada dalam keadaan yang bersih dan bebas daripada keburukan.

¹³⁰ Muḥammad ‘Abduh, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, h.565, 455; al-Syariṭ al-Raḍī, *Nahj al-Balāghah*, (Kitab no.27), h.384; (Khutbah no.192), h.287; Ibn Abī al-Hadīd, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, XVI, h.163; *Nahj al-Ḥayāh*, h.50.

¹³¹ Al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, IV, h.88.

¹³² Al-Ṣadūq, *Ma’āni al-Akhbār*, h.276; al-Muḥammadi, *Mīzān al-Hikmah*, IX, h.236.

¹³³ Al-Majlisi, *op.cit*, VI, h.89.

¹³⁴ Al-Muḥammadi, *op.cit*, IX, h.238.

Selain itu, mati bagi orang mu'min yang bertaqwah juga merupakan wangian yang harum (*rayhānah*)¹³⁵ hingga boleh menghilangkan kepenatan dan kesakitan,¹³⁶ hadiah yang paling berharga (*tuhfah*),¹³⁷ kerehatan,¹³⁸ kesenangan (*muriḥ*)¹³⁹ dan manfaat yang terbaik untuk mereka.¹⁴⁰ Ini berdasarkan keterangan Allah yang bermaksud:

“ Dan apa yang ada di sisi Allah adalah lebih baik bagi orang-orang yang baik (*al-abrār*).”¹⁴¹

Bukan itu sahaja, bahkan malaikat maut juga dikatakan menjadi teman (*rafiq*) bagi orang-orang mu'min dan ia tidak pernah melakukan kezaliman terhadap mereka. Mereka hanya menjalankan tugas tersebut mengikut ketetapan Allah, bahkan sebelum mengambil ruh manusia, ia memberikan penghormatan dengan salam dan kemudian menyampaikan berita gembira dengan balasan syurga¹⁴² dan pertemuan dengan Allah (s.w.t) kepadanya.¹⁴³ Ruh yang keluar daripada diri mereka tidak dirasai seperti diterangkan oleh al-Qur'ān bermaksud:

“ Hai jiwa yang tenang, kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang puas lagi diredhai-Nya.”¹⁴⁴

¹³⁵ Al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, LXXXII, h.168; al-Muhammadī, *Mīzān al-Hikmah*, IX, h.239; al-Suyūtī, *Syarḥ al-Šudūr*, h.5.

¹³⁶ Al-Majlisi, *ibid*, VI, h.152; al-Muhammadī, *ibid*, IX, h.235.

¹³⁷ Al-Āmudi, *Għurar al-Ḥikam*, h.113; al-Suyūtī, *ibid*, h.5; al-Muhammadī, *ibid*, IX, h.239.

¹³⁸ Al-Āmudi, *ibid*, h.273.

¹³⁹ *Ibid*, h.431, 65.

¹⁴⁰ *Ibid*, h.381.

¹⁴¹ Al-Qur'ān, surah Āli 'Imrān (3): 198.

¹⁴² Al-Majlisi, *op.cit*, VI, h.167; al-Muhammadī, *op.cit*, IX, h.238; al-Qur'ān, surah Yūnus (10): 64.

¹⁴³ Al-Majlisi, *ibid*, VII, h.27; al-Muhammadī, *ibid*, IX, h.239.

¹⁴⁴ Al-Qur'ān, surah al-Fajr (89): 27-28.

Dalam satu keterangan yang lain pula, orang-orang mu'min tidak merasai kesakitan dan kesengsaraannya kerana para malaikat memberikan minuman *al-kauthar* dan *al-khamr* untuk menghilangkannya.¹⁴⁵ Oleh itu, bagi orang yang redha, mereka akan diberikan ganjaran oleh Allah dan sebaliknya, bagi orang yang berdukacita dan marah akan diberikan ganjaran keburukan dan bahkan dipercepatkan lagi kematian mereka.¹⁴⁶

Berdasarkan kenyataan-kenyataan di atas, adalah tidak menghairankan sekiranya beliau (r.'a) menjelaskan bahawa orang-orang mu'min yang mati tidak dianggap sebagai mayat (*mayyit*) kerana perkataan mayat itu tidak layak bagi mereka sebaliknya hanya wajar diberikan kepada orang kafir semata-mata.¹⁴⁷

Berdasarkan keterangan al-Qur'ān, mati bagi orang-orang kafir dianggap sebagai kerehatan kepada mereka daripada melakukan perbuatan-perbuatan jahat seperti yang dijelaskan dengan maksud:

“ iaitu orang-orang yang dimatikan oleh para malaikat dalam keadaan berbuat zalim kepada diri mereka sendiri, lalu mereka menyerah diri (sambil berkata): Kami sekali-kali tidak ada mengerjakan sesuatu kejahatan pun. (Malaikat menjawab): Ada, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang telah kamu kerjakan.”¹⁴⁸

Berdasarkan keterangan al-Qur'ān, ‘Alī bin Abī Tālib (r.'a) turut mengukuhkan kenyataannya dengan mengatakan bahawa ia juga adalah kerehatan bagi mereka daripada terus melakukan penganiayaan ke atas diri mereka sendiri.¹⁴⁹ Selain dari itu, bagi orang-

¹⁴⁵ Al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, VII, h.27; al-Muhammadī, *Mīzān al-Hikmah*, IX, h.239.

¹⁴⁶ Al-Majlisi, *ibid*, VI, h.139; al-Muhammadī, *ibid*, IX, h.243; al-Kulaynī, *Furū' al-Kāfi*, III, h.136.

¹⁴⁷ Al-Šadūq, *Ma'āni al-Akhbār*, h.276; al-Muhammadī, *ibid*, IX, h.237.

¹⁴⁸ Al-Qur'ān, surah al-Nahl (16): 28.

¹⁴⁹ Al-Qur'ān, surah al-Nisā' (4): 97.

orang yang mempunyai umur yang panjang dan cenderung mengikut nafsu syahwat, mati menghalangi mereka daripada melakukan lebih banyak jenayah terhadap diri mereka.¹⁵⁰

Al-Qur'ān menurut keterangan 'Alī (r.'a) menunjukkan, mereka diazab oleh Allah (s.w.t) ketika ruh mereka dicabut oleh malaikat maut sambil muka dan punggung mereka dipukul.¹⁵¹ Terdapat pelbagai bentuk azab siksaan (*nigmah*) yang tidak tertahan dikenakan kepada mereka¹⁵² seperti sengatan kala dan gigitan jengking bahkan lebih teruk dari itu.¹⁵³ Selanjutnya dijelaskan bahawa al-Qur'ān juga mengatakan mati turut sama mengakhiri kezaliman mereka terhadap diri mereka sendiri:

"Keputusan di sisi-Ku tidak dapat diubah dan Aku sekali-kali tidak menganiayai hamba-hamba-Ku."¹⁵⁴

Ayat tersebut memperlihatkan bahawa kezaliman bukan daripada Allah sebaliknya daripada manusia sendiri, dan manusia yang menjadi kafir itu telah melakukan kezaliman terhadap diri mereka. Al-Qur'ān juga dikatakan turut menerangkan bahawa mati itu mempunyai kebaikannya yang tersendiri kepada mereka kerana dikatakan:

"Dan janganlah sekali-kali orang-orang kafir menyangka bahawa pemberian tangguh Kami kepada mereka adalah lebih baik bagi mereka. Sesungguhnya Kami memberi tangguh kepada mereka hanyalah supaya bertambah-tambah dosa mereka dan bagi mereka azab yang menghinakan."¹⁵⁵

¹⁵⁰ Al-Āmudi, *Għurar al-Hikam*, h.133; al-Muhammadī, *Mīzān al-Hikmah*, IX, h.241.

¹⁵¹ Al-Qur'ān, surah Muhammad (47): 27.

¹⁵² Al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, VI, h.175; h.78; al-Muhammadī, *op.cit*, IX, h. 240.

¹⁵³ Al-Majlisi, *ibid*, VI, h.152; al-Muhammadī, *ibid*, IX, h.235.

¹⁵⁴ Al-Qur'ān, surah Qāf (50): 29.

¹⁵⁵ Al-Qur'ān, surah Āli 'Imrān (3): 178; al-Majlisi, *op.cit*, VI, h.89.

Kerehatan bukan sahaja untuk mereka bahkan juga untuk alam seluruhnya¹⁵⁶ termasuklah tumbuh-tumbuhan, binatang dan lain-lain.

Dalam persoalan tentang hikmah Allah mewujudkan kematian, beliau menerangkan:

Pertama: Allah menciptakan mati dan hidup bermatlamat untuk menguji, membezakan dan menentukan manusia berdasarkan amalan dan perbuatan mereka terhadap perintah dan larangan yang Allah kemukakan untuk diberikan pembalasan.¹⁵⁷

Kedua: Untuk menghindarkan dunia ini daripada menjadi sempit kerana dipenuhi oleh keturunan manusia yang banyak. Keadaan tersebut hanya akan menyebabkan setiap individu menghabiskan masa mencari kehidupan untuk menyara hidup keluarga mereka yang besar meliputi beberapa generasi.¹⁵⁸

Ketiga: Untuk menjadi peringatan (*wā'iz*) kepada semua makhluk khususnya manusia dan jin supaya dengan demikian, mereka sentiasa beringat dan berwaspada dalam setiap perlakuan dan perbuatan. Dengan kata-kata lain, mereka berusaha melakukan kebaikan dan menghindari keburukan.

Begitu juga, manusia tidak diberitahu tentang saat kematianya kerana terdapat beberapa hikmah terlindung di sebaliknya.

Pertama: Sekiranya manusia mengetahui masa kematianya, mungkin dia gagal dalam tugasnya sebelum ajalnya sampai. Harapan adalah suatu rahmat dan ia (*al-'amal*) menjadi faktor penggerak dalam kehidupan.

¹⁵⁶ Al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, LXXXII, h.181; al-Muhammadī, *Mīzān al-Hikmah*, IX, h.244.

¹⁵⁷ Al-Tabāṭabā'ī, *al-Mīzān*, XIX, h.349-350; al-Muhammadī, *ibid*, IX, h.228; al-Qur'an, surah al-Mulk (67): 2.

Kedua: Kejahilan itu sebagai sesuatu yang berbentuk pendidikan kerana sekiranya diketahui masa matinya, sudah tentu dia tidak menjadi bongkak. Keadaan ini tidak mendatangkan kesempurnaan kepada aspek spiritual dan kebangkitan kemuliaan mengatas kehinaan. Ini berlainan dengan orang yang mengikuti jalan ketaatan, menjauhi maksiat, mengharapkan hidup yang lebih lama, berusaha menyempurnakan spiritual dan segala-galanya.¹⁵⁹ Sekiranya dia mengetahui saat kematianya, tentulah dia berani melakukan dosa dan keingkaran, kemudian bertaubat *nasūhā* sebelum tempoh ajalnya sampai.¹⁶⁰

5.4 - Konsep *al-Barzakh*:

5.4.1 – Pengertian *al-Barzakh* dari segi bahasa:

Dari segi bahasa, perkataan *barzakh* dalam bentuk mufrad dan *barāzikh* dalam bentuk jamak bermaksud sesuatu merujuk kepada dinding, batasan (*al-hājiz*) dan halangan yang berada di antara dua perkara atau keadaan,¹⁶¹ berdasarkan ayat al-Qur'an yang bermaksud:

“ di antara keduanya ada batas (*barzakh*) yang tidak dilampaui oleh masing-masing.”¹⁶²

¹⁵⁸ Al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, VI, h.116; al-Muhammadī, *Mīzān al-Hikmah*, IX, h.227.

¹⁵⁹ Lihat: Al-Qur'an, surah Luqmān (31): 34.

¹⁶⁰ Ja'far Subhānī, *al-Ilāhiyyāt*, IV, h.231 (Bahagian nota kaki).

¹⁶¹ Al-Rāghib, *Mufradāt*, h.118; Fairuzābādī, *Tartīb*, I, h.199; al-Tahānawī, *Kasyṣyāf Iṣṭilāḥāt al-Funūn*, I, h.115; al-Baydāwī, *Anwār al-Tanzīl*, II, h.441; E.W.Lane, *Lexicon*, I, h.187; B. Carra De Vaux, “Barzakh,” dlm. *EI* (1), I, h. 668.

¹⁶² Al-Qur'an, surah al-Rahmān (55): 20.

Menurut ‘Abd al-Jabbār pula, perkataan tersebut merujuk kepada ‘adhāb yang dianggap olehnya sebagai perkara besar yang menakutkan (*al-hā’il al-‘azīm*).¹⁶³

Dari perspektif yang lain pula, *al-barzakh* merujuk kepada alam kubur iaitu suatu keadaan di antara alam dunia dan alam Akhirat sebelum berlaku perhimpunan manusia bermula dari saat kematian sehingga ke hari Kebangkitan (*al-Ba’th*) atau *al-Qiyāmah*. Oleh itu, orang yang mati dikatakan sebagai orang yang memasuki alam *al-barzakh*.¹⁶⁴ Perkataan *al-qabr* (kubur) dari segi bahasa pula merujuk kepada tempat pengebumian manusia.¹⁶⁵ Jadi, *al-barzakh* sesuai diberikan pengertian alam kubur.

Ringkasnya, perkataan *al-barzakh* mempunyai dua pengertian:

Pertama: *Al-Barzakh* bermaksud sesuatu berbentuk batasan atau halangan di antara dua perkara atau keadaan.

Kedua: *Al-Barzakh* bermaksud masa atau keadaan di antara dua kehidupan akan datang.

5.4.2 – Pengertian *al-Barzakh* dari segi istilah:

Dalam al-Qur’ān, perkataan *barzakh* didapati sebanyak tiga (3) kali.¹⁶⁶ Di antara ayat-ayat al-Qur’ān tersebut adalah:

Pertama: “ Dan di hadapan mereka ada dinding (*barzakh*) sampai hari mereka dibangkitkan.”¹⁶⁷

¹⁶³ ‘Abd al-Jabbār, *Syarḥ al-Usūl al-Khamṣah*, II, h.732.

¹⁶⁴ Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, III, h.8; Fairūzābādī, *Tartīb*, I, h.199; Ibn Abī al-Ḥadīd, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, XI, h.154.

¹⁶⁵ Fairūzābādī, *Tartīb*, III, h.47-48; E.W.Lane, *Lexicon*, I, h.187; VII, h.2480.

¹⁶⁶ ‘Abd al-Bāqī, *al-Mu’jam*, h.118.

¹⁶⁷ Al-Qur’ān, surah al-Mu’mīnūn (23): 100.

Kedua: “ Antara keduanya ada batas (*barzakh*) yang tidak dilampaui oleh masing-masing.”¹⁶⁸

Ketiga: “ Dan Dialah yang membiarkan dua laut mengalir (berdampingan), yang ini tawar lagi segar dan yang lain masin lagi pahit, dan Dia jadikan antara keduanya dinding (*barzakh*) dan batas yang menghalangi.”¹⁶⁹

Dalam ketiga-tiga ayat tersebut, perkataan *barzakh* diberikan pengertian dinding atau batas. Ini menunjukkan dengan jelas bahawa perkataan *barzakh* dari segi bahasa dan al-Qur’ān merujuk kepada perkara yang sama.

Menurut ‘Alī bin Abī Tālib (r.’a), perkataan *barzakh* dalam al-Qur’ān dari perspektif *al-Ma’ād* merujuk kepada masa atau keadaan kepada setiap manusia bermula dari saat kematiannya sehingga ke Hari Kiamat.¹⁷⁰ Terdapat batasan di antara manusia dan dunia yang menjadi penghalang kepada mereka daripada kembali ke dunia. Sememangnya diketahui bahawa selepas Hari Kiamat, tiada manusia akan dapat kembali ke dunia yang dengan sendirinya menunjukkan kekukuhannya batasan atau dinding di antara dunia dan hari mereka dibangkitkan.

Beliau mengatakan *barzakh* boleh merujuk kepada suatu perkara di antara dua perkara (*amr bain amrayn*) iaitu mengenai alam kubur (*al-qabr*) yang meliputi balasan kebaikan dan keburukan di antara dunia dan akhirat.¹⁷¹ Keadaan ini adalah yang paling ditakuti berlaku kepada setiap manusia.¹⁷² Ini kerana kubur tersebut mungkin menjadi salah satu taman syurga ataupun lubang neraka.¹⁷³

¹⁶⁸ Al-Qur’ān, surah al-Rahmān (55): 20.

¹⁶⁹ Al-Qur’ān, surah al-Furqān (25): 53.

¹⁷⁰ Al-Dastaghīb, *al-Tawhīd wa al-‘Adl*, (Bhg.I), h.157; al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, VI, h.267.

¹⁷¹ Al-Majlisi, *ibid*, VI, h.218.

¹⁷² Al-Majlisi, *ibid*, VI, h.214; al-Muhammadī, *Mīzān al-Hikmah*, I, h.304-308.

Alam *Barzakh* secara umumnya, atau alam kubur secara khusus dikatakan tempat kediaman terawal daripada kediaman Akhirat. Mereka yang berjaya melepasi alam kubur akan menghadapi keadaan yang lebih mudah dan ringan, tetapi sebaliknya bagi orang yang gagal, akan menghadapi keadaan yang lebih berat.¹⁷⁴ Justeru itu, kubur juga dikatakan menjadi tempat pengadilan yang pertama di Akhirat.

Sehubungan dengan itu, ‘Alī bin Abī Ṭālib (r.’a) menasihatkan: “ Wahai orang-orang yang mempunyai keinginan, pendapat, keilmuan dan berita, ingatlah pergelutan moyangmu yang telah mati dengan diri mereka, badan yang tidak berpakaian, dan harta yang telah dibahagikan. Semua orang sama ada yang dicintai, ditakuti dan lain-lain akan dikembalikan ke tempat yang penuh kekusutan, bumi yang bertanah, tidurlah di atas bahagian badanmu dalam liang lahad, kediaman yang sedikit sekali penziarahnya dengan pekerjanya yang sudah jemu sehingga kamu dikeluarkan daripada kubur dan dibangkitkan kepada Hari Kebangkitan.”¹⁷⁵

Beliau selanjutnya menasihatkan agar setiap manusia mendekati kubur agar mereka mendapat pengajaran daripadanya,¹⁷⁶ bahkan dikatakan nikmat persemendaan (*al-*

¹⁷³ Al-Majlisi[†], *Bihār al-Anwār*, LXXVIII, h.148; al-Muhammadī, *Mizān al-Hikmah*, I, h.304-308.

¹⁷⁴ Muhammad ‘Abduh, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, h.510; al-Syarīf al-Rādī, *Nahj al-Balāghah* (Khutbah no.221), h.339; Ibn Abī al-Hadid, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, XI, h.150; al-Majlisi, *ibid*, VI, h.242; al-Mundhiri, *al-Targhib wa al-Tarhib*, IV, h.264.

¹⁷⁵ Al-Majlisi[†], *ibid*, LXXVII, h.371; al-Muhammadī, *op.cit*, VIII, h.9.

¹⁷⁶ Al-Āmudi[†], *Għurar al-Ḥikam*, h.186.

sahr) adalah kubur.¹⁷⁷ Seterusnya beliau mengatakan: “ simpanlah sifat bongkakmu, turunkanlah kebesaranmu, ingatlah kuburmu kerana ia menjadi tempat laluanmu.”¹⁷⁸

Dalam pembicaraan mengenai alam Barzakh dan persoalan dalam kubur, ‘Ali bin Abi Tālib (r.a) mengatakan ia adalah suatu kenyataan yang pasti berlaku, kebenaran yang tidak dapat diingkari. Secara umumnya, ulama Islam bersepakat mengenainya serta balasan nikmat dan azab yang bakal diterima selepas proses tersebut.¹⁷⁹

Bagaimanapun al-Mu’tazilah dikatakan menafikan azab kubur (*‘adhāb al-qabr*) kerana salah seorang tokohnya, Ḥirār bin ‘Amrū berpendapat demikian. Namun begitu, ‘Abd al-Jabbār mengatakan ia hanyalah pendapat individu dan bukan mewakili al-Mu’tazilah secara keseluruhan.¹⁸⁰ Al-Asyā’irah sebaliknya berpendapat bahawa *‘adhāb al-qabr* adalah suatu kebenaran (*haq*).¹⁸¹

Dalam keterangan ‘Ali bin Abi Tālib (r.a) dijelaskan bahawa selepas jenazah dikebumikan, malaikat Munkar dan Nakir akan datang untuk menyempurnakan tugas mereka dengan mengemukakan soalan yang berhubung dengan ketuhanan, kenabian Muḥammad (s.a.w), agama (*dīn*),¹⁸² kitab dan kepemimpinan (*Imāmah*).¹⁸³ Soalan-soalan lain yang turut diajukan adalah mengenai salat, zakat, puasa, perwalian *Ahl al-Bayt*

¹⁷⁷ Al-Āmudi, *Għurar al-Hikam*, h.394.

¹⁷⁸ Muḥammad ‘Abduh, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, h.370; al-Syarīf al-Raqī, *Nahj al-Balāghah*, (Khutbah no.153), h.214; Ibn Abi al-Ḥadid, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, IX, h.157.

¹⁷⁹ Aḥmad bin Ḥanbal, *al-Sunnah*, h.47; al-Asy’arī, *al-Ibānah*, h.27.

¹⁸⁰ ‘Abd al-Jabbār, *Syarḥ al-Uṣūl al-Khamsah*, h.730.

¹⁸¹ Al-Bazdawī, *Uṣūl al-Dīn*, h.163-164.

¹⁸² Al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, VI, h.222; al-Muḥammadi, *Mizān al-Hikmah*, VIII, h.11.

¹⁸³ Al-Majlisi, *ibid*, VI, h.242; al-Muḥammadi, *ibid*, VIII, h.11.

(‘a.s),¹⁸⁴ usia yang dihabiskan, harta yang dicari¹⁸⁵ dan juga aspek keimanan dan kekufturan yang hakiki.¹⁸⁶

Beliau juga turut membicarakan persoalan ruh dalam alam *Barzakh*. Dalam penjelasannya, *rūḥ* dikatakan mempunyai perkongsian emosi dengan jasad walaupun selepas mati atau sekurang-kurangnya sehingga jasad dikebumikan. Justeru itu, jenazah tidak dibenarkan diurus dengan kasar kerana ia akan menyakiti *rūḥ*.

Di samping itu, beliau juga menjelaskan kedudukan manusia di alam tersebut. Menurut beliau, persoalan balasan pahala dan dosa sangat rumit. Allah menentukan segala-galanya berdasarkan rancangan-Nya yang berasaskan konsep keadilan dan rahmat, adil untuk semua makhluk dan rahmat untuk orang *mu'min*. Setiap orang diberikan layanan yang berbeza selepas mati dan sebelum Hari Kiamat. Umumnya, manusia boleh dibahagikan kepada tiga kategori: *mu'min* sejati, kafir dan *munāfiq* sejati serta bukan *mu'min* dan bukan kafir sejati.

Menurut ‘Alī bin Abī Ṭālib (r.’a), di sisi Allah ruh orang *mu'min* adalah mulia. Justeru itu, ruh mereka dikembalikan semula ke dalam jasad mereka.¹⁸⁷ Ini kerana apabila Allah mengambil ruh seseorang, Dia akan menempatkan ruh itu dalam acuan (*galib*) sama seperti acuannya semasa di dunia dan ruh-ruh tersebut makan dan minum, bahkan berziarah dan bercakap,¹⁸⁸ bertanya khabar dan berkenalan¹⁸⁹ sama seperti yang berlaku

¹⁸⁴ Al-Majlisi^r, *Bihār al-Anwār*, VI, h.266; al-Muhammadī^r, *Mīzān al-Hikmah*, VIII, h.12.

¹⁸⁵ Al-Mundhirī^r, *al-Tarqīb wa al-Tarhib*, IV, h.35; al-Majlisi^r, *ibid*, LXXVII, h.143; Ibn Syu'bah al-Harrānī, *Tuhaf al-'Uqūl*, h.180.

¹⁸⁶ Al-Majlisi^r, *ibid*, VI, h.235; h.260; al-Kulaynī^r, *Furū' al-Kāfi*, III, h.236.

¹⁸⁷ Al-Majlisi^r, *ibid*, VI, h.268; al-Muhammadī^r, *op.cit*, I, h.305.

¹⁸⁸ Al-Majlisi^r, *ibid*, VI, h.243; al-Muhammadī^r, *ibid*, I, h.406-407.

di dunia.¹⁹⁰ Dalam keterangan lain dikatakan, ruh orang mu'min dan mu'minah diletakkan dalam acuan nur di atas tempat yang penuh bercahaya.¹⁹¹ Kenyataan beliau (r.'a) tersebut adalah berdasarkan hujah al-Qur'ān yang bermaksud:

“ Janganlah kamu mengira bahawa orang-orang yang gugur di jalan Allah itu mati, bahkan mereka itu hidup di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki. Mereka dalam keadaan gembira disebabkan kurnia Allah yang diberikan-Nya kepada mereka, dan mereka bergirang hati terhadap orang-orang yang masih tinggal di belakang yang belum menyusul mereka, bahawa tiada kekhawatiran terhadap mereka dan tidak (pula) bersedih hati. Mereka bergirang hati dengan nikmat dan kurnia yang besar daripada Allah dan bahawa Allah tidak menyalahkan pahala orang-orang yang beriman, iaitu orang-orang yang mentaati perintah Allah dan Rasul-Nya sesudah mereka mendapat luka (dalam perperangan Uhud).”¹⁹²

Allah (s.w.t) dikatakan tidak akan membiarkan ruh orang *mu'min* di timur mahupun di barat, sebaliknya selepas melalui proses soal jawab dalam kubur akan dihantar ke *Wādī al-Salām*.¹⁹³ Ruh orang *mu'min* berada dalam kamar-kamar di syurga, mendapat makanan dan minuman syurga serta boleh berziarah. Ruh tersebut dikatakan memohon kepada Allah supaya mengadakan Hari Pembalasan (*al-Sā'ah*) untuk memenuhi janji Allah kepada mereka.¹⁹⁴

Mengenai ruh orang kafir dan munafiq pula, beliau (r.'a) mengemukakan dalil al-Qur'ān berikut yang bermaksud:

“ (Demikianlah keadaan orang-orang kafir itu), hingga apabila datang kematian kepada seseorang daripada mereka, dia berkata: Ya Tuhanku

¹⁸⁹ Al-Majlisi,[†] *Bihār al-Anwār*, VI, h.234; al-Muhammadī, *Mizān al-Hikmah*, I, h.306.

¹⁹⁰ Al-Majlisi,[†] *ibid*, VI, h.270; al-Muhammadī,[†] *ibid*, I, h.305.

¹⁹¹ Al-Majlisi,[†] *ibid*, VI, h.237.

¹⁹² Al-Qur'ān, surah Āli 'Imrān (3): 169-171.

¹⁹³ Al-Majlisi,[†] *op.cit*, VI, h.268; al-Muhammadī,[†] *op.cit*, I, h.406-407.

¹⁹⁴ Al-Majlisi,[†] *ibid*, VI, h.234; al-Muhammadī,[†] *ibid*, I, h.306-307.

kembalikanlah aku (ke dunia), agar aku berbuat amalan yang salih terhadap apa yang telah aku tinggalkan. Sekali-kali tidak. Sesungguhnya itu adalah perkataan yang diucapkannya sahaja. Dan di hadapan mereka ada dinding (*barzakh*) sampai hari mereka dibangkitkan.”¹⁹⁵

Berhubung dengan ruh orang kafir, dikatakan mereka akan berada dalam kamar-kamar neraka dengan mendapat makanan dan minuman daripadanya serta saling berziarah di dalamnya. Ruh tersebut dikatakan memohon agar Allah tidak mengadakan Hari Pembalasan (*al-Sā'ah*) bagi menyempurnakan janji-Nya terhadap mereka¹⁹⁶ dan juga tidak mencampakkan golongan yang akhir dan yang awal dari kalangan mereka.¹⁹⁷ Beliau mengatakan ruh orang yang bongkak (*fākhīr*) yang telah melalui proses soal jawab dalam kubur akan ditempatkan di *Wādi Barhūt*.¹⁹⁸

5.5 - Konsep *al-Qiyāmah*:

5.5.1 – Pengertian *al-Qiyāmah* dari segi bahasa:

Dari segi bahasa, perkataan *al-Qiyāmah* berasal daripada kalimah *Qāma* – *Yaqūmu* - *Qiyām* yang bermaksud bangkit atau berdiri. Menurut al-Rāghib, pada asalnya perkataan *al-Qiyāmah* merujuk kepada keadaan manusia yang dibangkitkan secara serentak daripada mati (*al-mawt*).¹⁹⁹ Tambahan huruf *al-hā'* pada perkataan tersebut adalah sebagai suatu peringatan bahawa kejadiannya berlaku secara sekaligus.²⁰⁰

¹⁹⁵ Al-Qur’ān, surah al-Mu’mīnūn (23): 99-100.

¹⁹⁶ Al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, VI, h.234; al-Muhammadī, *Mīzān al-Hikmah*, I, h.402-408.

¹⁹⁷ Al-Majlisi, *ibid*, VI, h.270; al-Muhammadī, *ibid*, I, h.402-408.

¹⁹⁸ Al-Majlisi, *ibid*, VI, h.243.

¹⁹⁹ Jubrān Mas’ūd, *al-Rā’id*, II, h.1213; *al-Munjid*, h.663.

²⁰⁰ Al-Rāghib, *Mufradāt*, h.691.

Secara ringkasnya, ia disebutkan sebagai Hari Kiamat (*Yaum al-Qiyāmah*), dengan pengertian bahawa ia merujuk kepada hari kebangkitan sekalian makhluk daripada kubur masing-masing untuk dikumpulkan di hadapan Allah di alam Akhirat untuk diberikan perhitungan (*al-hisāb*) dan balasan.²⁰¹

5.5.2 – Pengertian *al-Qiyāmah* dari segi istilah:

Perkataan *al-Qiyāmah* dalam al-Qur’ān boleh ditemui sebanyak 70 kali dalam 30 buah surah.²⁰² Di antara ayat-ayat yang menyebutkan perkataan *al-Qiyāmah* secara langsung:

Pertama: “ Dan pada Hari Kiamat (*al-Qiyāmah*) mereka dikembalikan kepada siksa yang sangat berat.”²⁰³

Kedua: “ Allah, tiada Tuhan selain Dia. Sesungguhnya Dia akan mengumpulkan kamu di Hari Kiamat (*al-Qiyāmah*), yang tidak ada keraguan padanya.”²⁰⁴

Ketiga: “ Aku (Allah) bersumpah dengan hari Kiamat (*al-Qiyāmah*).”²⁰⁵

Dari keterangan beberapa ayat al-Qur’ān di atas, ia dengan jelas menunjukkan bahawa secara umumnya, dapat dilihat perkataan *al-Qiyāmah* dari segi bahasa dan istilah mempunyai maksud yang hampir sama. Selain dari itu, al-Qur’ān juga turut mengemukakan beberapa nama lain atau gambaran sifatnya yang mempunyai pengertian

²⁰¹ Majma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah, *Mu‘jam Alfāz al-Qur’ān al-Karīm*, II, h.453; Majma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah, *al-Mu‘jam al-Waṣīṭ*, I, h.768.

²⁰² ‘Abd al-Bāqī, *al-Mu‘jam*, h.581-582.

²⁰³ Al-Qur’ān, surah al-Baqarah (2): 85.

²⁰⁴ Al-Qur’ān, surah al-Nisā’ (4): 87.

²⁰⁵ Al-Qur’ān, surah al-Qiyāmah (75): 1.

dan kaitan yang sama dengan *al-Qiyāmah*. Nama-nama tersebut adalah *al-Ākhirah*,²⁰⁶ *al-Ma'ād*,²⁰⁷ *al-Sā'ah*,²⁰⁸ *Yaum al-Majmū'*, *Yaum al-Masyhūd*, *Yaum al-Jam'*, *Yaum al-Taghābun*, *al-Yaum al-Maw'ūd*, *Yaum al-Talāq*, *Yaum al-Tanād*, *Yaum al-Faṣl* dan *Yaum al-Ḥisāb*, *Yaum al-Hasrah*, *al-Yaum al-Ākhir*, *Yaum al-Dīn*, *Yaum al-Waqt* *al-Ma'lūm*, *Yaum al-Ḥaq*, *Yaum al-Azifah*, *Yaum al-Wā'id*, *Yaum al-Khulūd*, *Yaum al-Khurūj*, *Yaum al-Ba'th*, *al-Ḥāqqah*, *al-Qāri'ah*, *al-Tāmmah al-Kubrā*, *al-Ṣākhkhah*, *al-Mī'ad*, *al-Ghāsyah*,²⁰⁹ sementara yang berdasarkan sifat-sifatnya pula di antaranya *Yaum 'Ażīm*, *Yaum Kabīr*, *Yaum Muhiṭ*, *Yaum 'Aqīm*, *Yaum Alīm*, *Yaum Masyhūd*, *Yaum 'Asīr*, *Yaum 'Abūs Qamṭarīr*, *Yaum lā Bai' wa lā Khillah wa lā Syafā'ah*, *Yaum Majmū' la-hu al-Nās*, *Yaum Tasykhaṣu fī-hi al-Abṣār*, *Yaum 'alā al-Kāfirin 'Asīr*, *Yaum lā Yajzi Wālid 'an Waladi-hi wa lā Mawlūd wa huwa jaza 'an Walidi-hi Syai'a*, *Yaum Yaj'al al-Wildan Syaiba*.²¹⁰

²⁰⁶ Perkataan *al-Ākhirah* disebutkan sebanyak 115 kali dalam 43 buah surah. Lihat: 'Abd al-Bāqī, *al-Mu'jam*, h.21-23.

²⁰⁷ Istilah yang biasanya digunakan oleh ahli-ahli teologi Islam untuk merujuk kepada Hari Kiamat. (Lihat: D.B.MacDonald, " al-Kiyama " dlm. *EI*(1), II, h.1048)

²⁰⁸ Perkataan *al-Sā'ah* disebutkan sebanyak 48 kali dalam 27 buah surah. Lihat: 'Abd al-Bāqī, *op.cit*, h.370-371.

²⁰⁹ Lihat al-Qur'ān: *Al-Qiyāmah* (al-Qiyāmah (75): 1), *al-Sā'ah* (al-Hijr (15): 85), *Yaum al-Majmū'* dan *Yaum al-Masyhūd* (Hūd (11): 103), *Yaum al-Jam'* dan *Yaum al-Taghābun* (al-Taghābun (64): 9), *al-Yaum al-Maw'ūd* (al-Burūj (85): 2-3), *Yaum al-Talāq* (al-Mu'min (40): 15), *Yaum al-Tanād* (al-Mu'min (40): 32), *Yaum al-Faṣl* (al-Mursalāt (77): 38) dan *Yaum al-Ḥisāb* (Ṣād (38): 26). (Lihat: Ja'far Subḥānī, *al-Ilāhiyyāt*, IV, h.166)

²¹⁰ Ja'far al-Subḥānī, *ibid*.

Bagi ‘Alī bin Abī Ṭālib (r.’a), *al-Qiyāmah* merujuk kepada hari Allah (s.w.t) mengumpulkan orang-orang terdahulu dan terkemudian untuk dihisab dan menerima pembalasan terhadap amalan mereka.²¹¹

5.5.3 – Konsep *al-Qiyāmah* dan persoalan-persoalannya:

(1) Tanda-tanda *al-Qiyāmah*:

Al-Qur’ān telah mengemukakan syarat-syarat *al-Qiyāmah* (*asyrātu-ha*) yang merujuk kepada tanda-tanda (*al-‘alāmāt*)²¹² berhubung dengan peristiwa kedadangannya yang semakin hampir. Sebahagiannya terdapat dalam al-Qur’ān dan sebahagian lagi di dalam al-Sunnah dan ia hanya akan dibincangkan secara umum sahaja.

Di antara tanda-tanda (*asyrāt*) yang dikemukakan dalam al-Qur’ān adalah:

Pertama: Perutusan Nabi Muḥammad (ṣ.‘a.w) seperti maksud ayat al-Qur’ān berikut:

“ Maka tidaklah yang mereka tunggu-tunggu melainkan hari Kiamat (iaitu) kedadangannya kepada mereka dengan tiba-tiba, kerana sesungguhnya telah datang tanda-tandanya. Maka apakah faedahnya bagi mereka kesedaran mereka itu apabila hari Kiamat sudah datang? ”²¹³

Menurut ‘Alī bin Abī Ṭālib (r.’a),²¹⁴ Nabi Muḥammad (ṣ.‘a.w) merupakan salah satu syarat hampirnya Kiamat dan baginda (ṣ.‘a.w) dikatakan bersabda: “ Aku diutuskan bersama Hari Kiamat (*al-Sā’ah*) seperti dua perkara ini (merujuk kepada jari telunjuk dan

²¹¹ Muḥammad ‘Abduh, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, h.273; al-Syarīf al-Raḍī, *Nahj al-Balāghah*, (Khutbah no.102), h.147-148; Ibn Abī al-Ḥadīd, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, VII, h.102; *Nahj al-Hayāh*, h.51.

²¹² Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, VII, h.329.

²¹³ Al-Qur’ān, surah Muḥammad (47): 18.

²¹⁴ Muḥammad ‘Abduh, *op.cit*, h.385; al-Syarīf al-Raḍī, *op.cit*, (Khutbah no.160), h.229; Ibn Abī al-Ḥadīd, *op.cit*, IX, h.232-233.

jari tengah baginda).²¹⁵ Ia menunjukkan bahawa *al-Qiyāmah* semakin hampir kepada manusia dengan bulan terbelah dua menerusi tangan baginda dan penurunan al-Qur'ān yang merupakan kitab yang terakhir.²¹⁶

Kedua: Tembok (*al-Sadd*) runtuh dan keluarnya Ya'jūj dan Ma'jūj,²¹⁷ pada ketika peristiwa itu merujuk kepada Dhū al-Qarnayn yang datang kepada suatu kaum yang memintanya mendirikan tembok pemisah di antara mereka dengan Ya'jūj dan Ma'jūj dan setelah selesai pembinaannya, Dhū al-Qarnayn berkata:

"Ini (dinding) adalah rahmat daripada Tuhanku, maka apabila sudah datang janji Tuhanku, Dia akan menjadikannya hancur luluh, dan janji Tuhanku itu adalah benar."²¹⁸

Menurut 'Alī (r.'a), ia menunjukkan bahawa runtuhnya tembok itu menjadi syarat berlakunya *al-Qiyāmah*. Ini bermaksud bahawa selepas selesai pembinaannya, manusia mulai bertebaran, bebas tanpa peraturan dan kelalaian dijadikan sebagai hukum seperti yang diterangkan dalam maksud al-Qur'ān berikut:

"Hingga apabila dibukakan (tembok) Ya'jūj dan Ma'jūj, dan mereka turun dengan cepat dari seluruh tempat yang tinggi. Dan telah dekatlah kedatangan janji yang benar (hari berbangkit), maka tiba-tiba terbelalaklah mata orang-orang yang kafir. (Mereka berkata): Aduhai celakalah kami, sesungguhnya kami adalah dalam kelalaian tentang ini, bahkan kami adalah orang-orang yang zalim."²¹⁹

²¹⁵ Al-Majlisī, *Bihār al-Anwār*, LXXVII, h.122. Bandingkan: Muslim, *Saḥīh*, IV, h.2268.

²¹⁶ Al-Tabarsī, *Majma' al-Bayān*, V, h.102; al-Qur'ān, surah al-Qamar (54): 1.

²¹⁷ Al-Qur'ān, surah al-Kahfī (18): 92-99; al-Anbiyā' (21): 96. Lihat: Ja'far al-Subhānī, *al-Ilāhiyyāt*, IV, h.242. Bandingkan: Muslim, *op.cit*, IV, h.2207.

²¹⁸ Al-Qur'ān, surah al-Kahfī (18): 96-98.

²¹⁹ Al-Qur'ān, surah al-Anbiyā' (21): 96-97.

Apabila Ya'jūj dan Ma'jūj terlepas daripada tembok itu ke dunia, ia memberikan petanda bahawa janji Allah tentang Hari Kiamat yang akan datang adalah benar.

Ketiga: *Al-Dukhān* memenuhi angkasa (*al-samā'*)²²⁰ seperti maksud ayat berikut:

“ Maka tunggulah hari ketika langit membawa kabut (asap) yang nyata, yang meliputi manusia. Inilah azab yang pedih. (Mereka berdoa): Ya Tuhan kami, lenyapkanlah azab itu daripada kami. Sesungguhnya kami akan beriman. Bagaimanakah mereka dapat menerima peringatan, padahal telah datang kepada mereka seorang rasul yang memberi peringatan. Sesungguhnya (kalau) Kami akan melenyapkan siksaan itu agak sedikit sesungguhnya kamu akan kembali (ingkar). (Ingatlah) hari (ketika) Kami menghantam mereka dengan hantaman yang keras. Sesungguhnya Kami adalah Pemberi balasan.”²²¹

Keterangan tersebut dikatakan mempunyai hubungan dengan zaman industri yang mewujudkan banyak kilang yang menyebabkan tercetusnya kekacauan dan keceluaran dalam kehidupan manusia dengan alam sekitar dicemari asap dan debu-debu yang berterbangan.²²²

Keempat: Nabi 'Isā ('a.s) turun ke bumi, seperti dijelaskan al-Qur'ān yang bermaksud:

“ Dan tatkala putera Maryam ('Isā) dijadikan perumpamaan tiba-tiba kaumnya (Quraisy) bersorak kerananya. Dan mereka berkata: Manakah yang lebih baik tuhan-tuhan kami atau dia ('Isā)? Mereka tidak memberikan perumpamaan itu kepadamu melainkan dengan maksud membantah sahaja, sebenarnya mereka adalah kaum yang suka bertengkar. 'Isā tidak lain hanyalah seorang hamba yang Kami berikan kepadanya nīmat (kenabian) dan Kami jadikannya sebagai tanda bukti (kekuasaan Allah) untuk Bani Isra'il. Dan kalau Kami kehendaki benar-benar Kami jadikan sebagai gantimu di muka bumi malaikat-malaikat yang turun temurun. Dan sesungguhnya 'Isā itu benar-benar memberikan pengetahuan tentang hari Kiamat. Kerana itu janganlah kamu ragu-ragu tentang Kiamat itu dan ikutilah Aku. Inilah jalan yang benar.”²²³

²²⁰ Muslim, *Šaḥīḥ*, IV, h.2225; Ibn al-Āthīr, *Jāmi' al-Uṣūl*, XI, h.87.

²²¹ Al-Qur'ān, surah al-Dukhān (44): 10-16.

²²² Ja'far Subhānī, *al-Ilāhiyyāt*, IV, h.243.

²²³ Al-Qur'ān, surah al-Zukhruf (43): 57-61. Bandingkan: Muslim, *op.cit*, IV, h.2221, 2225, 2258.

Dikatakan bahawa semasa turunnya ayat al-Qur'ān yang bermaksud:

“ Sesungguhnya kamu dan apa yang kamu sembah selain Allah, adalah makanan Jahannam,”²²⁴

kaum Quraisy mengganggu Nabi (ṣ.a.w) dengan mengatakan: “ Sesungguhnya kami redha tuhan-tuhan kami seperti itu, sama keadaannya seperti ‘Isā dan mereka mengatakan seperti yang dijelaskan Allah (s.w.t) mengenai mereka: “ Tuhan-tuhan kami lebih baik atau sebaliknya “ bukankah tuhan-tuhan kami lebih baik daripada ‘Isā, sekiranya ‘Isā di neraka, begitulah juga dengan tuhan-tuhan kami.”

Justeru, Allah (s.w.t) menjawab bahawa mereka mengemukakan perumpamaan itu bertujuan untuk bermusuhan dan bukan menghendaki kebenaran. Allah (s.w.t) kemudian menjelaskan kedudukan ‘Isā bin Maryam (‘a.s):

“ Sesungguhnya dia (‘Isā) benar-benar memberi pengetahuan tentang Hari Kiamat.”

Ayat tersebut menurut ‘Alī (r.‘a) membuktikan bahawa kewujudan Nabi ‘Isā (‘a.s) menunjukkan tanda hampirnya Kiamat. Dari segi zahirnya, riwayat tersebut memperlihatkan bahawa ‘Isā (‘a.s) turun selepas keluarnya al-Mahdi.²²⁵

Kelima: *Dābbah al-‘Ard* keluar dari bumi²²⁶ berdasarkan keterangan al-Qur'ān yang bermaksud:

“ Dan apabila perkataan telah jatuh atas mereka, Kami keluarkan sejenis binatang melata daripada bumi yang akan mengatakan kepada mereka,

²²⁴ Al-Qur'ān, surah al-Anbiyā' (21): 98.

²²⁵ Lihat: Al-Ṭabarī, *Majma' al-Bayān*, V, h.358.

²²⁶ Al-Qur'ān, surah al-Naml (27): 82-83; Muslim, *Ṣaḥīḥ*, IV, h.2225; Ibn al-Āthīr, *Jāmi' al-Uṣūl*, XI, h.247; Ja'far al-Subhānī, *al-Ilāhiyyāt*, IV, h.152; al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, LII, h.181-182.

bahawa sesungguhnya manusia dahulu tidak yakin kepada ayat-ayat Kami.”²²⁷

Perkataan *dābbah* dari segi bahasa bermaksud setiap sesuatu yang merayap di atas bumi seperti disebutkan al-Qur’ān:

“ Dan tiada satu binatang melata (*dābbah*) pun di bumi melainkan Allah-lah yang memberikan rezekinya.”²²⁸

Dalam ayat tersebut tidak menerangkan keadaannya sama ada ia merupakan manusia atau binatang. Dalam al-Qur’ān, perkataan itu mengandungi banyak pengertian. Ayat-ayat berikut boleh dikemukakan sebagai contoh:

“ dan binatang-binatang melata (*al-dawwāb*) dan sebahagian besar daripada manusia,”²²⁹ dan

“ dan demikian (pula) di antara manusia, binatang-binatang melata (*al-dawwāb*).”²³⁰

Keterangan tersebut memberikan kesimpulan bahawa ia bukanlah terdiri daripada manusia dan *dābbah* akan keluar sebelum Kiamat berlaku dan kewujudannya membuktikan bahawa Hari Kiamat sudah begitu hampir.

Keenam: Tanda-tanda daripada Allah (s.w.t)²³¹ dalam ayat al-Qur’ān yang bermaksud:

“ Yang mereka nanti-nanti tidak lain hanyalah kedatangan malaikat kepada mereka (untuk mencabut nyawa mereka) atau kedatangan (siksa) Tuhanmu kedatangan beberapa ayat Tuhanmu. Pada hari datangnya beberapa ayat daripada Tuhanmu tidaklah bermanfaat lagi iman seseorang kepada dirinya sendiri yang belum beriman sebelum itu, atau dia (belum)

²²⁷ Al-Qur’ān, surah al-Naml (27): 82.

²²⁸ Al-Qur’ān, surah Hūd (11): 6.

²²⁹ Al-Qur’ān, surah al-Hajj (22): 18.

²³⁰ Al-Qur’ān, surah Fātīr (35): 28.

²³¹ Ja’far al-Subḥānī, *al-Ilāhiyyāt*, IV, h.250.

mengusahakan kebaikan dalam masa imannya. Katakanlah: Tunggulah olehmu sesungguhnya Kami pun menunggu (pula).²³²

(2) Peristiwa-peristiwa *al-Qiyāmah*:

(i) Tiupan Sangkakala (*Nafkhah al-Šūr*):

Persoalan tiupan sangkakala (*al-Šūr*) dikatakan termasuk perkara yang wajib diimani secara umum (*al-ijmāl*) kerana kedudukannya yang sebenar tidak diketahui kerana al-Qur'an tidak memperincikannya dan hadith-hadith mengenainya pula dikatakan bersumberkan hadith-hadith *āḥād* yang tidak mencapai taraf *mutawātir*.²³³

Al-Qur'an menurut keterangan 'Alī (r.'a) menunjukkan bahawa manusia hidup di alam barzakh sehingga sangkakala ditiuup yang menyebabkan kemasuhan seluruh alam.²³⁴ Tiupan sangkakala dikatakan terjadi sebanyak dua (2) kali, dengan yang pertama untuk mematikan (*nafkhah al-ṣa'q*) manakala yang kedua pula untuk menghidupkan kembali (*nafkhah al-qiyām*).²³⁵

(ii) Semua sistem alam musnah:

Menurut beliau (r.'a), al-Qur'an menunjukkan bahawa pada hari Kiamat terjadi, ia tidak lagi mengikut sistem atau peraturan yang biasa tetapi suatu sistem yang baru dengan

²³² Al-Qur'an, surah al-An'am (6): 158.

²³³ Ja'far al-Subhānī, *al-Ilāhiyyāt*, IV, h.239; al-Muhammadī, *Mizān al-Hikmah*, VII, h.84; al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, VI, h.316.

²³⁴ Al-Qur'an, surah al-Zumar (39): 67-75; Ibrāhīm (14): 48; al-Mu'min (40): 16; al-Hāqqah (69): 13-17. Lihat: Muhammad 'Abduh, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, h.478; al-Syārīf al-Raḍī, *Nahj al-Balāghah*, (Khutbah no.195); h.310; Ibn Abī al-Hadīd, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, X, h.176.

²³⁵ Al-Qur'an, Yāsin (36): 48-54; al-Tabāṭabā'i, *al-Mizān*, XVII, h.309-310.

berlakunya kemusnahan kepada sistem yang sedia dan kejadian dalam alam ini akan hancur binasa.²³⁶

Gambaran oleh ‘Alī bin Abī Tālib (r.’a) menunjukkan bahawa langit dikatakan bergerak pantas dan berombak-ombak, bergoyang dan berpusing pada tempatnya hingga menjadi terlalu lemah seperti sehelai bulu dan terbelah daripada yang lain disebabkan binaannya telah runtuh.²³⁷ Matahari digulung²³⁸ dan bintang-bintang pula berjatuhan²³⁹ dan berguguran dari paksinya serta pecah berkecai dan berserakan.²⁴⁰

Lautan dijadikan meluap (*fujjirat* atau *sujjirat*),²⁴¹ terbuka luas hingga tiada batasan di antara kedua-dua bahagian yang masin dan yang tawar seolah-olah kedua-duanya telah menjadi sebuah lautan ataupun bumi menyerap air yang memenuhi lautan dan menjadikannya rata bagaikan tiada air lagi.²⁴² Dalam keterangan lain, dikatakan air melimpah dan munculnya api sehingga lautan bagaikan neraka jahanam yang dipenuhi api.²⁴³

²³⁶ Ja‘far al-Subḥānī, *al-Ilāhiyyāt*, IV, h.253.

²³⁷ Al-Qur’ān, surah al-Infitār (82): 1; al-Tūr (52): 9; al-Mursalāt (77): 9; al-Hāqqah (69): 16; al-Rahmān (55): 37; al-Mā’ārij (70): 8; al-Anbiyā’ (21): 104. Lihat: Al-Ṭabarānī, *Majma‘ al-Bayān*, X, h.346; al-Ālūsī, *Rūh al-Ma‘āni*, XXVII, h.25; al-Syarīf al-Rāḍī, *Nahj al-Balāghah*, (Khutbah no.109), h.161; Muḥammad ‘Abduh, *Syarīh Nahj al-Balāghah*, h.291; Ibn Abī al-Hadīd, *Syarīh Nahj al-Balāghah*, VII, h.201-202.

²³⁸ Al-Qur’ān, surah al-Takwīr (81): 1-2.

²³⁹ Al-Qur’ān, surah al-Takwīr (81): 2.

²⁴⁰ Al-Qur’ān, surah al-Infitār (82): 2; al-Mursalāt (77): 8; al-Tabāṭabā’ī, *al-Mīzān*, XX, h.223; X, h.148.

²⁴¹ Al-Qur’ān, surah al-Infitār (82): 3; al-Takwīr (81): 6; al-Syarīf al-Rāḍī, *op.cit*, h.161-162; *Nahj al-Hayāh*, h.53.

²⁴² Al-Ālūsī, *op.cit*, XXX, h.63.

²⁴³ Al-Ālūsī, *ibid*, XXX, h.52; al-Tabāṭabā’ī, *op.cit*, XX, h.223.

Bumi pula dikatakan dicabut, diangkat, digoncangkan dengan begitu dahsyat secara berturut-turut lalu dibenturkan hingga menjadi hancur lebur (*dakka al-ard*)²⁴⁴ kerana takutkan kebesaran dan kedahsyatan Allah. Gunung-ganang pula dikatakan dihancurkan sehancur-hancurnya menjadi debu atau pasir yang berterbangan sehingga menjadi datar,²⁴⁵ seterusnya bumi menjadi rata dan dibentang dengan seluas-luasnya (*madda*) pada hari *al-Qiyāmah*²⁴⁶ ataupun dengan kata-kata lain, bumi telah digantikan dengan bumi yang lain bagi membolehkan semua makhluk menuju ke *al-Mahsyar*, berkumpul untuk menghadap Allah (s.w.t).²⁴⁷

Sehubungan dengan itu, ‘Alī bin Abī Tālib (r.’a) menjelaskan semua makhluk di langit dan bumi akan mati dengan tiupan pertama yang dilakukan sekali sahaja kecuali yang diizinkan Allah, bahkan semua yang berkata-kata menjadi kelu, yang mulia menjadi hina, yang keras menjadi lembut, keadaan menjadi kacau-bilau dan akan berubah menjadi rata tanpa bukit dan gunung.²⁴⁸

(iii) Kebangkitan daripada Kubur:²⁴⁹

²⁴⁴ Al-Qur’ān, surah al-Fajr (89): 21; al-Hāqqah (69): 14; al-Wāqi’ah (56):4; Muḥammad ‘Abduh, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, h.291; al-Syarīf al-Raḍī, *Nahj al-Balāghah*, (Khutbah no.109), h.161; Ibn Abī al-Hadid, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, VII, h.202.

²⁴⁵ Al-Qur’ān, surah al-Ṭūr (52): 10; Tāhā (20): 105-107; al-Mursalāt (77): 10; al-Muzammil (73): 14; al-Qāri’ah (101): 5; al-Wāqi’ah (56): 5; al-Nabā’ (78): 20; al-Tabarsī, *Majma‘ al-Bayān*, VII, h.29.

²⁴⁶ Al-Ālūsī, *Rūḥ al-Ma’āni*, XXX, h.79; Lihat sama: Al-Tabarsī, *ibid*, X, h.460.

²⁴⁷ Al-Qur’ān, surah Ibrāhīm (14): 48; al-Tabāṭabā’ī, *al-Mīzān*, XX, h.242; al-Majlīsī, *Bihār al-Anwār*, VII, h.99.

²⁴⁸ Muḥammad ‘Abduh, *op.cit*, h.478; al-Syarīf al-Raḍī, *op.cit*, (Khutbah no.195), h.310; Ibn Abī al-Hadid, *op.cit*, X, h.171; al-Qur’ān, surah Yāsīn (36): 49-50; al-Tabāṭabā’ī, *ibid*, XVII, h.102.

²⁴⁹ Al-Qur’ān, surah al-Rā’id (13): 5; al-Hajj (22); 1-7; Yāsīn (36): 78-79.

Pada tiupan yang kedua, semua manusia akan keluar dari kubur mereka dalam pelbagai keadaan²⁵⁰ untuk dikumpulkan secara bersaf-saf bagi memperlihatkan balasan perbuatan mereka. Mereka datang bersama-sama dengan seorang malaikat pengiring (*sā'iq*) dan malaikat penyaksi (*syahid*) dengan berdiri sambil menunggu keputusan masing-masing.²⁵¹ Menurut ‘Alī (r.’a), *sā'iq* akan membawanya ke *al-Mahsyar* dan *syahid* pula bertindak sebagai saksi perbuatannya. Mereka adalah malaikat pencatat kebaikan dan keburukan yang ditugaskan untuk membentangkan kitab yang tergantung di leher setiap manusia.²⁵² Keterangan itu berdasarkan maksud al-Qur’ān berikut:

“ Dan ditiupkan sangkakala, maka tiba-tiba mereka keluar dengan segera dari kuburnya (menuju) kepada Tuhan mereka. Mereka berkata: Aduhai celakalah kami! Siapakah yang membangkitkan kami dari tempat-tempat tidur kami (kubur)? Inilah yang dijanjikan (Tuhan) Yang Maha Pemurah dan benarlah Rasul-rasul-Nya.”²⁵³

Pada hari itu juga, seorang penyeru (malaikat) menyeru kepada sesuatu yang tidak menyenangkan (hari pembalasan)²⁵⁴ dan masing-masing mempunyai urusan yang cukup menyibukkan.²⁵⁵

(iv) *Al-Mahsyar*:

²⁵⁰ Al-Qur’ān, surah al-Zalzalah (99): 6.

²⁵¹ Al-Qur’ān, surah Qāf (50): 22; Yāsīn (36): 51-53; al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, VII, h.110.

²⁵² Muhammad ‘Abduh, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, h.224; al-Syārif al-Raḍī, *Nahj al-Balāghah*, (Khutbah no.85), h.116; Ibn Abī al-Hadīd, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, VI, h.348; al-Ṭabāṭabā’ī, *al-Mīzān*, XVIII, h.354.

²⁵³ Al-Qur’ān, surah Yāsīn (36): 51-52.

²⁵⁴ Al-Qur’ān, surah al-Qamar (54): 6-8.

²⁵⁵ Al-Qur’ān, surah ‘Abasa (80): 37.

*Al-Mahsyar*²⁵⁶ adalah daripada perkataan *al-hasyr* yang merujuk kepada tempat semua manusia dikumpulkan.²⁵⁷ Al-Qur'ān, menurut 'Alī (r.'a) menghuraikan bahawa pada hari *al-Mahsyar*, setiap manusia akan keluar dari kubur mereka masing-masing dalam pelbagai bentuk secara bersendirian sebagaimana diciptakan pada mulanya,²⁵⁸ dan mereka diibaratkan seperti anai-anai yang bertebaran²⁵⁹ menuju kepada penyeru dengan tidak berbelok-belok sambil tunduk kepada Allah tanpa dapat mengucapkan sesuatu kecuali yang diberikan keizinan oleh-Nya.²⁶⁰

Sehubungan dengan itu, 'Alī bin Abī Tālib (r.'a) telah mengemukakan penjelasan selanjutnya mengenai *al-Mahsyar* dengan mengatakan bahawa ia merupakan hari pembalasan, soal-jawab, pembalasan kebaikan (*al-hibā'*) dan siksaan (*al-nakāl*).²⁶¹ Ini kerana pada hari itu, Allah mengumpulkan semua manusia yang terdahulu dan yang terkemudian untuk memberikan perhitungan (*al-hisāb*) di atas segala perbuatan mereka.²⁶² Mereka dihalau seperti tawanan tanpa pakaian,²⁶³ tunduk, berpeluh dan dibawa hingga ke suatu tempat dalam keadaan terpaksa berdiri kerana tiada tempat untuk

²⁵⁶ Al-Qur'ān, surah al-Zalzalah (99): 1-8; al-Takwīr (81): 1-14; al-Anbiyā' (21): 104; Ibrāhīm (14): 48; Tāhā (20): 105-107; al-Mā'ārij (70): 4; al-Sajdah (32): 5; Muḥammad 'Abduh, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, h.50; al-Syarīf al-Rāḍī, *Nahj al-Balāghah*, (Khutbah no.82), h.106-107; Ibn Abī al-Hadīd, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, VI, h.238.

²⁵⁷ E.W.Lane, *Lexicon*, II, h.575.

²⁵⁸ Al-Qur'ān, surah al-An'ām (6): 94.

²⁵⁹ Al-Qur'ān, surah al-Qāri'ah (101): 4.

²⁶⁰ Al-Qur'ān, surah al-Nabā' (78): 38.

²⁶¹ Al-Majlīsī, *Bihār al-Anwār*, VII, h.99.

²⁶² Muḥammad 'Abduh, *op.cit*, h.273; al-Syarīf al-Rāḍī, *op.cit*, (Khutbah no.102), h.147-148; Ibn Abī al-Hadīd, *op.cit*, VII, h.102; al-Kulaynī, *Furū' al-Kāfi*, VIII, h.143; *Nahj al-Hayāh*, h.51; al-Majlīsī, *ibid*, VII, h.113.

²⁶³ Al-Mundhīrī, *al-Targhib wa al-Tarhib*, IV, h.384.

duduk tanpa sebarang perbezaan kedudukan di antara mereka.²⁶⁴ Semuanya dalam keadaan ketakutan kerana para malaikat dikatakan menakutkan bukan sahaja para pelaku keburukan bahkan juga pelaku kebaikan. Kebimbangan manusia yang paling besar pada ketika itu adalah sekiranya mereka tidak mendapat keampunan dan rahmat Allah.²⁶⁵

(V) Pemberian kitab (*al-Şuhuf*):

‘Alī bin Abi Tālib (r.’a) menjelaskan sebaik sahaja mereka keluar daripada kubur, semuanya akan dibawa dan dipanggil ke mahkamah Allah untuk dihisab dengan diperlihatkan kitab (*al-ṣuhuf*).²⁶⁶ Setiap manusia akan menerima kitab mereka masing-masing yang dituliskan oleh para malaikat *hafazah* meliputi semua perbuatannya sama ada besar mahupun kecil. Sebahagian menerima menerusi tangan kanan dan sebahagian lagi menerima tangan kiri:

“ Adapun orang yang diberikan kitabnya dari sebelah kanannya, maka dia akan diperiksa dengan pemeriksaan yang mudah, dan akan kembali kepada kaumnya (yang sama-sama beriman) dengan gembira. Adapun orang yang diberikan kitabnya dari belakang, maka dia akan berteriak: Celakalah aku.”²⁶⁷

(VI) *Al-Hisāb* dan Penyaksian (*al-Syahid*):

Menurut ‘Alī bin Abi Tālib (r.’a), selepas menerima kitab, pengiraan (*al-hisāb*)²⁶⁸ dimulakan. Ia merupakan peristiwa yang menakutkan hati manusia kerana pada masa itu,

²⁶⁴ Al-Mughniyyah, *Fī Zilāl Nahj al-Balāghah*, II, h.96-98.

²⁶⁵ Al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, VII, h.104.

²⁶⁶ Al-Qur’ān, surah al-Takwīr (81): 10. Lihat: Ja’far al-Subḥānī, *al-Ilāhiyyāt*, IV, h.254.

²⁶⁷ Al-Qur’ān, surah al-Insyiqāq (84): 7-11.

²⁶⁸ Menurut al-Bazdawī, *al-Hisāb* pada hari Kiamat adalah benar. (Lihat: *Uṣūl al-Dīn*, h.161)

tidak ada sebarang keraguan dan pendustaan akan berlaku. Mereka akan berhadapan dengan saksi-saksi luaran (*al-syahid al-khāriji*) iaitu Allah, para nabi, malaikat dan dunia serta saksi-saksi dalaman (*al-syahid al-dākhili*) iaitu anggota tubuh badan mereka sendiri termasuk kulit. Peristiwa perbuatan manusia bertukar menjadi jisim yang menyerupai kejadian sebenar dikatakan akan berlaku sehingga menyebabkan seseorang itu terpaksa menerima dan mengakui perbuatan dosanya.²⁶⁹

Saksi pertama: Allah (s.w.t) yang merupakan Qādi dan Hākim di antara manusia, dan menjadi saksi di atas perbuatan mereka. Maksud al-Qur'an berikut menjelaskan:

“ Sesungguhnya orang-orang beriman, Yahudi, Sabi'in, Nasrani, Majusi dan Musyrik, Allah akan memberi keputusan di antara mereka pada hari Kiamat. Sesungguhnya Allah menyaksikan segala sesuatu ”²⁷⁰ dan

“ Katakanlah: Hai Ahli Kitab, mengapa kamu ingkari ayat-ayat Allah, padahal Allah Maha menyaksikan (*syahid*) apa yang kamu kerjakan.”²⁷¹

Saksi kedua: Nabi-nabi setiap ummah. menjadi saksi di kalangan mereka sendiri:

“ (Dan ingatlah) akan hari (ketika) Kami bangkitkan pada tiap-tiap umat seorang saksi (*syahid*) atas mereka daripada mereka sendiri ”²⁷² dan

“ Dan (ingatlah) hari (pada waktu) Allah menyeru mereka, seraya berkata: Di manakah sekutu-sekutu-Ku yang dahulu kamu katakan? Dan Kami datangkan daripada tiap-tiap umat seorang saksi (*syahid*).”²⁷³

Saksi-saksi tersebut terdiri daripada nabi-nabi setiap umat.

²⁶⁹ Ja'far al-Subhāni, *al-Ilāhiyyāt*, IV, h.255.

²⁷⁰ Al-Qur'an, surah al-Hajj (22): 17.

²⁷¹ Al-Qur'an, surah Āli 'Imrān (3): 98.

²⁷² Al-Qur'an, surah al-Nahl (16): 89.

²⁷³ Al-Qur'an, surah al-Qaṣaṣ (28): 74-75. Lihat: Ja'far al-Subhāni, *op.cit*, IV, h.256.

Saksi ketiga: Nabi Muhammad (ṣ·‘a.w) dikatakan menjadi saksi umatnya berdasarkan keterangan Allah (s.w.t) yang bermaksud:

“ Dan Kami mendatangkan kamu (Muhammad) sebagai saksi atas mereka itu (sebagai umatmu),²⁷⁴ dan

“ Dan Kami datangkan kamu (Muhammad) menjadi saksi atas seluruh umat manusia,²⁷⁵ dan

“ Dia (Allah) telah menamai kamu sekalian orang-orang muslim dari dahulu dan (begitu pula) dalam (al-Qur’ān) ini, supaya Rasul itu menjadi saksi (*syahid*) atas dirimu.”²⁷⁶

Saksi keempat: Sebahagian umat Islam turut menjadi saksi kerana al-Qur’ān menjelaskan:

“ Dan demikian (pula) Kami telah menjadikan kamu (umat Islam), umat yang adil dan pilihan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia.”²⁷⁷

Dikatakan ayat ini merujuk kepada sebahagian daripada mereka dan bukannya umat Islam keseluruhannya. Ini diperkuuhkan dengan keterangan berikut:

“ Dan dijadikan-Nya kamu orang-orang yang merdeka (*mulūk*).”²⁷⁸

Ayat tersebut merujuk kepada keistimewaan yang diberikan kepada beberapa orang dari kalangan umat ini yang mendapat ‘inayah dan karamah Allah, dan mereka merupakan para wali (*awliyā’*) yang suci. Allah (s.w.t) menjelaskannya lagi:

“ Dan demikian (pula) Kami telah menjadikan kamu (umat Islam) umat yang adil dan pilihan (*ummatan wasaṭan*) agar kamu menjadi saksi atas

²⁷⁴ Al-Qur’ān, surah al-Nisā’ (4): 41.

²⁷⁵ Al-Qur’ān, surah al-Nahl (16): 89.

²⁷⁶ Al-Qur’ān, surah al-Hajj (22): 78.

²⁷⁷ Al-Qur’ān, surah al-Baqarah (2): 143.

²⁷⁸ Al-Qur’ān, surah al-Mā’idah (5): 20. Lihat: Ja’far al-Subḥānī, *al-Ilāhiyyāt*, IV, h.257.

(perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu.”²⁷⁹

Semua saksi yang dikemukakan tadi adalah saksi-saksi luaran manakala seterusnya adalah saksi-saksi dalam terhadap manusia. Di antaranya adalah:

Kelima: Anggota-anggota tubuh badan²⁸⁰ yang terdiri daripada lidah, tangan, kaki yang melakukannya dijadikan saksi berdasarkan perintah Allah. Al-Qur’ān menerangkan:

“ pada hari (ketika) lidah, tangan dan kaki mereka menjadi saksi atas mereka terhadap apa yang dahulu mereka kerjakan,”²⁸¹ dan

“ pada hari ini, Kami tutup mulut mereka dan berkatalah kepada Kami, tangan mereka dan memberi kesaksianlah kaki mereka terhadap apa yang dahulu mereka usahakan.”²⁸²

Keenam: Kulit (*al-Julūd*) juga menjadi saksi dan al-Qur’ān memperlihatkannya:

“ sehingga apabila mereka sampai ke neraka, pendengaran, penglihatan dan kulit mereka menjadi saksi terhadap mereka tentang apa yang telah mereka kerjakan.”²⁸³

Ketujuh: Para malaikat dijadikan saksi kerana bagi setiap manusia, malaikat *hafazah* dikatakan mengiringinya sejak sampainya *taklīf*, lalu mereka menuliskan amalan baik dan buruk:

“ tiada suatu ucapan pun yang diucapkannya melainkan ada di dekatnya malaikat pengawas (*raqīb ‘atīd*) yang selalu hadir.”²⁸⁴

²⁷⁹ Al-Qur’ān, surah al-Baqarah (2): 143.

²⁸⁰ Al-Qur’ān, surah al-Isrā’ (17): 13-14; al-Hāqqah (69): 18-31; al-Nūr (24): 24-25; Fuṣṣilat (41): 19-23. Lihat: Ja‘far al-Subḥāni, *al-Ilāhiyyāt*, IV, h.259.

²⁸¹ Al-Qur’ān, surah al-Nūr (24): 24.

²⁸² Al-Qur’ān, surah Yāsīn (36): 65.

²⁸³ Al-Qur’ān, surah Fuṣṣilat (41): 20-21.

²⁸⁴ Al-Qur’ān, surah Qāf (50): 18.

Al-Raqib al-'Atid menjadi saksi perbuatan manusia dengan seorang malaikat menjadi penggiring (*sā'iq*) dan seorang lagi menjadi saksi (*syahid*) perbuatannya:

“ Dan datangkanlah tiap-tiap diri, bersama dengan dia seorang malaikat, penggiring dan seorang malaikat penyaksi,”²⁸⁵

Kelapan: Kitab mengandungi amalan manusia (*sahifah al-a'māl*) yang mengandungi segala perbuatan seseorang manusia yang baik maupun buruk turut menjadi saksi. Pada hari perhitungan (*al-Hisāb*), kitab itu akan diperlihatkan dan dibaca.

“ Katakanlah: Allah lebih cepat pembalasannya (atas tipu daya itu). Sesungguhnya malaikat-malaikat Kami menuliskan tipu dayamu,”²⁸⁶

Seterusnya dalam keterangan lain dijelaskan dengan maksud:

“ Dan segala sesuatu yang telah mereka perbuat tercatat dalam buku-buku catatan (*al-zubur*), dan segala (urusan) yang kecil maupun yang besar adalah tertulis.”²⁸⁷

‘Ali (r.a) menjelaskan bahawa Allah (s.w.t) mengatakan:

“ Sesungguhnya Kami menghidupkan orang-orang mati dan Kami menuliskan apa yang telah mereka kerjakan dan bekas-bekas yang mereka tinggalkan. Dan segala sesuatu Kami kumpulkan dalam Kitab Induk yang nyata (*Lauh Mahfūz*).”²⁸⁸

Allah juga menggambarkan keadaan orang yang berdosa ketika dihisab dan diperlihatkan kitab:

“ Dan diletakkan kitab, lalu kamu akan melihat orang-orang yang bersalah ketakutan terhadap apa yang (tertulis) di dalamnya,” bahkan mereka sendiri merasa hairan kerana segala amalan mereka tertulis secara terperinci: “ dan mereka berkata: Aduhai celaka kami, kitab apakah ini yang tidak meninggalkan yang kecil dan tidak (pula) yang besar,

²⁸⁵ Al-Qur'an, surah Qāf (20): 21.

²⁸⁶ Al-Qur'an, surah Yūnus (10): 21; al-Zukhruf (43): 80, 89.

²⁸⁷ Al-Qur'an, surah al-Qamar (54): 52-53.

²⁸⁸ Al-Qur'an, surah Yāsīn (36): 12; surah al-Jāthiyah (45): 27-29; al-Infiṭār (82): 10-12; Lihat: Ja'far al-Subhāni, *al-Ilāhiyyāt*, IV, h.260.

melainkan ia mencatat semuanya dan mereka dapati apa apa yang telah mereka kerjakan ada (tertulis).”²⁸⁹

Kitab tersebut dikatakan mengandungi dosa dan keingkaran mereka:

“ Bacalah kitabmu, cukuplah diri sendiri pada waktu ini sebagai penghisab terhadap dirimu.”²⁹⁰

Kesembilan: Bumi (*al-Ard*) menjadi saksi kerana dikatakan semua amal kebaikan dan keburukan, secara fizikal yang dilakukan manusia dapat dilihat pada Hari Kiamat mengikut peristiwa yang terjadi pada masa tersebut di bumi, seperti diuraikan oleh al-Qur’ān:

“ Pada hari itu bumi menceritakan beritanya, kerana sesungguhnya Tuhanmu telah memerintahkan (yang sedemikian itu) kepadanya.”²⁹¹

Kesepuluh: Amalan-amalannya yang berbentuk fizikal tetapi bersifat ukhwari juga turut bertindak sebagai saksi. Setiap amal perbuatan manusia dikatakan mempunyai dua bentuk. Sebagai contoh, salat di dunia merupakan zikir dan gerakan tetapi pada kejadian ukhwari pula, ia mempunyai bentuk yang lain. Kenyataan tersebut berdasarkan keterangan al-Qur’ān:

“ Barang siapa mengerjakan kebaikan seberat zarahnya, nescaya dia akan melihat (balasan)nya. Dan barang siapa yang mengerjakan kejahatan seberat zarah pun, nescaya dia akan melihat (balasan)nya pula,”²⁹²

Menurut ‘Alī bin Abī Tālib (r.’a), ayat ini pada zahirnya merupakan penyaksian amalan itu sendiri terhadap pembalasannya. Ayat-ayat al-Qur’ān mengenainya memang banyak, di antaranya:

²⁸⁹ Al-Qur’ān, surah al-Kahfī (18): 49.

²⁹⁰ Al-Qur’ān, surah al-Isrā’ (17): 14.

²⁹¹ Al-Qur’ān, surah al-Zalzalah (99): 4-5; Lihat: Ja‘far al-Subḥānī, *al-Ilāhiyyāt*, IV, h.261.

²⁹² Al-Qur’ān, surah al-Zalzalah (99): 7-8. Lihat: Ja‘far al-Subḥānī, *ibid*, IV, h.262.

“ Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak dan tidak menafkahkannya pada jalan Allah, maka beritahukanlah kepada mereka (bahawa mereka akan mendapat) siksa yang pedih, pada hari dipanaskan emas perak itu dalam neraka jahanam, lalu dibakar dengannya dari mereka, lambung dan punggung mereka: Inilah harta bendamu yang kamu simpan untuk dirimu sendiri, maka rasakanlah sekarang (akibat dari) apa yang kamu simpan itu.”²⁹³

(VII) *Al-Mizān*:

Dari segi bahasa, perkataan *al-mizān* daripada *al-wazn* bermaksud ukuran sesuatu yang ditentukan dengan adil.²⁹⁴ Menurut al-Rāghib, *al-mizān* merujuk kepada alat untuk menghitung (*al-muḥāsib*)²⁹⁵ berdasarkan keterangan Allah (s.w.t) yang bermaksud:

“ Dan Allah telah meninggikan langit dan Dia meletakkan neraca (keadilan) (*al-mizān*).”²⁹⁶

Dalam al-Qur’ān, perkataan *al-mizān* disebutkan sebanyak 9 kali manakala bentuk jamaknya, *al-mawāzin* pula sebanyak 7 kali.²⁹⁷ Di antara ayat-ayat al-Qur’ān itu adalah:

Pertama: “ Dan sempurnakanlah takaran dan timbangan (*al-mizān*) dengan adil.”²⁹⁸

Kedua: “ Dan Allah telah meninggikan langit dan Dia meletakkan neraca (keadilan) (*al-mizān*).”²⁹⁹

Ketiga: “ Kami akan memasang timbangan (*al-mawāzin*) yang tepat pada hari Kiamat.”³⁰⁰

²⁹³ Al-Qur’ān, surah al-Taubah (9): 34-35. Lihat: Ja’far al-Subḥānī, *al-Ilāhiyyāt*, IV, h.262.

²⁹⁴ Al-Qur’ān, surah al-Syu’arā’ (26): 182.

²⁹⁵ Al-Qur’ān, surah al-Anbiyā’ (21): 47. Lihat: Al-Rāghib, *Mufradāt*, h.869.

²⁹⁶ Al-Qur’ān, surah al-Rahmān (55): 7. Lihat: Al-Bayḍāwī, *Anwār al-Tanzīl*, II, h.440.

²⁹⁷ ‘Abd al-Bāqī, *al-Mu’jam*, h.750. Lihat: Perkataan *al-mizān* dalam surah Hūd (11): 85; al-Syūrā (42): 17; al-Rahmān (55): 7, 9; al-Ḥadid (57): 25 manakala *al-mawāzin* atau *mawāzin* dalam surah al-Anbiyā’ (21): 47; al-A’rāf (7): 8, 9; al-Mu’minūn (23): 102, 103; al-Qāri’ah (101): 6, 8.

²⁹⁸ Al-Qur’ān, surah al-An’ām (6): 152.

²⁹⁹ Al-Qur’ān, surah al-Rahmān (55): 7.

Ternyata persoalan *al-mizān* dari kedua-dua aspek, bahasa dan al-Qur'ān merujuk kepada ukuran, timbangan dan neraca yang ditentukan Allah dengan adil. Menurut 'Ali bin Abī Tālib (r.a), *al-mizān* dikatakan tidak mampu difahami manusia kerana ia tertakluk kepada alam ghaib. Ia merujuk kepada kejadian yang berbeza sama sekali daripada kejadian yang wujud di dunia. Allah meletakkan segala sesuatu menurut neracanya (*al-mizān*) masing-masing yang dapat membezakan kebenaran daripada kebatilan, kenyataan daripada kepalsuan, keadilan daripada kezaliman dan kemuliaan daripada kehinaan berdasarkan ketentuan-Nya, tanpa membezakan jisim, perkataan, perbuatan maupun kepercayaan.³⁰¹

Sehubungan dengan ini, persoalan *al-mizān* turut sama mendapat perhatian dalam perbahasan madhhab-madhhab Islam. Al-Mu'tazilah umumnya berpendapat *al-mizān* adalah metafora yang merujuk kepada bentuk pengadilan.³⁰² Mereka menafikan *al-mizān* kerana perbuatan dikatakan '*araḍ*' yang tidak mungkin dapat ditimbang kerana ia tidak mempunyai ringan atau berat.³⁰³ Menurut 'Abd al-Jabbār, ia merujuk kepada keadilan (*al-'adl*) berdasarkan perluasan (*al-tawassu'*) dan perlambangan (*majāzī*). *Kalam* Allah dikatakan suatu realiti dan tidak harus dianggap *majāz*.³⁰⁴

³⁰⁰ Al-Qur'ān, surah al-Anbiyā' (21): 47.

³⁰¹ Ja'far al-Subḥānī, *al-Ilāhiyyāt*, IV, h.263.

³⁰² A.S.Tritton, *Muslim Theology*, h.88, 98.

³⁰³ Al-Ījī, *al-Mawāqif*, h. 384. Lihat: Al-Asy'arī, *Maqālāt*, II, h.147.

³⁰⁴ 'Abd al-Jabbār, *Syarḥ al-Uṣūl al-Khamsah*, II, h.735.

Di kalangan al-Asyā'irah, al-Ījī mengatakan semua perkara yang disebutkan oleh syarak termasuk *al-mīzān* adalah benar.³⁰⁵ Al-Baghdādī menjelaskan timbangan berlaku kepada suhuf-suhuf yang dituliskan segala perbuatan manusia di dalamnya,³⁰⁶ ataupun Allah menimbang perbuatan manusia sama ada baik atau buruk dengan alat timbangan.³⁰⁷

Al-Jahmiyyah dan al-Dirāriyyah manafikan *al-mīzān*³⁰⁸ manakala al-Karrāmiyyah pula mengakuinya. Berhubung dengan timbangan amalan, mereka berpendapat jisim-jisim ditimbang oleh Allah yang menciptakannya berdasarkan keseluruhan amalan dan perbuatan mereka.³⁰⁹

Lanjutan daripada keterangannya, 'Alī bin Abī Tālib (r.'a) menjelaskan bahawa *al-mīzān* mempunyai pengertian yang begitu luas hingga Allah mengatakan dalam firman-Nya yang bermaksud:

“ Sesungguhnya Kami telah mengutuskan rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti yang nyata dan telah Kami turunkan bersama mereka *al-Kitāb* dan *al-mīzān* supaya manusia dapat melaksanakan keadilan.”³¹⁰

Oleh itu, matlamat utama perutusan rasul, al-Qur'ān dan *al-mīzān* untuk membolehkan manusia melakukan keadilan dalam semua aspek kehidupannya merangkumi agama, politik, ekonomi dan sosial. Justeru, *al-mīzān* dikatakan mempunyai

³⁰⁵ Al-Ījī, *al-Mawāqif*, h.383; al-Bazdawī, *Uṣūl al-Dīn*, h.20.

³⁰⁶ Al-Baghdādī, *Uṣūl al-Dīn*, h.246.

³⁰⁷ Al-Rāzī, *Uṣūl al-Dīn*, h.117.

³⁰⁸ Al-Baghdādī, *op.cit*, h.245; al-Malāḥī, *Tanbīh*, h.96.

³⁰⁹ Al-Baghdādī, *ibid*, h.246.

³¹⁰ Al-Qur'ān, surah al-Hadīd (57): 25.

satu pengertian sahaja iaitu sesuatu yang digunakan untuk menimbangkan sesuatu yang lain.

Selanjutnya beliau menjelaskan, *al-mizān* bagi setiap sesuatu adalah berdasarkan jenisnya masing-masing kerana terdapat pelbagai bentuk *al-mizān*, dan yang disebutkan dalam al-Qur'ān merupakan *al-mizān* yang sebaik-baiknya. Ia merupakan neraca timbangan pada hari perhitungan (*yaum al-hisāb*)³¹¹ yang merujuk kepada *al-mizān* bagi pelbagai ilmu dan perbuatan hati yang terhasil daripada amalan-amalan jasmani. Allah mengukuhkan kenyataan itu dengan menyifatkannya sebagai sesuatu yang diturunkan dari sisi-Nya.³¹²

'Alī (r.'a) menjelaskan walaupun semua saksi yang disebutkan sudah memadai untuk menyempurnakan hujah Allah ke atas manusia namun Allah tetap mengadakan neraca (*al-mizān*) yang ditempatkan pada Hari Kiamat:

" Kami akan memasang timbangan yang tepat (*al-mawāzin al-qisṭ*) pada hari Kiamat, maka tiadalah dirugikan seseorang barang sedikit pun, dan jika (amalan itu) hanya seberat biji sawi pun pasti Kami mendatangkan (pahala)nya, dan cukuplah Kami menjadi orang-orang yang membuat perhitungan."³¹³

Dalam keterangan al-Qur'ān yang lain pula dikatakan manusia berada di hadapan neraca timbangan yang menentukan berat atau ringan sesuatu:

" Timbangan pada hari itu adalah kebenaran (keadilan), maka barang siapa berat timbangan kebaikannya, maka mereka itulah orang-orang yang beruntung. Dan siapa yang ringan timbangan kebaikannya, maka itulah

³¹¹ Al-Qur'ān, surah al-Anbiyā' (21): 47.

³¹² Al-Qur'ān, surah al-Syūrā (42): 17. Lihat: Ja'far Subhānī, *al-Ilāhiyyāt*, IV, h.264.

³¹³ Al-Qur'ān, surah al-Anbiyā' (21): 47.

orang-orang yang merugikan dirinya sendiri disebabkan mereka selalu mengingkari ayat-ayat Kami.”³¹⁴

(VIII) *Al-Sirāt*:

Dari segi bahasa, *al-sirāt* bermaksud jalan (*al-tarīq* atau *al-sabil*).³¹⁵ Perkataan *al-tarīq* biasanya merujuk kepada jalan yang membawa manusia kepada kebaikan. Ia berbeza dengan perkataan *al-sabil* kerana ia meliputi semua jalan yang dilalui manusia sama ada baik mahupun buruk.³¹⁶ Oleh itu, *al-sirāt* disebutkan sebagai *al-tarīq* dalam pengertian jalan yang dilalui segala sesuatu yang wujud sama ada benda, tumbuh-tumbuhan, binatang, manusia dan termasuk perkara yang *mungkin* yang dapat menyampaikan kesempurnaan kepadanya tanpa sebarang perbezaan.

Dalam al-Qur’ān, perkataan *al-sirāt* disebutkan sebanyak 44 kali³¹⁷ dan contohnya adalah:

Pertama: “ Allah berfirman: Inilah jalan (*sirāt*) yang lurus, kewajipan Aku-lah (menjaganya).”³¹⁸

Kedua: “ Dan sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman kepada negeri Akhirat benar-benar menyimpang daripada jalan (yang lurus).”³¹⁹

Ketiga: “ (iaitu) jalan Allah yang kepunyaan-Nya segala apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi.”³²⁰

³¹⁴ Al-Qur’ān, surah al-A’rāf (7): 8-9.

³¹⁵ E.W.Lane, *Lexicon*, IV, h.1678.

³¹⁶ Al-Rāghib, *Mufradāt*, h.395.

³¹⁷ ‘Abd al-Bāqī, *al-Mu’jam*, h.407.

³¹⁸ Al-Qur’ān, surah al-Hijr (15): 41.

³¹⁹ Al-Qur’ān, surah al-Mu’minūn (23): 74.

³²⁰ Al-Qur’ān, surah al-Syūrā (42): 53.

Berdasarkan keterangan dari segi bahasa dan al-Qur'ān, kelihatan ia merujuk kepada perkara yang sama iaitu jalan sama ada yang baik atau sebaliknya. Justeru itu, menurut 'Alī bin Abī Ṭālib (r.'a), *al-ṣirāt* merujuk jalan ke syurga dan neraka kerana ia berada di tengah-tengah antara *al-māḥsyar* dan syurga, dan ia licin dan menakutkan.³²¹

Dalam persoalan *al-ṣirāt*, terdapat beberapa pendapat di kalangan tokoh-tokoh dan madhhab Islam. Al-Mu'tazilah umumnya menolak *al-ṣirāt*³²² tetapi Bisyr al-Mu'tamir berpendapat ia mungkin benar tetapi tidaklah dapat dipastikan.³²³ 'Abd al-Jabbār sebaliknya mengatakan *al-ṣirāt* merujuk kepada jalan di antara syurga dan neraka yang diluaskan kepada penghuni syurga dan disempitkan kepada penghuni neraka apabila mereka merentasinya.³²⁴ Al-Jahmiyyah dan al-Dirāriyyah menafikan *al-ṣirāt*.³²⁵

Di kalangan al-Asyā'irah, al-Asy'ārī menjelaskan terdapat dua pendapat mengenainya. Pertama: Jalan (*al-tariq*) ke syurga dan ke neraka yang disifatkan lebih halus daripada seurat rambut dan lebih tajam daripada mata pedang. Hanya orang yang dikehendaki Allah dapat melepasinya. Kedua: Jalan (*al-tariq*) tetapi mereka berbeza pendapat mengenai sifatnya. Mereka menafikannya bersifat demikian kerana tidak mungkin manusia dapat melaluinya.³²⁶ Al-İjī berpendapat *al-ṣirāt* adalah jambatan (*jisr*)

³²¹ Muhammad 'Abduh, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, h.215; Ibn Abī al-Ḥadīd, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, VI, h.263; al-Syarīf al-Raḍī, *Nahj al-Balāghah*, (Khutbah no.83), h.111; Qāsim Ḥabīb Jābir, *al-Falsafah*, h.117.

³²² Al-İjī, *al-Mawāqif*, h.383-384. Lihat sama: Al-Bazdawī, *Uṣūl al-Dīn*, h.245.

³²³ A.S.Tritton, *Muslim Theology*, h.88.

³²⁴ Al-Qur'ān, surah al-Fātiḥah (1): 6. Lihat: 'Abd al-Jabbār, *Syarḥ al-Uṣūl al-Khamṣah*, II, h.737.

³²⁵ Al-Baghdādī, *Uṣūl al-Dīn*, h.245; al-Malaṭī, *Tanbīh*, h.96.

³²⁶ Al-Asy'ārī, *Maqālāt*, II, h.146.

yang terbentang dalam neraka jahannam yang dilalui orang mu'min dan bukan mu'min.³²⁷

Menurut 'Alī bin Abī Tālib (r.'a) seterusnya, *al-ṣirāṭ* terdiri daripada dua bentuk: Pertama: *Al-ṣirāṭ al-takwīnī* iaitu gabungan peraturan yang meluas meliputi setiap sesuatu yang mungkin wujud dengan kehendak Allah yang akan menyebabkan kebinasaan sekiranya diingkari.

Kedua: *Al-ṣirāṭ al-tasyrī'i* yang dikhkususkan kepada manusia. Ia bermaksud segala peraturan dan hukum syarak yang diwajibkan Allah ke atas para hamba-Nya dengan mereka diberikan petunjuk ke arah jalan tersebut. Dalam hal ini, mereka terdiri daripada dua kategori, yang bersyukur (*syākir*) dan yang ingkar (*kafūr*).

Al-ṣirāṭ al-tasyrī'i menurutnya (r.'a) berdasarkan maksud ayat al-Qur'ān berikut:

“ Sesungguhnya Kami telah menunjukinya jalan yang lurus, ada yang bersyukur (*syākir*) dan ada pula yang kafir (*kafūr*).³²⁸”

Selain itu dikatakan terdapat jalan lain yang berlawanan dengan *al-ṣirāṭ al-tasyrī'i* yang diketuai oleh syaitan dan para pengikutnya berdasarkan maksud ayat al-Qur'ān:

“ yang telah ditetapkan terhadap syaitan itu, bahawa barang siapa yang berkawan dengannya, tentu dia akan menyesatkannya dan membawanya kepada azab neraka.”³²⁹

Keterangan beliau menunjukkan bahawa bagi Allah (s.w.t), terdapat dua jalan dalam kejadian dunia iaitu *al-takwīnī* yang membolehkan sesuatu yang melaluinya

³²⁷ Al-Ijī, *al-Mawāqif*, h.383-384.

³²⁸ Al-Qur'ān, surah al-Insān @ al-Dahr (76 : 3; al-An'aām (6): 153; al-Hajj (22): 24.

³²⁹ Al-Qur'ān, surah al-Hajj (22): 4.

mencapai kesempurnaan manakala *al-tasyri'i* pula yang dikhususkan kepada manusia mengandungi kebahagiaan dan kegembiraan.³³⁰

Menurut ‘Alī (r.’a) lagi, dalam al-Qur’ān terdapat *sirāt* yang lain dalam kejadian ukhrawi yang dilalui manusia mu’mīn dan kafir seperti disebutkan dalam ayat al-Qur’ān berikut yang bermaksud:

“ Demi Tuhanmu, sesungguhnya akan Kami bangkitkan mereka bersama syaitan, kemudian akan Kami datangkan mereka ke sekeliling Jahannam dengan berlutut. Kemudian pasti akan Kami tarik daripada setiap golongan siapa di antara mereka yang sangat derhaka kepada Tuhan Yang Maha Pemurah. Dan kemudian Kami sungguh lebih mengetahui orang-orang yang seharusnya dimasukkan ke neraka, dan tiada seorang pun daripadamu, melainkan mendatangi neraka itu. Hal itu bagi Tuhanmu adalah suatu kemestian yang sudah ditetapkan.”³³¹

‘Alī bin Abī Tālib (r.’a) menjelaskan umat Islam tidak mempunyai dasar untuk mempercayai kewujudan *sirāt* dalam bentuk ukhrawi merujuk kepada jalan orang mu’mīn ke syurga dan orang kafir ke neraka. Dikatakan terdapat hubungan di antara dua *sirāt* berbentuk duniawi dan ukhrawi dari beberapa perspektif iaitu seseorang yang melalui *al-sirāt al-duniāwī* adalah menerusi hidayah dan kepimpinan Nabi atau Imam, melalui *al-sirāt al-ukhrawī* dengan hidayah tersebut dan mereka pula dapat merentasinya dengan aman ke syurga. Bagi seseorang yang mendapat petunjuk syaitan dan kekuasaannya merentasi *al-sirāt al-duniawī* dengan hidayah tersebut juga dan jatuh ke dalam azab neraka *al-sa’ir*.³³²

³³⁰ Ja’far al-Subḥānī, *al-Ilāhiyyāt*, IV, h.269.

³³¹ Al-Qur’ān, surah Maryam (19): 68-71.

³³² Al-Qur’ān, surah al-Hajj (22): 4; Qāsim Ḥabīb Jābir, *al-Falsafah*, h.117; al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, IV, h.38.

“ yang telah ditetapkan terhadap syaitan itu bahawa barang siapa yang berkawan dengannya, tentulah dia akan menyesatkannya, dan membawanya ke neraka.”

‘Ali (r.’a) seterusnya menjelaskan manusia sebenarnya melakukan tanggungjawab ketuhanan dalam perspektif iman dan akidah yang dianggap sesuatu yang berat seumpama merentasi jalan yang lebih halus daripada rambut dan lebih tajam daripada mata pedang. Orang yang berjaya dikatakan yang mempunyai kekuatan iman, akidah, amalan dan ketaatan. Kemenangan itu bukanlah sesuatu yang mudah dan ramai yang tersesat jalan, menyembah syaitan dan hawa nafsu manakala yang lain-lain pula gagal mentaati dan menunaikan tanggungjawab ketuhanan. Beratnya *al-ṣirāt al-duniāwi* dikatakan sama dengan beratnya *al-ṣirāt al-ukhrawī* seperti dihuraikan oleh ‘Ali bin Abi Talib (r.’a): “ Jalan lurus (*al-ṣirāt al-mustaqīm*) ada dua: *al-ṣirāt* di dunia dan *al-ṣirāt* di akhirat. *Al-Ṣirāt al-mustaqīm* di dunia adalah sesuatu yang mengurangkan penyimpangan, kekurangan, meluruskan sesuatu sehingga yang batil tidak menyimpangkannya manakala *al-ṭariq* lain adalah jalan orang mu’min ke syurga.”³³³

(IX) Kebangkitan Jasmani dan Ruhani (*al-Ma’ād al-Jasmānī wa al-Rūhānī*):

Perbezaan pendapat tentang persoalan *al-ma’ād* turut berlaku di kalangan ulama Islam sama ada secara jasmani (fizikal), ruhani (spiritual) atau kedua-duanya sekali.

Di kalangan al-Asyā’irah, al-Rāzī berpendapat kebangkitan jasad adalah *mungkin* kerana Allah Maha Berkuasa dan Maha Mengetahui segala-galanya.³³⁴ Kebanyakan

³³³ Al-Ṣadūq, *Ma’ānī al-Akhbār*, h.33; Ja’far al-Subḥānī, *al-Ilāhiyyāt*, IV, h.270. Al-Suyūtī juga memberikan gambaran seumpama itu berdasarkan hadith Nabi (ṣ.a.w). Lihat: *Al-Durr al-Manthūr*, IV, h.280, 291).

³³⁴ Al-Rāzī, *Uṣūl al-Dīn*, h.117.

ulama mengakui kedua-duanya seperti al-Ghazālī, al-Ka'bī, al-Ḥalīmī, al-Ḥalabī, al-Rāghib al-Īsfahānī, Qādī Abū Yazīd al-Dabūṣī yang mengatakan *al-rūh* atau *al-nafs* adalah jawhar asal yang akan kembali kepada jasad atau badan.³³⁵

Pendapat-pendapat lain seperti golongan *al-Hulūliyyah* dan Nasrani umumnya mengatakan hanya jasad sahaja yang akan dikembalikan kerana balasan baik dan buruk hanya disediakan kepada ruh.³³⁶ Umat Islam secara umumnya termasuk Yahudi dan al-Samirah mengatakan kedua-dua jasad dan ruh akan dikembalikan, bahkan umat Islam secara khusus menekankan bahawa segala yang bermula di dunia akan dibangkitkan semula di Akhirat.³³⁷

Berdasarkan keterangan al-Qur'ān, 'Alī (r.'a) mengatakan ia membenarkan kebangkitan jasmani yang hidup semula sama seperti di dunia dan menafikan bentuk kedua yang merujuk kepada pengembalian ruh semata-mata. Bukti-bukti yang disebutkan al-Qur'ān di antaranya adalah:

Pertama: Cerita Nabi Ibrāhīm ('a.s), lembu Bani Isrā'il, 'Uzayr yang dihidupkan, umat Bani Isrā'il dan *Aṣḥāb al-Kahf*.³³⁸

Kedua: Hujah-hujah al-Qur'ān menunjukkan manusia dicipta daripada tanah dan akan dikembalikan dan diwujudkan semula daripadanya.³³⁹

³³⁵ Al-Khū'i, *Minhāj al-Barā'ah*, VII, h.36; Nāṣir al-Dīn al-Tūsī, *Qawā'id al-'Aqā'id*, h.138.

³³⁶ Al-Baghdādī, *Uṣūl al-Dīn*, h.235.(Ahli falsafah dikatakan berpendapat ia hanya melibatkan ruh, ruhani (*al-nafs*) atau *aqlī*. Lihat: Al-Majlisī, *Bihār al-Anwār*, V, h.48; al-Khū'i, *ibid*, VII, h.36.)

³³⁷ Al-Asy'ari, *Maqālāt*, II, h.57-58.

³³⁸ Ja'far al-Subhānī, *al-Ilāhiyyāt*, IV, h.280. Lihat: Al-Qur'ān, surah al-Baqarah (2): 260 (Ibrāhīm); al-Baqarah (2): 259 ('Uzayr); al-Baqarah (2): 243 (Umat Bani Isra'il).

³³⁹ Lihat: Al-Qur'ān, surah Tāhā (20): 55; Nūḥ (71):18; al-Rūm (30): 25; al-A'rāf (7): 25.

Ketiga: Keterangan al-Qur'ān juga membuktikan kebangkitan diumpamakan keluar daripada kubur.³⁴⁰

Keempat: Bukti-bukti mengenai penyaksian anggota manusia sendiri.³⁴¹

Kelima: Bukti-bukti mengenai penggantian kulit (*al-julūd*) selepas dibakar.³⁴²

Semua bukti dan keterangan al-Qur'ān tersebut bagi 'Alī (r.'a) menunjukkan bahawa manusia akan dibangkitkan dengan jasmani atau jasad yang dihidupkan semasa di dunia.

Berhubung dengan *al-Ma'ād* membabitkan jasmani atau ruhani yang merujuk kepada balasan pahala dan dosa, nikmat dan azab bersifat ruhani yang dialami oleh *al-nafs* (ruh) dan tidak melibatkan jasad (*jism*), 'Alī (r.'a) menjelaskan al-Qur'ān dikatakan turut membenarkan kedua-dua bentuk tersebut dengan nikmat dan azab dialami oleh jasmani dan ruhani.³⁴³ Kenyataan tersebut dibuktikan menerusi:

Pertama: Bukti balasan baik dan buruk dari segi jasmani adalah syurga, neraka dan segala kandungannya yang meliputi ni'mat dan niqmah yang merujuk kepada keseronokan dan kesakitan jasmani.

Kedua: Bukti ayat-ayat al-Qur'ān tentang keseronokan dan kesakitan ruh semata-mata. Ini dapat dilihat berdasarkan keterangan al-Qur'ān sendiri di antaranya:

Pertama: Kebahagiaan disebabkan keredhaan Allah yang disembah berdalilkan al-Qur'ān yang bermaksud:

³⁴⁰ Lihat al-Qur'ān, Yāsīn (36): 51; al-Qamar (54): 7; al-Mā'ārij (70): 43; al-Hajj (22): 7; al-İnfītār (82): 4; al-'Ādiyāt (100): 9.

³⁴¹ Lihat al-Qur'ān, al-Nūr (24): 24; Yāsīn (36): 65; Fuṣṣilat (41): 41.

³⁴² Lihat al-Qur'ān, al-Nisā' (4): 56; Muḥammad (47): 15. Lihat: Ja'far al-Subḥānī, *al-Ilāhiyyāt*, IV, h.281.

³⁴³ Ja'far al-Subḥānī, *ibid*, IV, h.282.

“ Dan keredaan Allah (*ridwān min Allāh*) adalah lebih besar, itu adalah keuntungan yang besar.”³⁴⁴

Dikatakan bahawa keredaan Allah merupakan kemenangan yang besar dan bahkan lebih besar daripada keseronokan jasmani yang lain. Ia pula bukanlah berkaitan dengan jisim tetapi hanya dicapai oleh akal dan ruh pada tahap yang maksimum.³⁴⁵

Kedua: Kesakitan disebabkan berjauhan daripada rahmat Allah. Perpisahan tersebut yang meliputi segala sesuatu dikatakan kesakitan yang amat berat dari perspektif akal kerana Allah menjanjikan balasan neraka dan laksat kepada orang-orang munafiq dan kafir. Dalam keterangan itu terdapat dua bentuk kesakitan. Pertama: Jasmani menerusi balasan neraka. Kedua: Ruhani menerusi perpisahan daripada rahmat-Nya. Menurutnya, al-Qur'an menjelaskan dengan maksud:

“ Allah mengancam orang-orang munafiq lelaki dan perempuan dan orang-orang kafir dengan neraka Jahanam, mereka kekal di dalamnya. Cukuplah neraka itu bagi mereka, dan Allah melaknat mereka dan bagi mereka azab yang pedih.”³⁴⁶

Bukti al-Qur'an tentang kesakitan ini dikemukakan lebih awal berbanding ayat mengenai keredaan. Ia memberikan gambaran bahawa keseronokan dan kepedihan ruhani yang dialami ruh tidak memerlukan jasmani (jisim) dan badan.³⁴⁷

Ketiga: Kekecewaan (*al-hasrah*) pada Hari Kiamat berdasarkan keterangan al-Qur'an yang bermaksud:

“(iaitu) orang-orang yang diikuti itu berlepas diri daripada orang-orang yang mengikutinya dan mereka melihat siksa dan (ketika) segala hubungan antara mereka terputus sama sekali.”³⁴⁸

³⁴⁴ Al-Qur'an, surah al-Tawbah (9): 72.

³⁴⁵ Al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, VIII, h.140; Ja'far al-Subḥānī, *al-Ilāhiyyāt*, IV, h.282.

³⁴⁶ Al-Qur'an, surah al-Tawbah (9): 68.

³⁴⁷ Ja'far al-Subḥānī, *op.cit*, IV, h.284.

Beliau (r.a) menjelaskan penghuni neraka pada ketika mereka melalui tingkat-tingkat syurga dan maqam penghuninya yang merasai kebahagiaan, kemuliaan, kerehatan dan perlindungan menerusi rahmat Allah, terlepas daripada kebimbangan dan kedukacitaan. Kemudian apabila mereka melihat balasan untuk mereka di neraka yang amat pedih dengan makanannya daripada darah, nanah (*ghislin*) dan pokok berduri serta minumannya daripada air mendidih (*hamim*),³⁴⁹ merasai penuh kekesalan dan kekecewaan di atas perbuatan mereka di dunia tetapi ia tidak memberi erti lagi. Ia juga suatu bentuk azab dan bahkan lebih keras terhadap ruh berbanding yang disediakan kepada jasad. Justeru, hari Kiamat dinamakan *Yaum al-Hasrah*.³⁵⁰

Keempat: Pertemuan dan penyaksian Allah secara ruhani. Dikatakan banyak ayat al-Qur'an menunjukkan orang mu'min boleh menemui Allah pada hari Kiamat.³⁵¹ Oleh kerana Allah tidak bersifat jisim dan jasmani, ia dirujuk kepada pertemuan dengan balasan baik atau buruk dan keredhaan atau kemurkaan-Nya kerana Allah Maha Suci (*tanzih*) daripada penyaksian dengan mata bersifat fizikal. Penyaksian tersebut dikatakan bukanlah dengan penyaksian jasmani tetapi penyaksian hati dan akal.³⁵²

5.6 – Konsep Syurga (*al-Jannah*):

³⁴⁸ Al-Qur'an, surah al-Baqarah (2): 166-167.

³⁴⁹ Lihat: Al-Qur'an, surah al-Hāqqah (69): 36; al-An'ām (6): 70; al-Ghāsyiah (88): 6.

³⁵⁰ Al-Tabarsī, *Majma' al-Bayān*, III, h.515; al-Qur'an, surah Maryam (19): 39.

³⁵¹ Al-Qur'an, surah al-Kahfi (18): 110; al-An'ām (6): 31, 154; Yūnus (10): 7, 11, 15, 45; al-'Ankabūt (29): 5, 23; al-Sajdah (32): 10, 23; Fuṣṣilat (41): 54.

5.6.1 – Pengertian *al-Jannah* dari segi bahasa:

Perkataan *al-Jannah* biasanya merujuk kepada taman (*bustān*) atau kebun (*hadiqah*) yang dipenuhi atau ditutupi dengan pokok-pokok di dunia.³⁵³ Ini berdasarkan keterangan al-Qur'an yang bermaksud:

“ Sesungguhnya bagi kaum Sabā’ itu ada tanda (kekuasaan Allah) di tempat kediaman mereka iaitu dua buah kebun (*jannatān*) di sebelah kanan dan sebelah kiri.”³⁵⁴

Ibn Manzūr mengatakan perkataan *al-Jannah* atau *al-Jinān* merujuk kepada taman (*al-hadiqah*) yang mempunyai pokok-pokok seperti kurma, anggur dan lain-lain menurut percakapan orang ‘Arab. Sekiranya tiada pokok-pokok tersebut, ia hanya dikenali sebagai kebun (*al-hadiqah*) sahaja.³⁵⁵ Perkataan *Jannah* yang disertai *al* merujuk kepada syurga sebagai tempat pembalasan baik kerana terdapat pelbagai ganjaran disediakan untuk manusia yang disembunyikan pada masa kini.³⁵⁶

Menurut Ibn Manzūr, perkataan *al-Jannah* dalam al-Qur'an dan al-Hadīth dikatakan merujuk kepada suatu tempat yang penuh dengan kenikmatan di alam Akhirat dengan pokok-pokok yang tebal, lebat dan dahan-dahan yang berjuntaian.³⁵⁷

³⁵² Lihat: Muhammad 'Abduh, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, h.171; al-Syarīf al-Raḍī, *Nahj al-Balāghah*, (Khutbah no.49), h.87; Ibn Abī al-Ḥadīd, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, III, h.219; al-Syīrāzī, *Tawdīh*, III, h.81; Ja'far Subhānī, *al-Ilāhiyāt*, IV, h.285.

³⁵³ E.W.Lane, *Lexicon*, II, h.463.

³⁵⁴ Al-Qur'an, surah Sabā' (34): 15. Lihat juga: Surah Sabā' (34): 16; al-Kahfi (18): 39.

³⁵⁵ Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, XIII, h.100. Bandingkan: Muslim, *Ṣaḥīḥ*, IV, h.2178.

³⁵⁶ E. W.Lane, *op.cit*, II, h.463; al-Bayḍāwī, *Anwār al-Tanzīl*, II, h.258.

³⁵⁷ Ibn Manzūr, *op.cit*, XIII, h.100.

Syurga dikatakan terdiri daripada dua bentuk, syurga dunia dan syurga akhirat. Di antara kedua-duanya terdapat perbezaan kerana ganjaran nikmat yang disembunyikan daripada pengetahuan manusia seperti dijelaskan al-Qur'ān yang bermaksud:

“ Seseorang pun tidak mengetahui apa yang disembunyikan untuk mereka iaitu (pelbagai nikmat) yang menyedapkan pandangan mata sebagai balasan terhadap apa yang telah mereka kerjakan.”³⁵⁸

Secara ringkas, perkataan *al-Jannah* umumnya mengandungi pelbagai jenis pokok yang tebal dan lebat dengan dahan-dahan yang berjuntaian, manakala secara khususnya merujuk kepada tempat yang dipenuhi nikmat yang tidak dijelaskan kepada manusia sebagai ganjaran kebaikan untuk mereka.

5.6.2 – Pengertian *al-Jannah* dari segi istilah:

Dalam al-Qur'ān, perkataan *al-Jannah* dan pecahan-pecahannya disebutkan sebanyak 145 kali,³⁵⁹ dan di antara ayat-ayat mengenainya adalah seperti berikut:

Pertama: “ Dan orang-orang yang beriman serta beramal saleh, mereka itu penghuni syurga (*Jannah*), mereka kekal di dalamnya.”³⁶⁰

Kedua: “ Dan bagi orang yang takut akan saat menghadap Tuhan ada dua syurga (*Jannatān*).”³⁶¹

Ketiga: “ Balasan mereka di sisi Tuhan mereka adalah syurga (*Jannah*) ‘Adn yang mengalir di bawah sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya.”³⁶²

³⁵⁸ Al-Qur'ān, surah al-Sajdah (32): 17; Lihat: Al-Rāghib, *Mufradāt*, h.204; B. Carra De Vaux, “Jannah,” dlm. *EI* (1), I, h.1014-1015.

³⁵⁹ Abd al-Bāqī, *al-Mu'jam*, h.180-182.

³⁶⁰ Al-Qur'ān, surah al-Baqarah (2): 82.

³⁶¹ Al-Qur'ān, surah al-Rājūmān (55): 46.

³⁶² Al-Qur'ān, surah al-Bayyinah (98): 8.

Persoalan syurga turut menjadi bahan perbahasan di kalangan ulama Islam. Di antaranya adalah persoalan sama ada ia merupakan suatu realiti (*haq*) atau majazi, diciptakan (*makhlūq*) atau bukan dan kekal atau binasa.

Dari pandangan ‘Alī bin Abī Ṭālib (r.a) berhubung dengan semua persoalan tersebut, dikatakan bahawa persoalan syurga merupakan suatu realiti dan termasuk ciptaan (*makhlūq*) Allah dan ia sudah pun diciptakan kerana dikatakan terdapat banyak riwayat mengakuinya.³⁶³

Dalam persoalan sama ada syurga itu suatu realiti atau majazi, tokoh al-Asyā‘irah seperti al-Rāzī berpendapat kedua-duanya merupakan realiti berdasarkan keterangan al-Qur’ān.³⁶⁴

Seterusnya dalam persoalan syurga itu diciptakan (*makhlūq*) atau bukan *makhlūq*, bagi al-Dirāriyyah, al-Jahmiyyah dan sebahagian al-Mu‘tazilah, dikatakan ia bukan *makhlūq*. Hujah mereka adalah kerana Ādam (‘a.s) dikatakan berada di syurga yang merupakan taman-taman dunia, manakala al-Ka‘bī sendiri berpendapat ia adalah *makhlūq* dan bukan *makhlūq*. Sekiranya ia *makhlūq*, bererti ia harus binasa dan dikembalikan pada Hari Kiamat. Namun begitu, ia tidak harus binasa selepas dihuni penghuninya.³⁶⁵

Tokoh-tokoh al-Mu‘tazilah seperti Bisyr al-Mu‘tamir,³⁶⁶ al-Jubbā‘ī dan Abū al-Ḥusayn al-Baṣrī berpendapat ia telah diciptakan, manakala Abū Hāsyim, ‘Abd al-

³⁶³ Al-Mufid, *Awā’il al-Maqālāt*, h.102.

³⁶⁴ Al-Rāzī, *Uṣūl al-Dīn*, h.119-120. Lihat: Al-Qur’ān, surah al-Baqarah (2): 24; Āli ‘Imrān (3): 133.

³⁶⁵ *Ibid.*

³⁶⁶ Al-Ījī, *al-Mawāqif*, h.254; 270, 273; A.S.Tritton, *Muslim Theology*, h.98.

Jabbār³⁶⁷ dan kebanyakannya mengakui ia belum diciptakan dan hanya akan diciptakan pada hari Akhirat.³⁶⁸ Golongan Khawārij, sebahagian al-Zaidiyyah, al-Dirāriyyah dan al-Jahmiyyah dikatakan bersependapat dengan mereka.³⁶⁹

Menurut al-Asyā'irah umumnya, syurga adalah ciptaan Allah (*makhlūq*)³⁷⁰ dan telah pun diciptakan kerana Ādam telah dikeluarkan daripadanya,³⁷¹ begitu juga dalam peristiwa *al-Mi'rāj* dan lain-lain. Bagaimanapun, al-Rāzī berpendapat sebaliknya.³⁷²

Dalam persoalan ia kekal atau binasa, di kalangan al-Mu'tazilah, Abū al-Hudhayl berpendapat syurga kekal begitu juga penghuninya. Allah dikatakan tidak berkuasa atas perbuatan tersebut dan manusia ketika itu, tidak mendapat manfaat atau mudarat.³⁷³

Menurut al-Asyā'irah pula, umumnya berpendapat syurga akan kekal termasuk nikmat dan azab kepada para penghuninya.³⁷⁴ Bagi Jahm dan al-Jahmiyyah, syurga akan binasa termasuk penghuninya, tiada yang kekal melainkan Allah.³⁷⁵

Dalam keterangan beliau seterusnya dikatakan bahawa dalam al-Qur'ān, perkataan *al-Jannah* digunakan merujuk kepada kediaman orang-orang mu'min di alam Akhirat.

³⁶⁷ Al-Ījī, *al-Mawāqif*, h.375.

³⁶⁸ Al-Taftāzānī, *Syarḥ al-Maqāṣid*, II, h.218.

³⁶⁹ Al-Taftāzānī, *ibid*; al-Baghdādī, *Uṣūl al-Dīn*, h.237.

³⁷⁰ Al-Baghdādī, *ibid*, h.237.

³⁷¹ Al-Baghdādī, *ibid*, h.237-238; al-Ījī, *op.cit*, h.374; al-Taftāzānī, *op.cit*, II, h.218; A.S.Tritton, *Muslim Theology*, h.181.

³⁷² Al-Rāzī, *Usul al-Din*, h.119-120.

³⁷³ Al-Baghdādī, *op.cit*; al-Asy'arī, *Maqālāt*, II, h.148; Ibn Hazm, *al-Fiṣal*, IV, h.82; al-Khayyāt, *al-Intiṣār*, h.52.

³⁷⁴ Al-Khayyāt, *ibid*, h.52-53; al-Baghdādī, *ibid*, h.238; al-Asy'arī, *ibid*.

³⁷⁵ Al-Baghdādī, *Uṣūl al-Dīn*; al-Asy'arī, *Maqālāt*; Ibn Hazm, *al-Fiṣal*; al-Khayyāt, *al-Intiṣār*, h.52; al-Malaṭī, *Tanbīh*, h.106-109.

Menurutnya, selain perkataan tersebut, beberapa perkataan lain juga kadang-kala turut digunakan bersama-sama seperti *Jannah al-'Adn*,³⁷⁶ *Jannah al-Firdaus*,³⁷⁷ *Jannah al-Ma'wā*,³⁷⁸ *Jannah al-Na'im*³⁷⁹ dan *Jannah al-Khuld*.³⁸⁰ Di samping itu, terdapat beberapa perkataan yang mempunyai maksud yang sama iaitu *Dār al-Salām*,³⁸¹ *Dār al-Ākhirah*³⁸² dan *Dār al-Maqāmah*.³⁸³

‘Alī (r.a) menjelaskan bahawa kebangkitan melibatkan aspek-aspek jasmani dan ruhani. Oleh itu, balasan pahala dan azab juga dikatakan turut merangkumi kedua-duanya. Dengan kata-kata lain, syurga menyediakan kebahagiaan, pahala dan kebaikan kepada kedua-dua aspek, jasmani dan ruhani. Justeru, syurga merupakan persoalan jasmani dan ruhani.³⁸⁴

Menurut ‘Alī bin Abī Tālib (r.a), syurga adalah tempat pertembungan segala perkara yang boleh dibayangkan dan yang tidak boleh dibayangkan sama ada dari segi kebahagiaan, keseronokan, kegembiraan dan ketenangan.³⁸⁵ Ia adalah kediaman penuh

³⁷⁶ Al-Qur'ān, surah al-Tawbah (9): 72; al-Ra'd (13): 4; al-Hijr (15): 45; al-Kahfi ((18): 31. Lihat: 'Abd al-Bāqī, *al-Mu'jam*, h.180-182.

³⁷⁷ Al-Qur'ān, surah al-Kahfi (18): 107.

³⁷⁸ Al-Qur'ān, surah al-Nāzi'at (79): 41; al-Najm (53): 15; al-Sajdah (32): 19. Lihat: 'Abd al-Bāqī, *op.cit*.

³⁷⁹ Al-Qur'ān, surah al-Syu'arā' (26): 85; al-Wāqi'ah (56): 89; al-Ma'ārij (70): 38. Lihat: 'Abd al-Bāqī, *ibid*, h.180-182.

³⁸⁰ Al-Qur'ān, surah al-Furqān (25): 15.

³⁸¹ Al-Qur'ān, surah al-An'ām (6): 127; Yūnus (10): 25. Lihat: 'Abd al-Bāqī, *op.cit*, h.264.

³⁸² Al-Qur'ān, surah al-Baqarah (2): 94; al-An'ām (6): 32; al-A'rāf (7): 169.

³⁸³ Al-Qur'ān, surah Fātiḥah (35): 35.

³⁸⁴ Lihat: Muḥammad Ḥasan, *al-Ma'ād*, h.31-32; Ja'far al-Subḥānī, *al-Ilāhiyyāt*, IV, h.276.

³⁸⁵ Al-Qur'ān, surah al-Sajdah (32): 17.

kedamaian yang berkekalan (*dār al-baqā'*) tanpa sebarang unsur kematian, ketuaan, kesakitan, penyakit, keburukan, halangan, kedukacitaan, kebimbangan, kemiskinan.³⁸⁶

Berdasarkan keterangan beliau (r.'a) lagi, syurga dikatakan tidak mengandungi unsur-unsur kebencian, permusuhan, kedengkian dan perbalahan kerana setiap penghuninya merasai kegembiraan yang tidak terhingga, meredhai segala pemberian Allah dan tidak pula mengingini kediaman yang lain.³⁸⁷

Penghuni syurga pula tidak akan merasai kebosanan dan keletihan, sebaliknya mereka akan mendapat segala yang dihajati dan kekal berada di dalamnya untuk selamanya kerana Allah menjadikan syurga untuk orang-orang yang mengetahui dan menyembah-Nya. Mereka seolah-olah menjadi tetangga Allah, berada dalam kelompok manusia yang terdiri daripada nabi-nabi, orang-orang salih, malaikat *al-muqarrabīn*, juga sahabat-sahabat dan orang-orang yang dicintai Allah.³⁸⁸

'Ali (r.'a) juga menunjukkan perbandingan perbuatan Allah dengan perbuatan manusia dari segi persamaannya di alam Akhirat. Al-Qur'an memperlihatkan bahawa apabila Allah menghendaki sesuatu, Dia hanya mengatakan *kun* dan ia terus menjadi realiti.³⁸⁹ Manusia di syurga juga dikatakan diberikan keistimewaan dapat mencapai

³⁸⁶ Muhammad 'Abduh, *Syarh Nahj al-Balāghah*, h.291; al-Hurr al-'Āmilī, *al-Fuṣūl al-Muhimmah*, h.131; al-Syarīf al-Raḍī, *Nahj al-Balāghah*, (Khutbah no.109), h.161-162; *Nahj al-Hayāh*, h.53; al-Mughniyyah, *Fī Zīlāl Nahj al-Balāghah*, I, h.421; Ibn Abī al-Ḥadīd, *Syarh Nahj al-Balāghah*, VII, h.200; al-Ṣadūq, *I'tiqādāt*, h.71; Lihat: A.J.Wensinck, *The Muslim Creed*, h.129,130, 165, 185, 195, 211, 268.

³⁸⁷ Al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, IV, h.476.

³⁸⁸ Al-Ṣadūq, *op.cit*, h.71; al-Mughniyyah, *op.cit*, III, h.45.

³⁸⁹ Al-Qur'an, surah al-Nāḥl (16): 40.

keadaan seperti Allah dengan hanya bergantung kepada naluri mereka tanpa memerlukan kekuatan fizikal ataupun peralatan.³⁹⁰

Beliau menjelaskan para penghuni syurga terdiri daripada orang-orang yang bertaqwa dan saleh dari kalangan wali dan hamba Allah, yang terdahulu (*al-sābiqīn*) dan yang taat.³⁹¹ Ini dikatakan kerana semasa di dunia, mereka melaksanakan amalan dan perbuatan yang baik dengan mata sentiasa menangis, waktu malam seumpama siang dengan kekhusukan beristighfar dan waktu siang pula ibarat malam dengan banyak berkhalwah.³⁹² Umumnya, mereka daripada pelbagai peringkat. Sebahagian dapat menikmati beraneka makanan, minuman, buah-buahan dan juga bidadari (*hūr 'ain*), dan bahkan setiap orang akan menikmati segala yang mereka paling sukai.³⁹³ Secara umumnya, beliau membahagikannya kepada 3 kumpulan:

Pertama: Golongan yang menyembah Allah dengan matlamat memperolehi syurga dan mengharapkan kebaikan daripada-Nya.

Kedua: Golongan yang menyembah Allah dengan matlamat takut kepada neraka-Nya.

Ketiga: Golongan yang menyembah Allah dengan matlamat cinta kepada-Nya.³⁹⁴

Dikatakan bahawa sebelum manusia meninggalkan dunia ini, mereka akan diperlihatkan tempatnya di syurga terlebih dahulu.³⁹⁵ Dikatakan bahawa golongan yang

³⁹⁰ Sayyid Mujtaba, *Resurrection*, h. 149.

³⁹¹ Muhammad 'Abduh, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, h.377-378; al-Syarīf al-Raḍī, *Nahj al-Balāghah*, (Khutbah no.157), h.221-222; Ibn Abī al-Ḥadīd, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, VII, h.201-202; *Nahj al-Hayāh*, h.49-50.

³⁹² Muhammad 'Abduh, *ibid*, h.291; al-Syarīf al-Raḍī, *ibid*, (Khutbah no.109), h.161; Ibn Abī al-Ḥadīd, *ibid*, VII, h.194; *Nahj al-Hayāh*, h.53.

³⁹³ Ibn Abī al-Ḥadīd, *ibid*, VII, h.200.

³⁹⁴ Al-Ṣadūq, *I'tiqādāt*, h.72.

paling rendah di kalangan penghuni syurga akan diberikan 10 kali ganda daripada apa yang mereka perolehi semasa di dunia.³⁹⁶

Beliau turut memberikan penjelasan mengenai ciri-ciri syurga secara umum kerana dikatakan bahawa manusia tidak mampu memahami ciri-ciri syurga.³⁹⁷ Di antaranya dikatakan bahawa dalam syurga, terdapat beberapa buah sungai yang disebutkan nama-namanya dalam al-Qur'an seperti *al-Kawthar*, *al-Salsabil*, *al-Tasnim* dan *al-Kafür*.³⁹⁸ Begitu juga syurga dikatakan mempunyai 6 pintu (*bab*), di antaranya *Bāb al-Rahmah*, *Bāb al-Şabr*, *Bāb al-Syukr*, *Bāb al-Alam* dan *Bāb al-Akbar*. Begitu juga, dari segi bentuk dan jenis, tiada sesuatu yang boleh menggantikan nikmat syurga.³⁹⁹ Ia terdiri daripada beberapa tingkat⁴⁰⁰ dan peringkat⁴⁰¹ berdasarkan kebaikan setiap mu'min.

Dalam syurga juga, tidak ada najis atau bahan buangan⁴⁰² kerana apa yang dimakan dan diminum akan dikeluarkan daripada tubuh mereka dalam bentuk peluh yang mengeluarkan bauan yang harum dan wangi. Bagi golongan wanita pula, mereka dikatakan bebas daripada haid, mengandung dan kesukaran-kesukaran yang lain. Selain dari itu, cahaya dalam syurga tidak sama dengan matahari, bulan atau bintang-bintang.

³⁹⁵ Al-Şadūq, *al-Tawḥīd*, h.74; A.J.Wensinck, *Muslim Creed*, h.233.

³⁹⁶ Al-Şadūq, *ibid*, h.74.

³⁹⁷ Al-Qur'an, surah al-Sajdah (32): 17.

³⁹⁸ Al-Qur'an, surah al-Kawthar (108): 1 (*al-Kawthar*); al-Insān (76): 18 (*al-Salsabil*); al-Muṭaffifīn (83): 27 (*al-Tasnim*); al-Insān (76): 5 (*al-Kafür*).

³⁹⁹ Al-Qur'an, surah al-Zukhruf (43): 17.

⁴⁰⁰ Muḥammad ‘Abduh, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, h.224; al-Syarīf al-Rādi, *Nahj al-Balāghah*, (Khutbah no.85), h.116; Ibn Abī al-Ḥadīd, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, VI, h.348; *Nahj al-Hayāh*, h.53.

⁴⁰¹ Al-Mughniyyah, *Fī Zilāl Nahj al-Balāghah*, I, h.421.

⁴⁰² Lihat sama: Muslim, *Ṣaḥīḥ*, IV, h.2180-2181.

Demikian juga, keadaan masa yang dikatakan sentiasa dalam kedudukan di antara fajar (dinihari) dan waktu matahari mulai naik (syuruk) di dunia ini. Hembusan bayu atau udaranya begitu lembut dan nyaman yang pada kebiasaannya dirasai pada waktu fajar ketika di dunia.

Beliau turut menjelaskan bahawa tidak ada seorang nabi pun dibenarkan memasuki syurga sebelum Nabi Muhammad (ṣ.a.w) memasukinya. Dikatakan bahawa orang-orang mu'min sebelum mereka dapat memasuki syurga, akan terlebih dahulu ditunjukkan tempat mereka di neraka dan diberitahu bahawa ia menjadi kediamannya sekiranya mereka mengingkari Allah.

Menurut beliau, nikmat dalam syurga dikatakan mempunyai beberapa peringkat dan ia berdasarkan kepada tahap spiritual para penghuninya.

Pertama: Sebahagian menikmatinya seperti lembu menikmati rumput dan nikmat jasmani tersebut adalah seperti yang mereka rasai semasa di dunia.

Kedua: Sebahagian menikmati keseronokan kerana syurga adalah tempat kemuliaan yang dipilih oleh Allah untuk teman-temannya. Oleh kerana itu, ia adalah tempat yang memperlihatkan keredhaan Allah yang boleh mendekatkan mereka kepada-Nya.

Di antara beberapa nikmat syurga yang dikemukakan adalah:⁴⁰³

Pertama: Kebahagian terbesar adalah memperolehi keredhaan (*riḍwān*) Allah.⁴⁰⁴

⁴⁰³ Muḥammad ‘Abduh, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, h.399; al-Syarīf al-Raḍī, *Nahj al-Balāghah*, (Khutbah no.165), h.239; Ibn Abī al-Ḥadīd, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, VII, h.200; *Nahj al-Hayāh*, h.54; al-Syīrāzī, *Tawdīh*, III, h.16.

⁴⁰⁴ Al-Qur’ān, surah al-Tawbah (9): 72.

Kedua: Keseronokan jasmani (seksual) kerana setiap mu'min dikatakan memperolehi 70 ribu orang bidadari selain daripada isteri mereka. Para bidadari itu sentiasa dalam keadaan suci setiap kali orang mu'min menginginkan mereka.

Ketiga: Makanan dan buah-buahan yang lazat pada setiap masa dengan rasa yang baru berdasarkan keterangan al-Qur'ān yang bermaksud:

“ Setiap mereka diberikan rezeki buah-buahan dalam syurga-syurga itu.”⁴⁰⁵

Keempat: Hati yang sentiasa gembira, bahagia dan tenang.

Kelima: Perhimpunan dengan rakan-rakan seperti dikatakan:

“ Dan Kami lenyapkan segala rasa dendam yang berada dalam hati mereka, sedang mereka merasa bersaudara duduk berhadap-hadapan di atas dipan-dipan.”⁴⁰⁶

Keenam: Istana dan kediaman diperbuat daripada logam berharga dan dihiasi dengan permata, kebun-kebun dengan sungai, buah-buahan dan bunga-bungaan.

Ketujuh: Pelbagai bentuk keseronokan termasuk nyanyian burung yang hanya diberikan kepada orang yang memelihara diri daripada muzik semasa di dunia.

Kelapan: Pelbagai sungai⁴⁰⁷ mengalir di dalamnya. Dikatakan arak yang disediakan dalam syurga tidak memabukkan dan ia memberikan nikmat tanpa sebarang kesan kepada pancaindera mahupun akhlak dan diperuntukkan kepada orang yang menjauhi arak semasa di dunia.

⁴⁰⁵ Al-Qur'ān, surah al-Baqarah (2): 25.

⁴⁰⁶ Al-Qur'ān, surah al-Hijr (15): 47.

⁴⁰⁷ Al-Qur'ān, surah Muhammād (47): 15.

Kesembilan: Pengetahuan bahawa kebahagiaan syurga hanya untuk mereka selama-lamanya tanpa takut kepada kematian, perpindahan, kesakitan, kebimbangan dan lain-lain.

Kesepuluh: Keredhaan Allah yang sentiasa berlipat ganda, para malaikat sentiasa menziarahi dan ingatan terhadap Allah yang berpanjangan.⁴⁰⁸

Beliau mengatakan keterangan yang terbaik berhubung dengan kenikmatan syurga adalah seperti yang disebutkan dalam sebuah hadith Qudsi: “Aku telah sediakan untuk para hamba-Ku yang salih, sesuatu yang mata belum pernah melihatnya, telinga belum pernah mendengarnya dan hati pula belum pernah membayangkannya.”⁴⁰⁹

Keterangan mengenai syurga menurut ‘Ali bin Abi Tālib (r.a) dapatlah diperhatikan menerusi kata-katanya: “ Setiap kenikmatan selain syurga adalah keburukan atau kehinaan.”⁴¹⁰

5.7 - Konsep Neraka (*al-Nār*):

5.7.1 – Pengertian *al-Nār* dari segi bahasa:

Perkataan *Nār* bermaksud sesuatu yang membakar dan ia merujuk kepada api yang menyala (*lahīb*) dan dapat diperhatikan pancaindera manusia berdasarkan keterangan al-Qur'an yang bermaksud:

“ Maka terangkanlah kepadaku tentang api yang kamu nyalakan (daripada gosokan kayu),”⁴¹¹

⁴⁰⁸ Al-Qur'an, surah Yūnus (10): 9 - 10.

⁴⁰⁹ Muslim, *Sahīh*, IV, h.2174-2175. Lihat: Al-Qur'an, surah al-Sajdah (32): 17; Qāsim Ḥabīb Jābir, *al-Falsafah*, h.116.

⁴¹⁰ Muhammad 'Abduh, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, h.768; al-Syarīf al-Raḍī, *Nahj al-Balāghah*, (Hikam no.387), h.544; Ibn Abi al-Hadid, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, XIX, h.345.

dan juga kepada kepanasan (*al-harārah*) seperti diterangkan dalam maksud ayat al-Qur'an berikut:

" dan peliharalah dirimu daripada neraka yang bahan bakarnya manusia dan batu, yang disediakan bagi orang-orang kafir."⁴¹²

Perkataan *Nār* berbentuk *mu'annath* dan kadang-kala *mudhakkār*⁴¹³ dan apabila ia dihubungkan dengan *al* iaitu *al-Nār*, secara khusus ia merujuk kepada api neraka.

5.7.2 – Pengertian *al-Nār* dari segi istilah:

Dalam al-Qur'an, perkataan neraka (*al-Nār*) dikemukakan sebanyak 126 kali⁴¹⁴ dan di antara ayat-ayat yang berkaitan adalah:

Pertama: " Peliharalah dirimu daripada neraka (*al-Nār*) yang bahan bakarnya manusia dan batu, yang disediakan bagi orang-orang kafir."⁴¹⁵

Kedua: " Tempat kembali mereka adalah neraka (*al-Nār*) dan itulah seburuk-buruk tempat tinggal orang-orang yang zalim."⁴¹⁶

Ketiga: " Sesungguhnya orang-orang munafiq itu (ditempatkan) pada tingkatan yang paling bawah daripada neraka (*al-Nār*), dan kamu sekali-kali tidak akan mendapat seorang penolong pun bagi mereka."⁴¹⁷

Kelihatan bahawa perkataan *al-Nār* dari kedua-dua perspektif bahasa dan istilah merujuk kepada perkara yang sama. Menurut 'Alī bin Abī Ṭālib (r.'a), neraka telah

⁴¹¹ Al-Qur'an, surah al-Wāqi'ah (56): 71.

⁴¹² Al-Qur'an, surah al-Baqarah (2): 24; al-Hajj (22): 72; al-Humazah (104): 6. Lihat: Al-Rāghib al-İsfahānī, *Mufradāt*, h.828.

⁴¹³ E.W.Lane, *Lexicon*, VIII, h.2865.

⁴¹⁴ 'Abd al-Bāqī, *al-Mu'jam*, h.723-725.

⁴¹⁵ Al-Qur'an, surah al-Baqarah (2): 24.

⁴¹⁶ Al-Qur'an, surah Āli 'Imrān (3): 151.

tersedia dicipta⁴¹⁸ kerana Nabi Muhammad (ṣ.a.w) dikatakan pernah melihat neraka semasa dalam peristiwa *Mi'rāj*.⁴¹⁹ Lantaran itu, kenyataan baginda (ṣ.a.w) wajib dipercayai. Beliau menjelaskan seperti juga syurga, neraka membabitkan kedua-dua aspek jasmani dan ruhani. Ini bererti bahawa neraka menyediakan balasan penderitaan dan azab kepada jasmani dan ruhani manusia.

Sehubungan dengan persoalan ini, para ulama Islam secara umum berselisih pendapat, di antaranya adalah persoalan sama ada ia merupakan suatu realiti atau majazi, diciptakan (*makhlūq*) atau bukan kekal atau binasa.

Dalam persoalan sama ada neraka itu suatu realiti atau majazi, Abū Ḥanīfah dan tokoh al-Asyā'irah seperti al-Rāzī berpendapat kedua-duanya merupakan realiti berdasarkan keterangan al-Qur'ān.⁴²⁰

Seterusnya dalam persoalan neraka itu diciptakan (*makhlūq*) atau bukan *makhlūq*, menurut al-Asyā'irah umumnya kecuali al-Rāzī,⁴²¹ neraka adalah ciptaan Allah (*makhlūq*)⁴²² dan telah pun diciptakan⁴²³ berdasarkan peristiwa-peristiwa seperti *al-Mi'rāj* dan lain-lain.

⁴¹⁷ Al-Qur'ān, surah al-Nisā' (4): 145.

⁴¹⁸ Al-Ṣadūq, *I'tiqādāt*, h.73; A.J.Wensinck, *The Muslim Creed*, h.129.

⁴¹⁹ Ibn Ḥazm, *al-Fiṣal*, IV, h.81.

⁴²⁰ Al-Rāzī, *Uṣūl al-Dīn*, h.119-120. Lihat: Al-Qur'ān, surah al-Baqarah (2): 24; Āli 'Imrān (3): 133; A.J.Wensinck, *The Muslim Creed*, h.182; J. Robson, "Is the Muslim Hell Eternal," dlm. *MW*, XXVIII, h.390.

⁴²¹ Al-Rāzī, *ibid*, h.119-120.

⁴²² Al-Baghdādī, *Uṣūl al-Dīn*, h.237.

⁴²³ Al-Baghdādī, *ibid*, h.237-238; al-Ṭījī, *al-Mawāqif*, h.374; al-Taftāzānī, *Syarḥ al-Maqāṣid*, II, h.218; A.S.Tritton, *Muslim Theology*, h.181.

Bagi al-Dirāriyyah, al-Jahmiyyah dan sebahagian al-Mu'tazilah, dikatakan ia bukan *makhlūq*. Al-Ka'bī berpendapat ia adalah *makhlūq* dan bukan *makhlūq*. Sekiranya ia *makhlūq*, bererti ia harus binasa dan dikembalikan pada Hari Kiamat. Namun begitu, ia tidak harus binasa selepas dihuni penghuninya.⁴²⁴

Tokoh-tokoh al-Mu'tazilah seperti Bisyr al-Mu'tamir,⁴²⁵ al-Jubbā'ī dan Abū al-Husayn al-Baṣrī berpendapat ia telah diciptakan, manakala Abū Hāsyim, 'Abd al-Jabbār⁴²⁶ dan kebanyakannya mengakui ia belum diciptakan dan hanya akan diciptakan pada hari Akhirat.⁴²⁷ Golongan Khawārij, sebahagian al-Zaidiyyah, al-Dirāriyyah dan al-Jahmiyyah dikatakan bersepakat dengan mereka.⁴²⁸

Dalam persoalan ia kekal atau binasa, menurut al-Asyā'irah, umumnya berpendapat neraka akan kekal termasuk azab kepada para penghuninya.⁴²⁹ Di kalangan al-Mu'tazilah, Abū al-Hudhayl berpendapat neraka akan kekal, begitu juga penghuninya.⁴³⁰ Bagi Jahm dan al-Jahmiyyah, neraka akan binasa termasuk penghuninya, tiada yang kekal melainkan Allah.⁴³¹

⁴²⁴ Al-Baghdādī, *Uṣūl al-Dīn*, h.237-238.

⁴²⁵ Al-İjī, *al-Mawāqif*, h.254; 270, 273; A.S.Tritton, *Muslim Theology*, h.98.

⁴²⁶ Al-İjī, *ibid*, h.375.

⁴²⁷ Al-Taftazānī, *Syarḥ al-Maqāṣid*, II, h.218.

⁴²⁸ Al-Taftazānī, *ibid*; al-Baghdādī, *op.cit*, h.237.

⁴²⁹ Al-Baghdādī, *ibid*, h.238; al-Asy'arī, *Maqālāt*, II, h.148; al-Bazdawī, *Uṣūl al-Dīn*, h.244.

⁴³⁰ Al-Baghdādī, *ibid*; al-Asy'arī, *ibid*; Ibn Ḥazm, *al-Fiṣal*, IV, h.82.

⁴³¹ Al-Baghdādī, *ibid*, h.238; al-Asy'arī, *ibid*; Ibn Ḥazm, *ibid*.

Dalam keterangan selanjutnya, al-Qur'ān menurut 'Alī bin Abī Tālib (r.'a) menyebutkan bahawa neraka diberikan tujuh (7)⁴³² nama atau pintu (*abwāb*) di antaranya, Jahīm,⁴³³ Lazā,⁴³⁴ Saqar,⁴³⁵ Ḥuṭamah,⁴³⁶ Hāwiyah,⁴³⁷ Sa'īr⁴³⁸ dan Jahannam.⁴³⁹ Dalam keterangan-keterangan lain dikatakan, 7 pintu neraka ditafsirkan sebagai 7 peringkat, dan menurut al-Qur'ān, neraka yang ketujuh dikatakan yang paling berat azabnya yang dihuni oleh orang-orang munafiq.⁴⁴⁰ Tingkatan pertama adalah untuk orang-orang mu'min yang melakukan dosa dan terpaksa menjalani azab untuk menghapuskan dosa. Bagi orang mu'min, azab yang paling hebat adalah tidak mendapat rahmat Allah seperti yang dihuraikan oleh 'Alī bin Abī Tālib (r.'a) sendiri dalam *Du'ā' al-Kumayl*:⁴⁴¹

" Sekiranya Engkau hukumku bersama-sama musuh-musuhku, dan Engkau golongkanku dengan penerima bala-Mu, dan Engkau pisahkanku daripada para kekasih dan wali-Mu, maka sekiranya aku dapat bersabar menanggung siksa-Mu, betapa mungkin

⁴³² O'Shaughnessy, Thomas S.J., "The Seven Names For Hell in The Qur'an," dlm. *BSOAS*, XXIV, h.444-469.

⁴³³ Dalam al-Qur'ān, perkataan ini disebutkan sebanyak 26 kali. Lihat: 'Abd al-Bāqī, *al-Mu'jam*, h.164-165.

⁴³⁴ Dalam surah al-Mā'ārij (70): 15-18, hanya 1 kali sahaja ia ditemui. Lihat: *Ibid*, 647.

⁴³⁵ Dalam al-Qur'ān, perkataan tersebut didapati sebanyak 4 kali dalam surah al-Qamar (54): 48; al-Muddaththir (74): 26, 27, 42. Lihat: *Ibid*, h.352.

⁴³⁶ Al-Qur'ān mengemukakannya sebanyak 2 kali dalam surah al-Humazah (104): 4-5. Lihat: *Ibid*, h. 207.

⁴³⁷ Dalam al-Qur'ān, ia hanya didapati 1 kali dalam surah al-Qāri'ah (101): 9. Lihat: *Ibid*, h.740.

⁴³⁸ Dalam al-Qur'ān, ia ditemui sebanyak 16 kali. Lihat: *Ibid*, h.351.

⁴³⁹ Dalam al-Qur'ān, perkataan ini disebutkan sebanyak 77 kali dan ia merupakan yang terbanyak ditemui. Lihat: *Ibid*, h.184-185.

⁴⁴⁰ Al-Qur'ān, surah al-Nisā' (4): 145.

⁴⁴¹ 'Abbās al-Qummī, *Mafātiḥ al-Jinan*, h.93.

aku menanggung perpisahan dengan-Mu? Sekiranya aku dapat menanggung kepanasan api-Mu, betapa mungkin aku dapat bersabar daripada melihat kemuliaan-Mu? Betapa mungkin aku tinggal di neraka sedangkan harapanku bergantung kepada keampunan-Mu?" Menurutnya (r.'a) lagi, hanya dengan rahmat Allah (s.w.t) dan syafa'at Nabi Muhammad (s.'a.w), mereka akan diampuni, dikeluarkan dari neraka, dimandikan dalam telaga *al-Kawthar* dan ditempatkan di syurga.

Beliau turut memberikan penjelasan mengenai ciri-ciri neraka. Menurutnya, neraka merupakan tempat kediaman yang mengandungi segala bentuk keaiban, penderitaan, siksaan, kesengsaraan dan hukuman bersifat kekal abadi dan tidak terputus-putus. Ia juga sebuah tempat yang sempit dan buruk yang penuh dengan segala urusan yang besar lagi menakutkan. Apinya dikatakan terlampau memeritkan manakala keadaannya sangat panas dengan pintu tertutup untuk para penghuninya,⁴⁴² dan dalam api itu terdapat suara lolongan dan kebisingan.⁴⁴³ Kulit manusia yang halus dan tipis menurutnya tidak mampu menanggung azab neraka, manakala keperitan azabnya cuba ditunjukkan olehnya dengan kesakitan tercucuk duri, terjatuh dan melecur. Selain itu, beliau turut cuba menunjukkan keadaannya yang amat dahsyat dengan mengatakan bahawa apabila Mālik, penjaga neraka itu sendiri marah, neraka tersebut akan terpecah-pecah.⁴⁴⁴ Neraka disediakan bagi orang-orang yang lalai⁴⁴⁵ dan yang melakukan

⁴⁴² Muhammad 'Abduh, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, h.449; al-Syarīf al-Raḍī, *Nahj al-Balāghah*, (Khutbah no.190), h.282; *Nahj al-Hayāh*, h.54-55.

⁴⁴³ Muhammad 'Abduh, *ibid*, h.292; al-Syarīf al-Raḍī, *ibid*, (Khutbah no.109), h.161; Ibn Abī al-Ḥadid, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, VII, h.194; *Nahj al-Hayāh*, h.53.

⁴⁴⁴ Muhammad 'Abduh, *ibid*, h.433; al-Syarīf al-Raḍī, *ibid*, (Khutbah no. 183), h.267; Ibn Abī al-Ḥadid, *ibid*, X, h.113; *Nahj al-Hayāh*, h.55-56.

maksiat.⁴⁴⁶ Hanya orang-orang kafir dan munafiq dikatakan kekal dalam neraka untuk selama-lamanya sedangkan yang lain, hanya untuk sementara waktu.

Berhubung dengan persoalan orang fasiq (*fussāq*), terdapat perbezaan pendapat mengenainya. Al-Asyā'irah berpendapat Allah akan mengeluarkan *Ahl al-Qiblah* dari neraka dan tidak mengekalkan mereka selama-lamanya di sana,⁴⁴⁷ sedangkan al-Mu'tazilah dan al-Khawārij mengatakan mereka akan kekal dan tidak akan dapat keluar sama sekali.⁴⁴⁸ Namun, 'Ali (r.'a) berpendapat para pelaku dosa dan salah dari kalangan orang mu'min akan dikeluarkan darinya dengan rahmat Allah ataupun menerusi syafa'at Nabi Muhammad (s.'a.w).

Selanjutnya beliau (r.'a) menjelaskan, pada hakikatnya penghuni neraka akan mengalami penderitaan yang tidak berkesudahan.⁴⁴⁹ Mereka tidak akan diizinkan mati dan hukuman yang diterima pula tidak akan dikurangkan.⁴⁵⁰ Minuman untuk mereka juga dikatakan amat dahsyat bahkan mereka dikatakan tidak akan merasai sebarang minuman sejuk kecuali air yang mendidih, cecair yang hitam pekat dan juga termasuk nanah.⁴⁵¹

⁴⁴⁵ Muhammad 'Abduh, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, h.378; al-Syarīf al-Raḍī, *Nahj al-Balāghah*, (Khutbah no.157), h.221-222; Ibn Abī al-Ḥadīd, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, IX, h.209; *Nahj al-Ḥayāh*, h.49-50.

⁴⁴⁶ Muhammad 'Abduh, *ibid*, h.292; al-Syarīf al-Raḍī, *ibid*, (Khutbah no.109), h.161; Ibn Abī al-Ḥadīd, *ibid*, VII, h.201-202.

⁴⁴⁷ Al-Taftāzānī, *Syarḥ al-Maqāṣid*, VIII, h.304.

⁴⁴⁸ Al-Asyā'irah, *Maqālāt*, II, h.148; Ibn Ḥazm, *al-Fiṣal* IV, h.44.

⁴⁴⁹ Ibn Abī al-Ḥadīd, *op.cit*, VII, h.200.

⁴⁵⁰ Lihat: Muslim, *Ṣaḥīḥ*, V, h.374; Ibn Ḥanbal, *Musnād*, IV, h.130; J.Robson, " Is the Muslim Hell Eternal," dlm. *MW*, XXVIII, h.391-392.

⁴⁵¹ Muhammad 'Abduh, *op.cit*, h.312; al-Syarīf al-Raḍī, *op.cit*, (Khutbah no.120), h.176; Ibn Abī al-Ḥadīd, *op.cit*, VII, h.288; Qāsim Ḥabīb Jābir, *al-Falsafah*, h.116.

Sekiranya mereka menginginkan makanan, *zaqqūm*⁴⁵² akan diberikan kepada mereka. Begitu juga sekiranya mereka memohon keringanan, air seperti tembaga yang dileburkan akan diberikan kepada mereka hingga melecur dan melepuhkan kulit muka mereka. Mereka dikatakan merintih kepada Allah, tetapi tidak akan diendahkan.

Dalam hadith yang mengatakan Allah (s.w.t) memerintahkan sebahagian manusia ditunjukkan tempatnya di neraka tetapi diberitahu agar kaki mereka tidak dibakar kerana ia digunakan untuk ke masjid, tangan mereka tidak dibakar kerana digunakan untuk berdoa dan lidah mereka tidak dibakar kerana banyak membaca al-Qur'ān dan muka mereka tidak dibakar kerana sering berwudhu' dengan baik, dihuraikan oleh 'Alī bin Abī Tālib (r.'a) sebagai merujuk kepada orang-orang yang melakukan amalan-amalan baik bukan kerana Allah tetapi untuk menunjuk-nunjuk kepada manusia lain.⁴⁵³ Lantaran itu, dalam nasihat-nasihatnya, beliau mengingatkan manusia seluruhnya supaya mengambil amanah Allah seperti anggota-anggota tubuh badan dengan baik dan melakukan kebaikan kepada diri, harta⁴⁵⁴ dan segala-gala yang lain.

Secara keseluruhan, gambaran neraka menurut pandangan 'Alī bin Abī Tālib (r.'a) dapat dilihat menerusi kata-katanya: " Setiap keburukan (*balā'*) selain neraka adalah kesembuhan ('āfiyah)."⁴⁵⁵

⁴⁵² Dalam al-Qur'ān, perkataan *zaqqūm* didapati sebanyak 3 kali dalam surah al-Şāfāt (37): 62; al-Dukhān (44): 43; al-Wāqi'ah (56): 52; Lihat: 'Abd al-Bāqī, *al-Mu'jam*, h.331.

⁴⁵³ Al-Ṣadūq, *I'tiqādāt*, h.74.

⁴⁵⁴ Muḥammad 'Abduh, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, h.403; al-Syarīf al-Raḍī, *Nahj al-Balāghah*, (Khutbah no.168), h.243; *Nahj al-Hayāh*, h.55-56.

⁴⁵⁵ Muḥammad 'Abduh, *ibid*, h.768-769; al-Syarīf al-Raḍī, *ibid*, (Hikam no.387), h.544; Ibn Abī al-Ḥadīd, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, XIX, h.345.